



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI,
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN**

NURUL SYUHADA BINTI MD SAHAR

(2019230548)

NURUL SAKILA BINTI MD SALEH

(2019208014)

SEMESTER OKTOBER 2021 – JANUARI 2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI,
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN**

NURUL SYUHADA BINTI MD SAHAR

(2019230548)

NURUL SAKILA BINTI MD SALEH

(2019208014)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021 – JANUARI 2022

ISI KANDUNGAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	I
	Penghargaan	Iii
	Senarai Abreviasi	Iv
	Senarai Singkatan	V
	Rujukan Kata	Vi
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	4
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada Tokoh	6
3.0	Sejarah Lisan	8
	3.1 Pengenalan	9
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	11
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	12
4.0	Kajian Literatur	14
	4.1 Topok 1	15
	4.2 Topik 2	17
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	19
6.0	Log Temubual	189
7.0	Ralat	210
8.0	Glosari	212
9.0	Indeks	215
10.0	Bibliografi	219
11.0	Lampiran	223
	11.1 Biografi Tokoh	224
	11.2 Surat Perjanjian	225
	11.3 Senarai Soalan	226
	11.4 Diari Penyelidikan	234
	11.5 Gambar dan bahan lain yang berkaitan	236

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ABSTRAK

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ABSTRAK

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PELAKON VETERAN

MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ABSTRAK: Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama seorang pelakon veteran tanah air iaitu Encik Shaharuddin Thamby bagi berkongsi pengalaman, pandangan berkaitan dan seni lakonan tanah air selama lebih 30 tahun dalam industri. Sesi temubual dijalankan pada 22 November 2021 selama 2: 04: 00 jam secara bersemuka di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Kompleks Studio Merdeka, Ampang, Selangor. Soalan-soalan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berorientasikan soalan berkenaan latar belakang tokoh untuk mengetahui serba sedikit mengenai diri tokoh sebagai sesi perkenalan. Bahagian kedua merupakan soalan-soalan umum berkaitan pandangan dan pendapat tokoh mengenai industri lakonan tanah air. Bahagian ketiga pula lebih spesifik kepada kehidupan dan pengalaman tokoh sepanjang berkecimpung dalam dunia lakonan. Pada temubual ini, beliau berkongsi juga mengenai tips untuk kekal dalam dunia lakonan dan kejayaan beliau dalam industri lakonan. Melalui projek sejarah lisan ini, masyarakat diharapkan dapat lebih menghargai usaha-usaha tokoh pelakon veteran dalam industri hiburan tanah air.

Kata Kunci: Encik Shaharuddin bin Tambi, Pelakon Veteran, Teater, Produser Kecil, Industri Lakonan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMB
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ABSTRACT

TRANSCRIPT OF INTERVIEW WITH VETERAN ACTOR

ON ACTING INDUSTRY

ABSTRACT: This transcript contains a recording of an interview with a veteran actor of the country, namely Mr. Shaharuddin Thamby to share experiences, relevant views and the art of acting in the country for more than 30 years in the industry. The interview session was conducted on 22 November 2021 for 2:04:00 hours face to face at the Malaysian National Film Development Corporation (FINAS), Merdeka Studio Complex, Ampang, Selangor. The questions are divided into three sections. The first part is oriented to questions about the background of the figure to know a little about the figure as an introductory session. The second part is general questions related to the views and general opinions of figures on the country's acting industry. The third part is more specific to the life and experience of the characters throughout their involvement in the world of acting. In this interview, he also shared about tips to stay in the world of acting and his success in the acting industry. Through this oral history project, the community is expected to better appreciate the efforts of veteran actors in the country's entertainment industry.

Keywords: Mr. Shaharuddin bin Tambi, Veteran Actor, Theater, Small Producer, Acting Industry

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

PENGHARGAAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM DAN ASSALAMUALAIKUM w.b.t

Transkrip ini telah disempurnakan ketika dunia masih dilanda wabak pandemik COVID-19. Sepanjang proses yang berlaku sama ada sebelum, semasa atau selepas pembuatan transkrip ini diselesaikan, Alhamdulillah syukur kepada Allah, kami dapat melalui segala rintangan dan cabaran dengan usaha yang gigih, dapat juga menyiapkan transkrip ini pada tempoh yang ditetapkan. Kami juga ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada mana-mana pihak yang turut terlibat dalam menjalankan tugas IMR 604: Oral Documentation, bagi menyiapkan projek kami iaitu “Transkrip Temubual Bersama Encik Shaharuddin Bin Tambi, Mengenai Industri Lakonan” dengan jayanya. Kerjasama anda semua sangat tidak ternilai harganya.

Jutaan penghargaan diucapkan kepada pensyarah kami iaitu Puan Noorsiah binti Jamaludin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang semester ini berlangsung iaitu dari awal projek sejarah lisan ini dijalankan sehingga siap dengan jayanya. Kesabaran beliau dalam menghadapi segala kesulitan dan karenah para pelajar amat tidak ternilai dalam mencurahkan ilmu sebagai warga pendidik. Kami amat bersyukur kerana diberikan tunjuk ajar oleh beliau yang tidak pernah putus asa dan tidak kedekut dalam memberikan segala ilmu yang dipunyai untuk diberikan kepada para pelajarnya. Ketekunan beliau dalam menyampaikan ilmu patut dipuji dan hal ini menjadikan beliau seorang pendidik yang berdedikasi.

Jutaan terima kasih juga kepada tokoh pelakon veteran, Encik Shaharuddin Thamby yang sudi meluangkan masa bersama kami selama proses temubual dijalankan. Terdapat banyak pengalaman dan ilmu yang telah dikongsikan oleh beliau mengenai lakonan. Sepanjang temubual dijalankan, beliau amat positif terhadap segala cabaran dan dugaan sepanjang berkecimpung dalam dunia lakonan. Masa yang diluangkan oleh beliau ialah hampir 3 jam lebih bersama kami untuk menyiapkan temubual berdurasi 2 jam lebih amat kami hargai. Sesungguhnya beliau amat penyabar dan sikap beliau yang memahami kerja khusus yang kami lakukan amat kami syukuri.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan sahabat-sahabat kami yang membantu memberikan sokongan dan dorongan sepanjang proses kerja ini dijalankan adalah sebuah suntikan semangat yang amat berharga.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

SENARAI ABREVIASI

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
COVID-19	Coronavirus Disease 2019
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
KL	Kuala Lumpur
MS	Medium Shot
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen
UiTM	Universiti Teknologi Mara

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

SENARAI SINGKATAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

SENARAI SINGKATAN

NSMS1	Nurul Syuhada binti Md Sahar
NSMS2	Nurul Sakila binti Md Saleh
ST	Shaharuddin Thamby

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

RUJUKAN KATA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

RUJUKAN KATA

Aje	Sahaja
Ambik	Ambil
Balik	Semula
Bedal	Masuk
Bila	Apabila
Cincai-cincai	Tidak bersungguh-sungguh
Dia orang	Mereka
Eh	Ya
Je	Sahaja
Jugak	Juga
Kaleng- kaleng	Biasa- biasa
Kat	Di/ Dekat
Kecik	Kecil
Kena	Perlu
Kero	Juling
Kita orang	Kami
Kot	Mungkin
Kuat	Lama
Lelagi	Lagi-lagi
Lepastu	Selepas itu
Macam	Seperti
Macam mana	Bagaimana
Macam tu	Begitu
Mak pak	Ibu bapa
Memancing	Memukau
Ni	Ini
Pasal	Tentang
Pastu	Selepas itu
Pulak	Pula
Sapa	Siapa
Tak	Tidak

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Takde	Tiada
Tapi	Tetapi
Tengah	Sedang
Tengok	Menonton
Terjun	Masuk
Tu	Itu
TV	Televisyen

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

BIODATA
PENEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual 1



Nama	Nurul Syuhada binti Md Sahar
Tarikh Lahir	28 Julai 1999
Tempat Lahir	Hospital Sultanah Nora Ismail
Alamat	TL/96 Kg. Parit Terus Mk 18 Sri Medan, 83400, Batu Pahat, Johor
No. Telefon	017-7530248
E-mel	2019230548@student.uitm.edu.my
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

1.2 Penemubual 2



Nama	Nurul Sakila binti Md Saleh
Tarikh Lahir	14 Februari 1999
Tempat Lahir	Kampung Parit Jayos, Sri Medan, 83400, Batu Pahat, Johor
Alamat	TL/14 Kampung Parit Jayos Sri Medan, 83400, Batu Pahat, Johor.
No. Telefon	011-27621866
E-mel	2019208014@student.uitm.edu.my
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama	Shaharuddin bin Tambi
Nama Komersial	Shaharuddin Thamby
Nama Samaran	Cha Ai
Tarikh Lahir	15 Mac 1957
Alamat	AU5D, Lembah Keramat, Kuala Lumpur
No telefon	019-2224765
Emel	-
Bidang	Industri Lakon

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

2.2 Pengenalan Tokoh

Nama beliau ialah Shaharuddin bin Tambi. Nama komersialnya adalah Shaharuddin Thamby dan nama timangan semasa kecil adalah Cha' Ai. Hobi beliau adalah bersukan. Beliau telah dilahirkan pada 15 Mac 1957. Kini, beliau berusia enam puluh empat [64] tahun dan sudah berkeluarga. Hasil perkahwinannya dengan bekas isteri, beliau dikurniakan tiga orang cahaya mata, dua orang lelaki dan seorang perempuan. Beliau dilahirkan di Morib, Banting, Kuala Langat, Selangor. Kini beliau menetap di AU5D di Lembah Keramat Kuala Lumpur. Beliau mempunyai lapan orang adik beradik dan beliau merupakan anak pertama. Nama bapanya ialah Haji Tambi bin Muhammad Jam dan ibunya Hajah Rahmah binti Abu. Allahyarham ayahnya dahulu berkerja sebagai seorang peniaga dan juga pemandu teksi. Beliau menerima pendidikan sekolah rendah di Sekolah Genirut dan bersekolah Menengah di Metris. Setelah habis sekolah, beliau berkerja sebagai kerani sebelum bergelar sebagai seorang pelakon.

Menurut Encik Shaharuddin Thamby ketika sesi temu bual tersebut dijalankan, beliau berkecimpung di dalam bidang perfileman, drama dan teater hampir tiga puluh lima tahun. Menurutnya lagi, beliau menceburkan diri dalam bidang seni lakon ini sejak awal tahun 80 an. Terdetiknya hati beliau ingin menceburkan diri dalam bidang seni lakon adalah kerana beliau amat meminati pelakon-pelakon filem era zaman P. Ramli ataupun Jalan Ampas sehingga zaman Studio Merdeka. Beliau mendapati pelakon idola beliau memberi ransangan kepada beliau untuk menceburi bidang lakonan bagi beliau mencuba bakat beliau sebagai seorang pelakon. Beliau telah berguru dengan Mustaffa Noor yang juga merupakan seorang pelakon Malaysia suatu ketika dahulu. Beliau mengikuti kelas lakonan tersebut selama tiga tahun untuk mendalami ilmu lakonan dan menjadi seorang pelakon yang hebat. Walau bagaimanapun, dalam kalangan ahli keluarga beliau, hanya anak sulong beliau yang mengikuti jejak langkahnya menceburi bidang industri seni iaitu Chap yang merupakan penyanyi dari kumpulan A to Z suatu ketika dahulu.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Selain itu, selain daripada menjadi seorang pelakon teater, drama ataupun filem, kini beliau juga merupakan seorang produser kecil di produksi Freelancer. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang seni lakon, beliau telah menerima dua anugerah yang semestinya menjadikan beliau terus dikenali sehingga kini. Anugerah pertama yang berjaya dirangkul ialah Anugerah Sri Angkasa bagi Kategori Anugerah Pelakon Drama TV terbaik pada tahun 1991 menerusi drama 'Kebangkitan'. Anugerah yang kedua pula ialah di Festival Filem Malaysia (FFM) bagi kategori Pelakon Pembantu Filem Terbaik menerusi filem 'Bintang Malam' pada tahun 1992.

Menurut beliau, untuk terus kekal relevan dalam industri seni lakon, seseorang pelakon itu perlu mempersembahkan lakonan yang meninggalkan kesan kepada penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana jika pelakon berjaya meninggalkan kesan kepada penonton pastinya lakonan tersebut akan diingati dan penonton akan terus menanti kemunculan artis tersebut di kaca televisyen. Selain itu, beliau berkata, seseorang itu perlu mempunyai minat, bakat dan juga ilmu sekiranya ingin menceburkan diri dalam bidang lakonan. Beliau berkata lagi untuk terus mendapat tempat di hati peminat, beliau akan cuba memberikan persembahan yang terbaik dan menyerahkan kepada penonton untuk membuat penilaian terhadap watak lakonan yang dibawa dan beliau menganggap lakonannya itu sebagai dakwah di dunia ini dan menganggap penonton mengikut apa yang baik untuk dijadikan contoh melalui watak-watak yang dimainkan di dalam lakonannya.

SEJARAH
LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan Kajian

Menurut Dr. Agus Santoso (n.d.) sejarah lisan merupakan maklumat dan keterangan masa lampau yang diambil dari tokoh atau pelaku sejarah yang didapatkan melalui wawancara. Selain itu, sejarah lisan dengan mudah dapat difahami sebagai peristiwa-peristiwa sejarah yang diingat oleh setiap atau sejarah yang berada dalam memori seseorang dan perlu usaha untuk mengeluarkannya (Rezia D. Dienaputra, 2013). Terdapat definisi tambahan bagi maksud yang telah dinyatakan mengenai sejarah lisan oleh Mahani Musa (2017), sejarah lisan merupakan usaha untuk memahami masa lalu dengan lebih mendalam dengan merakam dan mendokumentasikan suatu peristiwa sejarah dan fenomena sosial melalui pengalaman dan memori manusia. Kemudian, UC Santa Cruz University Library (n.d.) menerangkan maksud sejarah lisan secara terperinci iaitu kaedah penyelidikan sejarah melalui temubual yang direkodkan bersama pencerita yang mempunyai pengalaman peribadi dan dianggap penting dari aspek sejarah dengan penemubual yang mempunyai cukup pengetahuan dan bermatlamat menambah rekod sejarah yang boleh dikumpulkan dengan menggabungkan sumber primer dan sumber sekunder untuk menambahkan pemahaman mengenai sejarah tersebut.

Rezia D. Dienaputra (2013) menjelaskan, sejarah lisan telah berlaku sejak zaman dahulu oleh Thucydides, seorang sejarawan Athenian dan jeneral mengenai Perang Peloponesianya yang berlaku pada 2400 tahun yang lalu yang dilakukan melalui temu bual langsung bersama prajurit yang terlibat dalam peperangan tersebut; kemudian hasil temu bual itu dihasilkan dalam bentuk tulisan iaitu *Historia de la Guerre du Peloponnese*. Menurutny lagi, sejarah lisan dilihat berkembang antara pengakhiran abad ke 19 dan awal abad ke-20 apabila kaedah sejarah lisan melihat perkembangan dari aspek kaedah yang digunakan iaitu penemuan alat perakam pada tahun 1877 dan teknologi tersebut digunakan dalam penelitian sejarah lisan di Amerika Syarikat pada tahun 1930. Kemudian sejarah lisan akhirnya telah dimasukkan dalam program pembelajaran pada tahun 2008 sebagai program pendidikan pascasarjana di Amerika Syarikat. Rezia D. Dienaputra (2013) melanjutkan dalam penulisannya bahawa perkembangan sejarah lisan di Asia Tenggara seperti Malaysia dan Thailand dilihat pada pertengahan abad ke-20. Hal ini disokong oleh Mahani Musa (2017) yang menyatakan Malaysia adalah negara terawal di Asia Tenggara yang membentuk program sejarah lisan pada tahun 1963.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Sejarah lisan boleh didapati dengan cara seperti yang diketengahkan oleh Mohd Amin Hasan (1974) yang menyatakan sejarah lisan boleh didapati melalui proses temuramah bersama orang-orang tertentu seperti perkara yang berlaku semenjak Perang Dunia ke-2, bahan-bahan arkib adalah terhad untuk kepentingan negara; oleh itu, kurangnya bahan rujukan bagi penyelidik menyebabkan ahli sejarah perlu menggunakan kaedah sejarah lisan dengan menemubual penulis bahan arkib tersebut. Tambahan pula, Siti Roudhah Mohd Saad et.al (2012) juga menerangkan melalui sejarah lisan, pelbagai pengalaman baru dapat diperolehi dengan mengenali pelbagai personaliti manusia. Hal ini pula telah mewujudkan keraguan terhadap sejarah lisan apabila terdapat unsur-unsur bias, emosi dan reaksi terhadap peristiwa yang diceritakan.

Sejarah lisan terbukti mempunyai kebaikan dari aspek bukti, pengalaman dan analisis yang akan menghasilkan sebuah sejarah yang berkualiti; serta dengan penggunaan yang baik, sejarah lisan juga dapat menghasilkan sumbangan yang penting. Sejarah lisan melalui kaedah temubual dan pendokumentasian yang telah dihasilkan adalah sebahagian dari sistem dan proses yang logik yang akan mentransformasikan bukti realiti kepada gubahan sejarah yang menguasai masa lalu (William Moss, 1977). Selain itu, sejarah lisan juga dapat menghasilkan sumbangan yang penting dalam penulisan histografi bagi mendapatkan sumber penulisan sejarah yang kukuh dan mantap dan sejarah lisan juga dapat membina semula peristiwa-peristiwa sejarah dengan menggantikan rekod-rekod yang hilang atau dimusnahkan serta mencatat kembali gambaran detik sejarah yang lebih jelas dan teliti yang juga dapat menghubungkan zaman lepas dengan zaman kini melalui rakaman detik-detik bersejarah (Seow Han Lin, 2019). Di samping itu, hasil dari sumber temubual yang dijalankan dapat diaplikasikan sebagai sumber tambahan dari sumber bertulis sedia ada dan sangat penting untuk menemubual seseorang yang merasai sendiri atau pelaku sesuatu peristiwa tersebut (Dr. Agus Santoso, n.d.).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Terdapat tiga objektif yang perlu dicapai untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan iaitu:

1. Untuk mengabdikan memori mengenai artis veteran yang masih belum direkodkan sebagai kenangan pada masa akan datang.
2. Untuk menemubual pengalaman artis veteran yang dipilih sebagai rekod sumber primer.
3. Untuk mendokumentasikan usaha dan sumbangan artis veteran terhadap industri kreatif tanah air.

3.2 Kepentingan Sejarah Lisan

Malaysia mempunyai ramai artis veteran atau legenda yang telah memulakan karyanya seawal tahun 60-an hingga 80-an. Oleh sebab itu, mereka pastinya mempunyai pengalaman yang banyak dalam industri seni di Malaysia. Namun begitu, kemunculan artis- artis baru yang lebih muda dan tampan menyebabkan artis veteran di Malaysia ini semakin dilupakan dan dipinggirkan. Petikan daripada Keratan akhbar Berita Harian yang ditulis oleh Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin mengatakan seorang artis veteran yang telah lama berada dalam bidang seni lakonan memberitahu bahawa hatinya terluka kerana terdapat pihak yang menganggap artis veteran tiada nilai. Terdapat segelintir syarikat produksi yang memperkotak- katikkan artis veteran dan menganggap artis veteran seperti tiada harga diri (Abdul Jalil Hamid,2021). Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa artis veteran sangat bernilai memandangkan mereka sudah berada dalam industri seni lebih lama berbanding dengan penggiat seni yang baru mengorak langkah ke dalam bidang industri seni di Malaysia. Oleh itu, terdapat satu kaedah yang dapat membantu masyarakat terus menghormati, mengingati dan terus mengenali artis- artis veteran dengan menggunakan kaedah sejarah lisan ini.

Setiap kajian yang dilakukan oleh semua pengkaji pastinya ada sebab dan tujuannya. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap artis veteran atau legenda yang telah memulakan karya seawal tahun 60 an hingga 80 an ini. Hasil kajian yang dilakukan ini pastinya mempunyai kepentingannya kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang sejarah lisan ini. Antara kepentingan kajian sejarah lisan ini kepada masyarakat, agensi dan individu adalah :

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

1.6.1 Masyarakat

Masyarakat akan dapat lebih mengenali artis veteran dengan lebih mendalam lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kajian sejarah lisan ini, artis veteran atau lagenda tanah air mungkin akan berkongsi perjalanan seninya seawal mereka memulakan karya seninya sehingga sekarang yang mana kisah yang dikongsikan oleh mereka tidak pernah lagi diterbitkan di mana-mana platform lagi sewaktu sesi temubual diadakan. Menurut Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), sejarah lisan memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk Sejarah Malaysia di abad ini. Ini sememangnya memberikan kelebihan kepada masyarakat terutamanya generasi baru untuk mengetahui maklumat baru serta mengenali artis-artis veteran dengan lebih mendalam lagi.

1.6.2 Organisasi /Agensi

Kajian sejarah lisan yang dilakukan terhadap artis veteran ini juga memberi kelebihan kepada sesebuah agensi. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil akhir kajian yang dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual yang akhirnya akan ditranskripkan akan disimpan di dalam perpustakaan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Oleh itu, transkrip tersebut kemudiannya boleh dijadikan sebagai rujukan agensi-agensi tertentu untuk mendapatkan artis berkualiti tinggi dan juga untuk tujuan pembelajaran. Kertas projek dan tape-tape hasil rakaman para pelajar akan disimpan di dalam makmal ataupun arkib sejarah lisan untuk digunakan oleh para pelajar dan kakitangan akademik untuk memudahkan penyelidikan, kajian dan dijadikan sebagai bahan pengajaran (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007).

1.6.3 Individu

Seterusnya, kepentingan hasil kajian sejarah lisan terhadap individu boleh diaplikasikan kepada artis-artis baru yang baru menceburkan diri dalam industri seni Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana artis veteran atau lagenda sememangnya mempunyai banyak pengalaman dalam bidang seni yang boleh dijadikan sebagai inspirasi, teladan dan pedoman kepada artis-artis baru yang baru mengorak langkah dalam bidang ini. Menurut Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), sejarah lisan amat unik kerana ia mampu menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah.

**KAJIAN
LITERATUR**

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021), artis bermaksud penghibur seperti penyanyi, penari, rakaman penyanyi atau pemuzik yang merakamkan persembahannya dalam sesebuah album dengan syarikat rakaman mengikut kontrak tertentu. Menurut Sidonia Locke (2021), artis di dalam kamus *Cambridge* bermaksud seseorang seseorang yang mewarna, melukis atau membuat patung dan juga merupakan pelakon, pemuzik, penari atau persembahan lain. Di samping itu, artis atau seniman didefinisikan sebagai seorang yang kreatif, inovatif, atau mahir dalam bidang seni (Lufita Rana, 2012). Menurut Arie Hamzah Iskandar (2014), artis atau seniman merupakan orang yang terlibat dalam sate atau lebih dari setiap spektrum yang luas dari kegiatan yang berkaitan dengan menciptakan seni, berlatih seni dan menunjukkan suatu seni. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021), veteran pula bermaksud orang yang telah banyak pengalamannya (dalam sesuatu perkara).

Menurut Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin (2021), menerusi akhbar Berita Harian menyatakan bahawa antara isu yang dialami oleh artis veteran adalah berkaitan dengan isu bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman. Namun, menurut Shaharuddin Thamby (2021), tidak timbul isu pelakon veteran dibayar dengan harga yang rendah jika mendapat persetujuan antara pihak pelakon dan penerbit drama atau filem. Selain itu, menurut Jalil Hamid (2021), hatinya terluka kerana terdapat segelintir pihak produksi yang memperkotak-katikkan artis veteran dan menganggap mereka seperti tiada harga diri disamping menyatakan bahawa di Malaysia tidak seperti artis *Hollywood* dan *Bollywood* di mana artis mereka yang semakin berusia semakin tinggi bayarannya. Menurut Berita Harian (2021), Presiden Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Zed Zaidi berkata pihaknya telah mengemukakan cadangan untuk menangani isu bayaran artis veteran dan pihaknya juga telah mengetengahkan isu bayaran pelakon yang tidak seragam serta isu bayaran murah yang diterima oleh artis veteran kepada FINAS.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Menurut Sharizan Ahmad (2019), industri seni masih melayan anak seni dengan cara tidak adil menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk tidak lagi berlakon dan menceburi bidang pengacaraan dan perniagaan. Namun, menurut Datuk Maglin Dennis D’Cruz (2013), Stesen televisyen tempatan perlu memberi lebih banyak peluang kepada artis veteran yang terdiri daripada penyanyi, pelawak, pelakon dan juga pemuzik untuk terus muncul dan menyumbang bakat seni mereka. Walau bagaimanapun, menurut Fauzan Uda Ahmad (2018), situasi hiburan semasa memerlukan populariti yang dihitungkan mengikut jumlah peminat termasuk melalui pelbagai khidmat dalam media sosial.

Menurut Datuk Rosnani Jamil (2019), “golongan selebriti kini leka mengejar populariti berbanding mempersiapkan diri dengan ilmu yang boleh menjadi bekalan pada masa hadapan” dan beliau turut menasihati artis baru untuk pergi belajar, mempersiapkan diri dengan pelbagai cabang ilmu kerana ia dapat membantu untuk meneruskan kehidupan jika kerjaya di hadapan kamera semakin suram.. Alif Satar (2019), berharap supaya golongan artis baharu tidak mengejar populariti semata-mata kerana setiap apa yang dilakukan menjadi perhatian umum disamping beliau menyatakan bahawa artis bertanggungjawab melakukan sesuatu untuk menjadi inspirasi serta contoh yang baik kepada masyarakat. Selain itu, menurut Asma Harun (2021), golongan artis, instafamous atau personaliti media sosial perlu lebih bertanggungjawab dengan apa yang dikongsi di media sosial kerana ia memberi pengaruh kepada masyarakat. Menurut Profesor Dr. Syed Omar Syed Agil (2017), “pengaruh seorang selebriti itu jika digunakan sebaiknya ia akan memberi manfaat yang cukup besar kepada masyarakat”.

Artis Malaysia juga tidak ketinggalan untuk melaksanakan tanggungjawab sosialnya. Ramai yang tidak menyedari bahawa sumbangan artis dalam kerja-kerja kebajikan amat besar dalam menyampaikan maklumat melalui media sosial serta penglibatan mereka dalam acara amal (Profesor Dr. Syed Omar Syed Agil, 2017). Menurut Farihad Shalla Mahmud (2021) selebriti terkenal iaitu Erma Fatima berganding bahu dengan ramai artis popular seperti Datuk Aznil Nawawu, Datin Seri Umie Aida, Amy Search, Nabila Huda, Tiz Zaqyah, Syamel dan Ernie Zakri menjayakan kempen Tabung Bantuan Perintah Kawalan (PKP) Kita Ada Kita untuk membantu golongan yang terkesan. Selain itu, menurut Mohammad Shahemy Azmi & Sairul Zamri Misrani (2021), segelintir golongan selebriti tidak terkecuali tampil

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

menghulurkan bantuan mengikut kemampuan setelah mendengar keluh kesah daripada masyarakat yang terkesan ketika PKP dilaksanakan.

4.2 Topik 2

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), pelakon bermaksud orang yang berlakon dalam drama (sandiwara dan lain lain), tokoh dalam cerita dan lain-lain. Selain itu, menurut Fajar Rosenberg Mckayn (2021), pelakon didefinisikan sebagai seorang selebriti berprestasi yang menggambarkan watak-watak di pentas serta di kaca televisyen, iklan, filem, dan juga pameran di taman hiburan. Menurut Fauziah Ahmad Daud (2021), lakonan merupakan seni ekspresi jiwa.

Pelbagai persiapan perlu dilakukan untuk bergelar seorang pelakon. Menurut Israr Khalid (2020), persiapan yang dilakukan untuk menjadi seorang pelakon merupakan satu proses yang penting ataupun mustahak bukan sahaja untuk menjadi tontonan yang baik, tetapi ianya juga adalah lebih kepada untuk membentuk peribadi sebagai seorang manusia. Menurut Ellie Suriati (2021), adalah penting untuk orang yang baru melangkah masuk ke dalam industri mencari guru bagi mengasah bakat lakonan memandangkan persediaan sebelum melangkah masuk ke set adalah sangat penting. Menurut Dayang Areeda (2021), adalah penting untuk seseorang pelakon menyertai kelas lakonan kerana dari situ pelakon boleh tahu kekuatan dan kelemahan serta apa persediaan yang perlu dilakukan untuk bergelar pelakon.

Seseorang pelakon pastinya perlu memahami tugasnya dengan betul. Menurut Syafil Syazwan Jefri (2021), tanggungjawab seseorang pelakon bukanlah hanya sekadar beraksi di hadapan kamera tetapi tugasnya lebih daripada itu di mana banyak aspek yang perlu dititikberatkan bagi memastikan nama dan kerjaya berkembang seiring. Menurut Ellie Suriati (2021), pelakon perlu kerja keras, disiplin fokus dan juga perlu berusaha untuk melakukan kajian untuk menjayakan sesuatu karakter atau watak. Selain itu, tugas pelakon itu adalah untuk mempamerkan semula perlakuan - perlakuan manusia untuk membolehkan penonton menilai semula baik buruk segala tindakan kita dalam hidup di dunia ini (Israr Khalid, 2020). Tambahan lagi, menurut Amar Asyraf (2016) sebagai pelakon, beliau mempunyai tanggungjawab untuk membuka mata masyarakat melalui lakonannya dan beliau ingin menjadi pelakon yang mampu

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

meninggalkan kesan kepada penonton. Selain daripada itu, menurut Beto Kusyairy (2021), tugas pelakon dan kru yang lebih berpengalaman dalam industri adalah memberi inspirasi dan menunjukkan cara yang betul bekerja kepada pelakon baharu.

Umum sedia maklum bahawa industri lakonan suatu ketika dahulu berbeza dengan hari ini disebabkan oleh faktor- faktor tertentu. Menurut Aida Khalida (2016), cabaran sebagai seorang pelakon yang telah dilalui suatu ketika dahulu adalah berbeza dengan apa yang dihadapi pelapis baru hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau berkata dahulu mereka berkerja tanpa telefon menyebabkan mereka sukar untuk berhubung, berbeza dengan pelakon hari ini, teknologi banyak membantu memudahkan tugas yang dulunya sukar. Menurut Ku Seman (2018), kehadiran generasi muda dalam industri perfileman yang mendapat pendidikan secara formal dan semi formal di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang pembikinan filem mengubah bentuk dan corak filem arahan pengarah dahulu. Menurut Bade Azmi (2021), pelakon muda kini tidak serius seperti pelakon dahulu di mana pelakon suatu ketika dahulu ada perasaan patuh hormat, tetapi pelakon muda hari ini tiada perasaan itu berkemungkinan mereka lebih banyak terdedah dan menyebabkan mereka mudah untuk bergaul, *playful* dan senang beradaptasi.

TRANSKRIP

5.0 TRANSKRIP

TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri seni hiburan tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Shaharuddin Thamby yang merupakan seorang pelakon legenda tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh dua puluh dua [22] November 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul dua [2] petang bertempat di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Kompleks Studio Merdeka Ampang [Selangor]. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nurul Syuhada binti Md Sahar dan juga rakan saya Nurul Sakila binti Md Saleh. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NSMS1: Okey encik

ST: Ya.

NSMS1: Boleh encik memberitahu serba sedikit tentang latar belakang diri encik?

ST: Saya, nama saya sebenar Shaharuddin bin Tambi ya. Saya berasal dari Selangor [Malaysia] berumur enam puluh empat [64] tahun dan sudah berkeluarga dan berkecimpung di dalam bidang per-filem, drama dan teater ni hampir tiga puluh lima [35] tahun ya. Um (berfikir panjang) semasa ber - mula-mula dulu bagaimana saya minat bidang seni lakon adalah kerana saya berminat sangat dengan era-era pelakon-pelakon filem di era zaman P.Ramli atau pun Jalan Ampas sehinggalah - sehinggalah ke zaman Studio Merdeka [Kuala Lumpur]. Jadi -- idola-idola saya tu memberi ransangan kepada saya untuk menceburi bidang lakonan untuk saya mencuba bakat saya sebagai seorang pelakon dan terus menggilap pengalaman dan sehinggalah daripada awal tahun 1980, (berfikir sejenak) tak silap saya lapan puluh lima [85] saya bermula atau

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

lapan puluh empat [84] sehinggalah sekarang tahun 2021. Alhamdulillah saya masih lagi aktif.

NSMS1: Bila ya tarikh lahir encik?

ST: Tarikh lahir saya lima belas [15] hari bulan tiga [3] lima puluh tujuh [57].

NSMS1: Lima puluh tujuh [57], sebaya dengan ayah saya (tergelak kecil).

ST: (ketawa) Alhamdulillah.

NSMS1: Masa encik kecil encik tinggal kat mana ya?

ST: Saya masa (berfikir sejenak) saya-dilahirkan --, (membuat gerakan tangan) di Morib, Banting [Kuala Langat, Selangor]

NSMS1: Morib [Banting]

ST: Morib [Banting]

NSMS1: Banting [Kuala Langat]

ST: Banting [Kuala Langat] ya. Um (berfikir) kemudian (berfikir sejenak) di dalam proses ketika itu kedua arwah ibu bapa saya pun selepas mereka bernikah mereka pun berhijrah, berhijrahnya di tak silap saya di Kampung Baru [Kuala Lumpur].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Kampung Baru [Kuala Lumpur]

ST: Jadi di Kampung Baru [Kuala Lumpur] tu mereka menyewa -- rumah lah kan dan allahyarham bapa saya tu bekerjanya sebagai seorang peniaga ya. Tetapi sebelum walaupun menjadi seorang peniaga tapi dia adalah buat apa orang panggil ni macam *part time job* [kerja separuh masa] lah maknanya dia juga sebagai seorang pemandu teksi ketika itu lah (pergerakan tangan).

NSMS1: Pemandu teksi

ST: Dan alhamdulillah sehinggalah um [berfikir] apa -- itu tahun -- ke tahun itu perkembangannya sehinggalah dia membes-ada mempunyai (membuat pergerakan tangan) apa keazaman untuk membesarkan anak-anaknya sehinggalah masing-masing sehingga dewasa (membuat gerakan tangan sambil mengangguk kecil).

NSMS1: Masa kecil dulu ada tak nama timangan macam nama manja-manja

ST: Nama -- timangan saya? Nama timangan saya Cha'ai -- (tersenyum kecil)

NSMS1: Cha'ai (ketawa kecil)

ST: Cha Ai (ketawa sambil membuat gerakan tangan)

NSMS1: (Ketawa)

NSMS2: (Ketawa)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: (Ketawa)

NSMS2: Cha'ai (senyum kecil) unik-unik (mengangguk kecil)

NSMS1: Okey sekarang tinggal kat mana?

ST: Sekarang ni saya tinggal di AU5D di Lembah Keramat [Kuala Lumpur] lah

NSMS1: Lembah Keramat

NSMS1: Okey encik dulu anak yang -- anak beberapa?

ST: Saya anak sulung.

NSMS1: Anak sulung

ST: (Mengangguk) anak sulung daripada (berfikir sambil mengira) lima [5] perempuan dua [2] tiga [3] lapan [8] orang.

NSMS1: Lapan [8] orang, ramai

ST: Lapan [8] orang adik beradik

NSMS2: Patutlah awet muda (ketawa sambil menutup mulut)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: (Ketawa)

NSMS1: (Ketawa)

ST: Amin -- ceh (bergurau senda sambil ketawa)

NSMS1: Okey

NSMS2: Okey sebagai seorang ars - artis pastinya encik sibuk dengan penggambaran kan? (menggerakkan tangan)

ST: Betul

NSMS2: Mestinya rasa tertekan so [jadi] *and* [dan] tak banyak masa terluang yang ada (menggerakkan tangan)

ST: Ya.

NSMS2: So [jadi] kalau encik ada waktu lapang apa antara aktiviti yang encik lakukan untuk menge - mengekalkan kesihatan encik sehingga kini? (menggerakkan tangan)

ST: Okey ketika saya sebelum berumah tangga dulu saya memang aktif di - ba - se - di -- zaman sekolah ya di dalam persekolahan pun saya aktif dalam sukan sebenarnya saya begitu aktif di dalam bola sepak, takraw maknanya dulu kalau dulu tak panggil takraw dulu dipanggil sepak raga lepastu badminton, ping pong, hoki semua saya bedal (ketawa) ragbi kan.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Zaman-zaman atlet lah kan?

ST: Ha (mengiyakan) zaman-zaman saya sekolah dulu memang semua aktiviti tu saya -- masuk termasuklah apa ni jadi seorang atlet lari 100 meter, 200 meter kan tapi iyalah orang cakap yang penting kita buat tu sebab minat ha kan (mengiyakan) sebab kita minat jadi bila saya minat saya masuk jelah dan guru-guru pun masa tu memberi rangsangan supaya saya mencuba je tak perlulah apa orang panggil tu takut. Masa tu kita memang takut tengok orang bersaing-bersaing ni kan kita takut tapi disebabkan ada semangat daripada guru-guru yang memberi sokongan kita -- cuba walaupun kita cuba tapi ada -- juga yang menang ada juga yang kalah lah biasa lah tu.

NSMS2: Betul biasa. Okey tadi encik kata encik ada masuk apa (sambil membuat gerakan tangan) masa zaman sekolah kan aktif sukan sepak raga tu semua, ada tak pencapaian macam encik menang ke? (ketawa kecil)

ST: Eh memang ada. Dalam pencapaian bola sepak sekolah tempat yang saya belajar itu muncul juara masa itu saya bermain sebagai *Winger* [sayap]

NSMS2: Juara (mencatat sesuatu di kertas)

ST: Juara. Masa tu kami mengalahkan *Victoria Institution* [Kuala Lumpur], mengalahkan *St John*, sebab saya sekolah saya _ *boy school* [sekolah lelaki], jadi memang hebatlah. Kami rasa kami hebat ketika itu sebab apa, zaman dulu zaman masa ketika saya bermain bola sepak tu *St John* dengan *Victoria* ni memang terkenal hebat dari segi sukan bola sepak dan tak disangka-sangka ketika kami dapat masuk *final* [pengakhiran] kami mengalahkan *St John* dan *Victorian*.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Wah (mengagumi), tak disangka-sangka (ketawa).

ST: (Ketawa)

NSMS1: (Ketawa)

ST: Jadi juara tu jadi juara (mengangguk sambil mengagumi)

NSMS2: Nampak lah encik seorang yang begitu aktif ya ---

ST: Ha (menyetujui) memang -- aktif

**NSMS2: (Menyambung) dalam sukan sebab saya *stalk* [melihat] *IG* [*Instagram*] encik tau
---**

ST: Ha (ketawa) okey (mengetahui)

NSMS2: (Menyambung) dia macam aktif sangat ---

ST: Ha aktif (mengiyakan)

**NSMS2: (Menyambung) dalam bidang badminton tu terutamanya badminton macam
setiap saya *scroll* [tatal] gambar oh ---**

NSMS1: Main badminton

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: ada badminton, so [jadi] ---

ST: Macam -- badminton ni pula setelah saya apa (berfikir panjang) --- sebelum saya berumah tangga memang saya aktif (membuat gerakan tangan) tetapi setelah saya berumah tangga dan setelah saya --- sebenarnya bukan apa (berfikir) masa selepas saya berumah tangga (membuat gerakan tangan) saya masih aktif tetapi selepas saya menjadi seorang pelakon itu yang saya tak aktif, saya tak aktif (sambil membuat gerakan tangan)

NSMS2: Sibuk kan? (membuat gerakan tangan)

ST: Saya tertumpu kepada bidang lakonan (sambil membuat gerakan tangan). Jadi saya tinggalkan apa (berfikir) sukan yang saya -- minat itu badminton, yang nombor satu ni memang badminton saya minat (sambil membuat gerakan tangan) saya tinggalkan berpuluh-tahun --

NSMS1: Tapi nampak macam main lagi

ST: Ha (mengiyakan dan mengangguk) tetapi disebabkan bila kita dah mula dari segi peningkatan umur kita makin lama makin -- muda ceh (ketawa besar sambil membuat gerakan tangan)

NSMS1: Boleh, muda (Ketawa)

NSMS2: (Ketawa) betul, nampak muda (mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Makin lama makin berumur kan? Okey, makin lama makin berumur jadi masa kita tu pun kalau dulu saya selalu berlakon jadi hero -- (sambil membuat gerakan tangan) tapi sekarang dah jadi atuk -- (gelak besar)

NSMS2: Bapak kepada atuk (ketawa besar sambil membuat gerakan tangan)

ST: Atuk, bapak -- papa -- (sambil membuat gerakan tangan dan ketawa) jadi adalah gap untuk saya bersukan, dapat gap tu kembali makna saya ada masa balik untuk bersukan (sambil membuat gerakan tangan). Sebab itu saya mula bersukan balik setelah hampir --- saya rasa kalau ikutkan sekararng ni dah dekat nak --- saya bermula dekat 2018, lapan belas [18], sembilan belas [19], dua puluh [20] (membuat gerakan tangan dan mengangguk), hampir -- empat [4] tahun ---

NSMS2: Sukan --

ST: (menyambung kembali) mulakan balik badminton, sukan badminton (mengangguk sambil memegang telinga) saya, hampir empat [4] tahun (mengangguk).

NSMS2: Macam encik kata encik sekarang tengah aktif balik dengan badminton tu, encik ada *team* [kumpulan] sendiri? (sambil membuat gerakan tangan)

ST: Uh (berfikir sejenak), bukan saya punya *team* [kumpulan], tapi ada --- memang ada *team* [kumpulan], ada satu *team*-- [kumpulan], *team* [kumpulan] itu (membuat gerakan tangan) memang kawan-kawan lah kan, dan mereka memang aktif sebab mereka ni --- dan mereka ni golongan yang muda-muda, mereka ni umur mereka empat puluhan [40-an] ke bawah (membuat gerakan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

tangan dari atas ke bawah), sedangkan saya yang paling muda sekalilah di antara yang muda-muda tu (ketawa besar).

NSMS1: (Gelak) Boleh

NSMS2: Saya - percaya -- (ketawa kecil)

ST: Saya yang paling tua, saya otai (ketawa), saya enam puluh [60] lebih kan, *so* [jadi] dia orang baru empat puluh [40] lebih kan, ada tu baru dua puluh dua [22], dua puluh tiga [23]

NSMS1: Nampak jugak ada yang muda-muda (mengangguk kecil)

ST: *So* [jadi] jadi saya join [ikut] tu sebab apa? Saya nak *built up* [membina] saya punya stamina balik (mengangguk) sebab bila dah -- berumur ni tenaga kita kurang sebenarnya dari segi stamina -- (membuat gerakan tangan) kan? Apa ni orang panggil ni (berfikir sejenak) badminton ni *is a game of energy and also you have to think* [adalah permainan tenaga dan juga kamu perlu fikir] apa maknanya (berfikir sambil membuat gerakan tangan) kita harus berfikir bagaimana untuk mematikan pihak lawan ---

NSMS2: Strategi (membuat gerakan tangan)

ST: Mematikan, (mengangguk dan membuat gerakan tangan) strategi mematikan *point* [mata] untuk kita mendapatkan *point* [mata] dan mematikan pihak lawan (membuat gerakan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Baca kelemahan pihak lawan (membuat gerakan tangan)

ST: Ya. *So strategy of game* [jadi strategi permainan] yang mana menggunakan akal fikiran (meletakkan tangan ke sisi kepala), bukan sahaja dari segi kudrat kita sebagai (membuat gerakan tangan) kita boleh kita ada kita punya apa orang panggil *skill* [kemahiran] atau teknik tetapi kita menggunakan akal -- (membuat gerakan tangan kemudian mengarahkan ke sisi kepala). *It's a game of* [la permainan] orang panggil apa, kalau kau bijak kau - boleh -- (sambil menunjuk gerakan tangan) dapat *point* [mata], macam mana kau nak tipu dia, macam mana kau - nak -- alihkan perhatian dia supaya dia lalai (membuat gerakan tangan) ha begitulah (mengangguk)

NSMS1: Guna baliklah *skill* [kemahiran] sekolah dulu? (gelak kecil)

ST: Jadi sikit-sikit lah, dapat lah juga tapi tidak boleh dapat stamina yang dulu lah (sambil membuat gerakan tangan)

NSMS1: Tapi dapat juga menang (ketawa kecil)

ST: Menang memang dapat menang lah tapi bukan semua *game* [permainan] kita menang (ketawa)

NSMS1: Ada tak rakan artis lain yang *join* [Mengikuti]?

ST: Ada -- (Sambil mengangguk), macam rakan selalunya bila kita ketika kita bermain ada artis macam Azrel Iskandar, apa? Eh (sedar tersilap) Azrel Iskandar pulak. (Sambil berfikir dan menggeleng kepala) Azrel Ismail [Azrel bin Ismail, Pelakon dan Model Malaysia].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Oh. Yang tu. (Sambil mengangguk)

NSMS1: Azrel Ismail [Azrel bin Ismail, Pelakon dan Model Malaysia]. (Sambil mencatat)

ST: Aaa (Sambil berfikir dan menggerakkan tangan) lepastu ada ni apa kalau dulu aaa apa ni (Berpikir lagi) siapa tu yang selalu berlakon dengan Mira - Filzah [Nur Amirah Filzah bin Badioezaman, pelakon, pengacara, model dan usahawan wanita Malaysia] tu --? Alamak (Mengeluh sambil menggaru pipi).

NSMS2: Siapa tu? (Sambil gelak kecil)

ST: Yang baru kahwin baru ni. Haa. Boleh pulak saya lupa. Ya Allah (mengeluh).

NSMS2: Syaf - ? Eh, Syafiq Kyle [Mohd Syafiq Shamim bin Abdul Razak, Pelakon dan Model Malaysia] belum kawin . (Gelak kecil). Sapa ha?

NSMS1: Yang saya nampak ada Zizan [Muhammad Razizan bin Abdul Razak, Pelawak, pelakon, personaliti TV, penyanyi dan usahawan Malaysia]. Eh, Zizan [Muhammad Razizan bin Abdul Razak, Pelawak, pelakon, personaliti TV, penyanyi dan usahawan Malaysia] pulak. (Gelak kecil).

NSMS 2: Selalu memang jadi hero [watak utama] lah?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Hah? (Bertanya)

NSMS2: Jadi hero selalu?

ST: Ha. Dia selalu jadi hero. Dia selalu berlakon dengan Mira Filzah [Nur Amirah Filzah bin Badioezaman, pelakon, pengacara, model dan usahawan wanita Malaysia]. Sapa ha? Kat *billboard* [di papan iklan] pun gambar dia ada.(Sambil menggerakkan tangan)

NSMS2: Ramai sangat pelakon. (Gelak kecil).

ST: Remy Ishak [Mohammad Zalimei bin Ishak, Pelakon Malaysia] (Sambil menggerakkan tangan).

NSMS1: Oh, Remy Ishak (sambil tersenyum)

NSMS2: Oh (Serentak).

ST: (Gelak besar) Haih susah sangat (mengeluh). Kata peminat (Bergurau dan gelak besar).

NSMS1: (Tergelak)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: (Gelak)

ST: Ada, yang perempuan-perempuan pun ramai macam apa? Isteri kepada Johan [Yazid Lim bin Mohamad Aziz, Pelawak, Pelakon dan Pengacara Malaysia].
(Sambil menggerakkan tangan).

NSMS1: Oh, Nampak jugak isteri Johan.

NSMS2: Oh Ozlyn [Rozlinawaty binti Ismail, Pelakon, Pengacara dan Pengurus Artis] (Mengangguk faham).

ST: Ha, Wati [Rozlinawaty binti Ismail, Pelakon, Pengacara dan Pengurus Artis] -- kan? (Mengangguk) Lepastu pa - apa? (Sambil berfikir) Putri, Te - Tengku -- apa? (sambil menggaru leher) Saya bila macam ni nak ingat balik satu-satu tu ha (Tergelak kecil). Sebenarnya, terbayang mata, tapi ema wajah tu terbayang tapi nama tu dah macam jauh sikit (sambil membayangkan dan menggerakkan tangan). Ha tu lah dia orang kata faktor -- ketuaan (Sambil gelak besar).

NSMS1: Tak tua lagi pun kadang lupa juga. (Gelak kecil)

ST: Tak, sebenarnya memang kelompok artis tu memang ada. Kelompok artis tu memang ada. (Sambil mengangguk dan menggerakkan tangan).

NSMS2: *Team – team* [Kumpulan-kumpulan] artis tu memang ada lah?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Aha (Mengangguk) *Team- team* [Kumpulan-kumpulan] artis tu ada macam apa, apani Putri yang baru yang kawin ni apa? Putri -- (sambil berfikir dan menggerakkan tangan) Putri [sic, Puteri Aishah binti Sulaiman, Pelakon Wanita Malaysia]. yang baru - baru yang kawin ni, dia pun ada main.

NSMS1: Macam ramai pula yang kawin sekarang ni. (Tergelak kecil)

ST: Putri [sic, Puteri Aishah binti Sulaiman, Pelakon Wanita Malaysia]. Baru kahwin kan? Semalam.

NSMS2: Semalam. Oh. Okay. Biasanya encik main badminton tu kat mana? Sebab macam semua kan er (berfikir dan menggerakkan tangan) ---

NSMS1: Dekat gelanggang dia tu.

ST: Dia, *game* [permainan] badminton ni banyak tempat. Saya, tapi yang kerap main tu di Wangsa Maju [Kuala Lumpur].

NSMS2: Dekat dengan rumah lah?

ST: (Mengangguk). Wangsa Maju [Kuala Lumpur] lagi satu di Setapak [Kuala Lumpur]. Di Setapak [Kuala Lumpur] tu ada dua *court* [Gelanggang]. Ada dua tempat *court* [gelanggang] badminton. Maknanya dewan badminton. Bukan *court* [gelanggang] badminton. Dewan badminton. Ada dua tempat. Kalau di Wangsa Maju [Kuala Lumpur] tu ada satu tempat (Menggerakkan tangan). Jadi elok kita tak sebut nama, nanti orang ingat kita *promote* [mempromosikan]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

business [perniagaan] dia orang kan? (menggerakkan tangan). *Marketing* [pemasaran] kan? Jadi kita tak sebut nama.

NSMS2: Okay. Jadi itulah antara hobi encik pada waktu lapang kan?

(Menggerakkan tangan)

ST: Ya -- (Mengangguk)

NSMS2: Jadi bagaimana encik menguruskan masa antara kerjaya dengan hobi tu ?

(Menggerakkan tangan)

ST: (Menarik nafas) Dia begini. Bila saya ada *shooting* [penggambaran], memang saya lupakan tentang badminton lah. Saya kena *concentrate* -- [menumpukan perhatian] kepada, apa tu?

NSMS2: Lakonan? Kerja?

ST: Kerja saya (Mengangguk). Sebab saya kena bagi komitmen ataupun kerjasama yang -- fokus ya? (Mengangguk) Harus fokus pada kerja saya lah. Sebab ini merupakan periuk nasi saya. Jadi, mutu tu kena jagalah. Mutu lakonan kena jaga. Kalau kita abaikan, kita main buat-buat saja jadi orang akan faham, orang akan tengok orang tahu, "Dia ni buat tak betul ni, dia memang tak sungguh-sungguh". Jadi kita boleh tahu dari segi lakonan, kalau kita tak bersungguh- sungguh, orang boleh ta - orang boleh nilai kita. Jadi kita tak mahu macam itulah. *So* [Jadi], bila -- sampai ke peringkat, bila saya fokus kepada kerja saya serius. Saya tak *jovial* [riang]. (Menggeleng kepala). Tapi kalau tak kerja saya *jovial* [riang] macam sekarang lah. Dua -- perbezaan *character* [watak] antara *the real of Shaharuddin*

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Thamby within in-fantasies -- and reality [Hakikat sebenar Shaharuddin Thamby dalam fantasi dan realiti]. (Gelak besar)

NSMS1: Kalau kerja kena profesional. (Gelak besar). Okay encik, kalau encik tak kesah kan? Kita nak tahu serba sedikit mengenai keluarga encik, boleh?

ST: Okey. Saya du - yang I - apa (berfikir) saya be - masa tu bernikah, dengan bekas isteri saya, Nor'aini binti Muhammad, dan kami mempunyai tiga [3] orang anak. Yang pertama lelaki, yang kedua perempuan yang ketiga lelaki. Tiga [3] -- orang anaklah (sambil mengangguk dan menggaru dahi).

NSMS1: Nama anak-anak encik siapa ya?

ST: Nama anak-anak saya. Nombor satu [1], kita panggil nama- nama timangan aje lah ya?

NSMS1: Boleh encik. (Gelak kecil)

ST: Nombor - satu [1] -- Chap.

NSMS1: Chap

ST: Ha, nombor dua [2] akak (Gelak besar)

NSMS1: Akak

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Nombor tiga [3] Ayap. (Gelak besar)

NSMS1: (Gelak) Boleh, tak kesah (tersenyum)

NSMS2: Biar saya teka, Ayap ni Asyraf ke?

ST: Ya -- (mengangguk dan gelak) Dia tahu je .(Mengetuk meja sambil gelak).
Ini mesti ada,dia mesti ada *boyfriend* [teman lelaki], ayap, nama -- Asyraf
ni. (Menggerakkan tangan menunjuk NSMS2). Ha, kan? (Gelak).

NSMS1: Boleh tahu nama *parents* [ibubapa]?

ST: Ha. Tambi bin Muhammad Jam. Rah - Eh, Haji Tambi bin Muhammad Jan,
Hajah Rahmah binti Abu. Ha, itu dia.

NSMS1: Ada tak di kalangan anak-anak encik yang masih melanjutkan pelajaran?

ST: Dah -- tak ada. Dah habis dah.

NSMS1: Semua dah berkerja?

ST:Semua dah berkerja.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey, kalau macam tu, ada tak dikalangan anak-anak encik yang menceburi bidang industri hiburan jugak?

ST: Ada -- (mengangguk), yang men - Chap [Penyanyi Kumpulan A to Z] tu lah. Dulu [dahulu] dia penyanyi 'A to Z' [Kumpulan pemuzik dan penyanyi yang pernah aktif di Malaysia]'. Pernah yang menyanyi ' Itik Gembo-Gembo' [Tajuk lagu] tu.

NSMS1: Oh, 'Itik Gembo-gembo' [Penyanyi A to Z].

ST: Ha (Mengangguk). Dia pernah menang aw - menang anugerah apa orang panggil tu, 'Muzik-Muzik' [sic, Anugerah Juara Lagu] kan?

NSMS2: Hm (Mengangguk)

NSMS1: Ha'ah (mengiyakan)

ST: Ha tu dia pernah menang lah. (Sambil mengetuk meja dengan hujung jari telunjuknya)

NSMS1: Tahun berapa tu?

ST: Dia seorang aje lah ha.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Tahun berapa menang tu?

ST: Yang 'Itik Gembo-Gembo' tu saya tak ingatlah. Tapi kalau *you* [awak] *google* [Alat carian] ada lah. (Gelak besar).

NSMS2: Kitaorang buka *YouTube* [Alat bantu cari] masa tu malam-malam.

ST: Ha. '*Itik gembo-gembo*' (Menyanyi sambil memetik jari)

NSMS2 : Lagi - lagi (Menggerakkan tangan sebagai isyarat untuk meminta meneruskan nyanyian).

ST: (Tergelak)

NSMS2: Pulak minta belanja ya. (Tergelak besar).

ST: '*Aye jalan kedek-kedek*' [sic, '*Aye kedek-kedek*'] (Menyanyi mengetuk meja dan kemudian gelak).

NSMS2: Okey. Kita ke soalan seterusnya.

ST: Okey (Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Boleh tak encik ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan encik?

ST: Okey. Saya, semasa saya masih lagi bawah umur, saya bersekolah masa tu di Jalan Sekolah -- Genirut -- . Genirut [Selangor] orang panggil.

NSMS1: Dekat Selangor [Malaysia] juga?

ST: Dekat Kuala Lumpur [Malaysia] lah.

NSMS1: Kuala Lumpur [malaysia].

ST: Saya bukan bersekolah di -- Selangor [Malaysia]. Saya sekolah di KL [Kuala Lumpur]

NSMS2: Tu , bawah umur tu sekolah rendah eh ?

ST: Aha. Sekolah rendah. Ya (Mengangguk). Genirut tu sekolah rendah lah. Kalau yang sako - pendidikan saya setakat Sekolah Menengah Saja. So [Jadi], di Metris lah. Yang menengahnya di Metris.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

**NSMS2: Umm (berfikir) *Start* [Mula] tahun sekolah menengah tu tahun bila ha?
Ingat tak? (Tergelak kecil)**

ST:(Termenung, mengelip mata dan berfikir sebentar). Tahun ke - kalau nak ingat
balik lupa lah saya. Ta - tapi sampai tingkatan lima [5] lah.

**NSMS2: Oh. Dari *form* [Tingkatan] *one* [satu,1]sampai *form* [Tingkatan] *five* [Lima,5]
lah?**

ST: Ha (Mengangguk). itu je. Setakat tu lah. Lepas tu kita *failed* [gagal] tak pergi
dah . (Gelak). Pergi cari kerja lah (Gelak). Ha cam tu lah .

NSMS1: Aktif sukan tadi daripada sekolah rendah ke sekolah menengah?

ST: Kebanyakannya, di sekolah rendah itu kebanyakannya atlet, saya jadi atlet.
Maknanya saya ma - saya berlari, lepas tu saya main ping pong, main apa
(berfikir) main ragbi, takraw. Tapi bila di badminton masa tu di *primary*
[sekolah rendah]. Tapi bila *secondary* [sekolah menengah] pulak saya lebih
kepada be - bola sepak.

NSMS1: Bola sepak.

ST: Ha, bola sepak. (sambil mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Budak lelaki kan? Biasalah. (Tergelak kecil)

ST: Ha. Sebab masa tu bola sepak ni zaman-zaman Mokhtar Dahari [Dato' Mohamad Mokhtar bin Dahari, Lagenda pemain bola sepak Kebangsaan Malaysia].

NSMS1: Oh betul.

NSMS2: Legend [Lagenda].

ST: Jadi memang semangat tu, kita yang tak pandai main pun tunjuk konon konon kita pandai main. (Menggerakkan tangan). Sebenarnya kita tak -- pandai main. (Geleng kepala dan tergelak kecil)

NSMS2: Cubalah (Sambil menggerakkan tangan).

ST: Tapi kita cuba nak tunjuk konon-konon --- Dia begini sebenarnya, apa apapun pada saya kita kena positif. Maknanya, kalau kita cakaplah saya nak -- berhadapan dengan orang ni kan. Lawan badminton (Menggerakkan tangan). Contoh, dia ni *terror* [hebat] ni. Ni *terror* [hebat] orang ni. *Double Stroke Player* [pemain pukulan berganda], *smash* [pukulan keras] kuat, padu kencang *smash* [pukulan keras], *trick* [helah] dia pun bagus. Main tangan, main jahat semua (sambil menggerakkan tangan). Tapi saya - tak -- boleh takut dengan dia.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Oh, positif.

ST: Saya kena cakap, saya kena saya boleh lawan dia, saya boleh menang dengan dia. (menggerakkan tangan mengangkat jari telunjuk). Jadi bila kita aura positif tu ada, dengan -- sendirinya *body* [badan] kita pun akan ikut. (Menggerakkan tangan menunjukkan badan).

NSMS1: Kira bersemangat terus.

ST: Bila kita punya, kalau kita punya mental dah cakap macam tu, fizikal kita akan ikut. (Tergelak kecil). Faham tak?

NSMS2: Betul (mengangguk)

ST: Tapi kalau menang tu nasiblah.

NSMS2: Ha'ah. (Mengiyakan)

NSMS1: Tak menang tak apalah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Tak menang tak apa. Tapi kita tidak terus macam longlai (membuat gaya longlai) bila kita menghadapi dia macam, “halah aku tak pandai, aku tak boleh nak lawan ni, dia *terror* [hebat]”. (mendialogkan keluhan). Jadi kita dala - dah tanam negatif punya im - apa (berfikir), ne- *negative effect* (Kesan negatif). Dia -- akan *effect* (memberi kesan) kita - punya -- fizikal lah. (menggerakkan tangan) Sebab kita bagi ---

NSMS2: *Mindset* [minda] yang buruk (menggerakkan tangan ke kepala)

ST: *Mindset* [minda] (mengangguk) kita tak betul.

NSMS1: Betul (Mengangguk).

ST: *So* [Jadi], apa - apapun *mindset* [minda] kita kena positif. Menang kalah cerita nombor dua [2]. Tapi yang penting kita *fight* [lawan] dulu. (Menggerakkan tangan).

NSMS2: Betul - betul (Mengangguk)

NSMS1: Okey encik sekarang kita beralih ke soalan umum lah.

ST: Okey --

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey, saya nak tahu boleh encik memberi pandangan mengenai industri hibu - hiburan tempatan tanah air kita? (sambil menggerakkan tangan)

ST: Bagi spe - spek - speksi - dia spesifikasi dia lagi mana? Daripada filem ke atau hiburan? Apa --- (berfikir)

NSMS1: Kalau kan encik kan berlakon, so [jadi], zaman dulu tu macam mana ?

ST: Okey, kalau zaman dulu, kalau ikut kepada kalau kita mengikuti perkembangan filem di Jalan Ampas dulu, kalau kita tengok zaman - zaman itu, kalau kita tengok macam Allahyarham P.Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara], Allahyarham, apa tu (termenung dan cuba mengingat) hero-hero zaman tu eh ? ataupun *heroin-heroin* [watak utama perempuan] zaman itu, ketika mereka tu berlakon mereka memberikan, err (berfikir) boleh dikatakan seratus [100], seratus [100] le -, [102], tiga [3] *percent* [peratus] , lima [5] *percent* [peratus] lebih daripada --- (menggerakkan tangan).

NSMS1: 1000 *percent level* [tahap peratus].

ST: Dia lebih pada seratus [100] *percent* [peratus]. (sambil menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Dia memang bagi yang terbaik la. (Menggerakkan tangan)

ST: Aha. Dia orang pun memang boleh -- dikatakan memberi persembahan ataupun lakonan yang me - begitu me - menusuk kalbu, yang begitu menyentuh perasaan kita (Meletakkan tangan pada bahagian dada) dan membuatkan kita teringat sentiasa (meletakkan tangan ke bahagian tepi kepala) lakonan itu.

NSMS2: Sampai dekat hati penonton. (Meletakkan tangan ke bahagian dada)

ST: Ya. (Mengangguk). Sebab itu saya mendapat inspirasi daripada lakonan lakonan mereka. Ketika itu saya pun tidak terdedah dengan *Hollywood movie* [filem hollywood]. Saya ta - tidak terdedah sebab ketika itu zaman *black and white* [hitam dan putih]. Yang ada depan rumah kita TV RTM hitam putih. Jadi kita banyak menonton filem - filem Melayu. Filem-filem zaman Jalan Ampas. Jalan Ampas, Jalan Cathay Keris [Sebuah syarikat penerbitan filem Melayu], apa? (Berfikir). Filem - filem zaman *Shaw, Shaw Brothers* [Perintis dan Syarikat wayang terbesar Hong kong] dan kate- juga Cathay Keris.[Sebuah syarikat penerbitan filem Melayu]. Jadi, itu yang -- membuatkan saya, masa tu saya masih bersekolah eh. (mengetuk jari telunjuk di atas meja) Saya masih lagi sekolah e-err (berfikir) da - dalam tingkatan satu kot masa tu. (mengetuk jari telunjuk di atas meja). Ha, itu yang buat saya minat tu. Waktu tu macam, kita rasa macam kita minat. Minat tu adalah tapi takdelah konon - konon saya nak jadi pelakon ketika tu.

NSMS2: Oh, tak terfikir lagi? (sambil menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha (mengangguk), tak terfikir. (Menggerakkan tangan menunjukkan isyarat tidak)

NSMS2: Macam *Just* [Hanya] minat lah. Macam kita sekarang lah tengok artis ---

ST: Tapi ha (Mengangguk). Mendapat inspirasi tu dah ada. Tapi saya tak ada tanam semangat “Wah, satu hari aku nak jadi pelakon” (Berdialog). Bukan zaman itu, masa tu saya tengah belajar lagi. Saya tak ingat lagi tentang nak jadi pelakon (Menggerakkan tangan).

NSMS2: Tak fikir kerja. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: Fikir nak belajar je lah.

ST: Ha. (mengangguk). Tapi saya memang minat sangat-sangat tengok apa (berfikir) hero-hero filem Melayu Jalan Ampas. *Heroin-heroin* [watak utama perempuan] filem Melayu Jalan Ampas.

NSMS1: Pastu (menggerakkan tangan) kan encik saya nak tau lah cara artis zaman dulu ni dipilih macam mana ya?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Saya rasa dia tidak ada beza dengan -- ketika zaman saya dan -- Jalan Ampas. Jalan Ampas ni dia -- untuk menjadi seorang pelakon *you* [kamu] kena ada orang panggil tu *audition* [ujibakat] atau pun temuduga ---

NSMS2: Ujibakat

ST: (Mengganggu) ujibakat. Jadi dia akan bagi skrip dan dia ada kamera macam ni (menunjuk ke arah kamera), sekarang ni ada kamera macam ni dan dia bagi skrip, *you* [kamu] hafal dulu skrip tu lepas tu *you* [kamu] kena ingat dia punya susunan kata-kata bual dia tu, kamudian bila direktor sana kata *action* [bertindak] *you* [kamu] berlakonlah depan kamera (membuat gerakan tangan). Zaman saya pun gitu juga, zaman saya pun dia bagi kita skrip lepas tu ada kamera sana (menunjuk ke arah kamera), *so* [jadi] kita hafal dulu, lepas kita dah ingat *line* [baris] semua okey bila kame... apa direktor cakap *action* [bertindak] kita pun *action* [bertindak] lah kita buat kita buatlah lakonan kita.

**NSMS1: Kalau kriteria zaman dulu tu di nilai untuk menjadi artis tu bagaimana?
(membuat sedikit gerakan tangan)**

ST: Maknanya disini dah tentulah kebolehan kita

NSMS1: Kebolehan (mengangguk)

ST: Kebolehan kita bila diberi -- satu-satu kerja itu meyakinkan kepada pihak direktor yang “eh, dia mampu buat yang ter --- ,dia mampulah berlakon, melakonkan watak itu, baguslah” (mengarahkan tangan kehadapan), jadi dah ada dah maknanya *point* [mata] kita untuk diambil sebagai seorang pelakon. Ketika itu (menunjukkan kesuatu arah) penilaian para pengarah adalah terhadap mutu lakonan ataupun kesanggupan kita (membuat gerakan tangan) mencuba - - bakat itu dan menjadi satu ujian ya. Jadi kita sanggup tempuh ujian itu dan ujian itu kalau -- memberi *impact* [kesan] kepada -- direktor (mengarahkan tangan kehadapan) dia akan suka dan mungkin orang lain yang melihat pun cakap “Wei bagus -- dia berlakon” (mengangguk kepala). Walaupun ---

NSMS2: Kena yakin

ST: saat -- (menggerakkan tangan) *audition* [ujibakat] tu pendek, tetapi lakonan itu dalam beberapa mungkin dalam dua [2] atau tiga [3] minit memberi kesan kepada pengarah itu sendiri (membuat gerakan tangan kemudian mengangguk).

NSMS1: Kalau zaman sekarang sama je lah dia punya ---? (menggerakkan tangan)

ST: Zaman sekarang saya rasa takde *audition* [ujibakat] sangatlah (ketawa)

NSMS1: Takde *audition* [ujibakat] sangat (senyum kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Sebab zaman sekarang ni *Instagram, follower* [pengikut] (ketawa), dia ber - dia berbeza dengan zaman kami. Zaman kami *if you don't have any talent, deep talent, knowledge in acting* [jika kamu tiada sebarang bakat, bakat mendalam, pengetahuan dalam lakonan], susah *you* [kamu] nak jadi pelakon (mengangguk kecil).

NSMS1: Kira zaman dulu tu kesukaran dia macam mana ya?

ST: Macam ketik... *you* [kamu] nak tanya senang --- tentang saya, macam mana saya boleh jadi seorang pelakon? Macam tu? (menggerakkan sedikit tangan)

NSMS1: Secara umumnya orang zaman dulu ni macam mana dia --- kesukaran yang di alami tu?

ST: Okey, zaman dulu dah tentulah bidang lakonan ini menjadi satu media yang penting, apatah lagi zaman dulu cuma ada---

NSMS1: Medium

ST: Radio, media cetak dan TV [Televisyen] pun ketika iu belum ada sangat. Dia lebih kepada pentas. Zaman-zaman dulu ya. Dan ketika era --- , dari segi pembangunan zaman itu tadi baru ada TV [Televisyen] dan filem. Dan dia terpulang kepada penilaian masing-masing lah kenapa nak menjadi seorang pelakon, apa fungsi seorang pelakon kan, apa fungsi kau nak jadi seorang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

pelakon. Ada orang cakap “saya nak jadi seorang pelakon sebab saya minat berlakon, saya nak *famous* [terkenal], saya nak jadi orang terkenal”, ada.

NSMS2: Ikut kehendak lah.

ST: Ikut kehendak. Tapi kalau ada yang lain pulak “saya nak, saya nak...” apa orang panggil tu “...memberi satu tauladan ataupun sempadan kepada masyarakat kita untuk menimbang, timbang - menimbang yang baik dan buruk, menjadi pengajaran dan pedoman kepada mereka, pilihlah antara jahat dan buruk, pilihlah yang mana yang *you* [kamu] nak”, maknanya dia - me - na - mempertontonkan lakonan dia. Kalau dia jadi hero (membuat gaya yang kuat menggunakan kedua-dua tangan dan tergelak kecil), dia tunjukkanlah kebaikan dia, kalau dia jadi kero, dia jadi kero lah dengan mata sepet (menggayakan mata sepet sebelah) dia macam mana kan, jadi terpulang pada masing-masing interpretasilah (membuat gaya dengan tangan) yang niat untuk kita berlakon itu untuk apa.

NSMS1: Kalau kita tengok orang zaman dulu kalau nak jadi pelakon tu apa pendorong besar dia sebenarnya sampai dia orang berminat nak jadi pelakon?

ST: Dah tentu masing-masing itu sendiri disamping -- ya, kita kena faham lakonan ini adalah kerjaya. Kerjaya maknanya serupa macam *you* [kamu] bekerjalah. Bila *you* [kamu] kerja, *you* [kamu] dapat duit, *you* [kamu] dapat gaji, sama lah dengan lakonan, *you* [kamu] kerja *you* [kamu] dapat gaji juga, bukan semata-mata kerana *you* -- [kamu] suka, *you* -- [kamu] terjun bidang ni kerana *you* [kamu] suka, tak.

NSMS1: Adalah faktor luar selain daripada tu.

ST: Ha (mengiyakan). Dia mesti macam mana pun *you* [kamu] mesti memerlukan imbuhan ya.

NSMS1: Betul –

ST: Setiap kerja yang kita lakukan kita inginkan imbuhan dan kita - jual -- apa orang panggil tu kita jual apa ni (menggayakan tangan sambil berfikir) kebolehan kita, kemahiran kita tadi, dan kemahiran kita tadi kita pertontonkan kepada penerbit ataupun produser untuk dia menilai pula imbuhan yang akan kita, yang diberi kepada kita. Okey, sebagai seorang pelakon pula “aku mesti nak bagi yang terbaik, takkan lah aku nak cincai-cincai (menggayakan dengan tangan), sebagai produser ataupun apa, penerbit pun “aku mesti nak, kalau pelakon, aku nak pelakon ni jadi hebat, aku nak dia berlakon memang bagus” dan - juga -- kepada produser “aku nak pelakon yang bila aku buat pelaburan dia akan mendatangkan keuntungan” ha macam itulah (ketawa)

NSMS1: Okey encik, andai kata kalau kami nak jadi artis, andai katalah, apa yang diperlukan untuk menjadi seorang artis?

ST: Okey ---, *break* [rehat] (melihat ke arah kamera).

NSMS1: Okey encik, kita sambung lagi.

ST: Ha ya, sila.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Boleh tak saya ulang balik soalan saya yang tadi?

ST: Boleh --.

NSMS1: Kalau lah seandainya saya atau dia ke, (menggerakkan tangan menunjuk ke arah NSMS2) siapa-siapalah nak jadi artis tu, apakah yang diperlukan oleh orang tu untuk bergelar seorang artis?

ST: Pertama sekali pada saya lah, apa yang pernah dipesan oleh guru lakonan saya ketika itu adalah minat. Pertama sekali, kita kena minat. Kedua, kita em - mesti mempunyai bakat. Ketiga kita mesti mempunyai ilmu lakonan.

NSMS1: Ilmu lakonan?

ST: Ya. (Mengangguk)

NSMS1: Habis, kalau kita ada minat je , kalau takda bakat pula macam mana pulak ya?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha itu, sebab itulah kita kena belajar. Maknanya kita kutiplah ilmu. Maknanya, kalau -- zaman saya dulu, kita tidak mempunyai Universiti ataupun sekolah yang mengajar tentang lakonan eh ataupun seni -- lakon. Kita cuma kebanyakannya zaman - zaman kami dulu, kami, disebabkan minat kami tu tadi, kami menggerakkan diri kami sendiri, me - err (berfikir) menyusun langkah kami untuk mencari ilmu, menimba ilmu bu - tetapi tidak secara yang formal, secara yang orang panggil tu err (berfikir sejenak) bergiat di dalam pentas teater. *So*, [jadi], kita menceburkan diri pertama sekali di dalam pentas teater. Dan bila kita bergerak di teater, teater tu merupakan satu kumpulan. (Menggerakkan tangan) Kumpulan-kumpulan yang -- *open* [terbuka] ya, yang -- terbuka. Siapa yang berminat untuk mempelajari teater, di situ, di teater tu sendiri ada seni lakonnya. Kan? Di situ bertapaknya saya pun, boleh dikatakan saya bermula dan bertapak sebagai seorang pelakon di seni teater. Dan di teater tu lah kita mendapat sed-, mengutip sedikit ilmu, menimba ilmu di dalam istilah err (berfikir sejenak) lakonan tu tadi. Dan selang beberapa tahun selepas itu, barulah di era tahun sembilan puluh [90] an , barulah ada Universiti yang membuka falku - Fakulti Persembahan tak silap saya iaitu tentang seni kreatif. Kan? Lakonan, penulisan skrip, err apa? (berfikir sejenak), pengarah, penyunting ---

NSMS2: *Editing* [Penyuntingan].

ST: Ha penyunting (mengganggu) ya? Dan -- berbagai-bagai lagilah jurusan di dalam bidang itu. (Menarik nafas). Tetapi kalau seorang, seseorang yang hendak se - menjadi seorang pelakon yang betul - betul, dia kena masuk meng - menimba ilmulah, maknanya mengutip ilmulah. Maknanya kena masuk sekolah lah. Walau - kalau dia takde bakat, ya?

NSMS1: Hm (Mengganggu bersetuju)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *So* [Jadi], bakat tu boleh dilapik dengan ilmu yang dia ada. Dengan ilmu yang ada itu bakat itu akan -- meresap sekalilah dengan ilmu dia (menggerakkan tangan). *So* [jadi] dia minat dan dia ada bakat dan dia ada ilmu, okeylah. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Kalau pandangan encik, kalau yang sekarang, sekarangkan macam menggunakan pengaruh. *So* [jadi], apa pendapat encik?

ST: Ha itu -- terpulanglah. Pada saya err (berfikir sejenak) kemungkinan err (berfikir lagi) kurang sikitlah mantapnya lakonan mereka kan? Sebab kalau kita mengikuti err (berfikir) kelas lakonan ataupun me - memasuki bidang -- seni kreatif err (berfikir sejenak) dia ada pengkhususan. Maknanya, kalau engkau nak jadi *director* [pengarah], engkau ambik ilmu yang tentang *directing* [mengarah].(Menggerakkan tangan). Kau nak jadi pelakon kau ambik ilmu tentang *acting* [berlakon]. Kau nak jadi sek - *script writer* [penulis skrip], engkau ambik kursus untuk penulisan kreatif. Lepas tu , kalau engkau nak jadi penyunting filem atau *editor* [penyunting] engkau kena masuk, engkau kena *concentrate* [menumpukan perhatian] dengan *editing* [penyuntingan]. Jadi, ilmu itu penting.

NSMS2: Hmm, betul. (Mengangguk bersetuju)

ST: Ditambah, sebab itu dia dipanggilkan *bonus* [ganjaran]. Kalau dulu orang harapkan minat dan bakat.

NSMS2: Ha'ah. (Mengangguk bersetuju).

ST: Tapi ni kita tambah lagi ilmu itu dengan ilmu. *So* [jadi], ini pada saya mantaplah.
(nada tegas)

NSMS2: Oh, jadi mantap. (Mengangguk)

ST: Jadi mantaplah. (Mengangguk). Sebab *you* [awak] -- dah ada mai- minat, *you*
[awak] ada bakat, *you* [awak] tambah lagi ada ilmu *is very* [adalah sangat] –

NSMS2: Menjadilah.

ST: *beautiful* [cantik] lah kan? Maknanya lakonan itu tadi ber - bertambah be dia
punya cabang. Ranting, mula-mula pokok, apa? (berfikir untuk memberikan
analogi) tu tambah dia punya akar --, batang ada ranting ada daun ada buah,
ada bunga ada buah, ha okeylah. (membayangkan sebuah pokok sambil
menggerakkan tangan).

NSMS2: Complete [Lengkap] lah. (Menggerakkan tangan)

ST: *Complete* [Lengkap] lah. (Mengangguk bersetuju)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: So [Jadi] kalau orang yang ada *influence* [pengaruh] ni kalau err (berfikir) nak berlakon tu kalau boleh belajar dulu lah kan? (menggerakkan tangan)

ST: Err (Berfikir dan pandang ke atas) pada saya proses pembelajaran itu tadi walaupun dia tak masuk dalam bidang --- misal cakaplah, kalau dia dah memang dia -- dah memang terjebak begitu cara dia, cara (menarik nafas) *informality* [tidak formal] dia err (berfikir sejenak) dia tidak mengikut *formality* [formal], dia ikut *informality* [tidak formal] dia, jadi dia kena menerusi tahun ke tahun lah. (Menggerakkan tangan). Menambah ilmu dia. (Tergelak kecil). Dalam proses lakonan tu tadi (menggerakkan tangan). Dia kena kutiplah. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: Oh (Mengangguk).

ST: Tapi kalau dia masuk kursus ataupun bidang yang tertentu di situpun makan masa dalam tiga [3] tahun. (Gelak besar).

NSMS1: Lama eh ?

ST: Ha, iya lah. *You* [awak] nak dapat diploma *in acting* [dalam lakonan] atau *you* [awak] nak dapat ploma - diploma dalam seni persembahan. *At least* [sekurang-kurangnya] tiga tahun nak dapat diploma. (Tergelak).

NSMS1: Jadi nak mantap tu memang perlukan masa (Menggerakkan tangan).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Nak mantap tu perlukan masa lah. Sebab itu, itulah dia orang panggil *you* [awak] punya khazanah yang akan *you* [awak] gunakan ketika *you* [awak] lakon berlakon nanti. Sebab *you* [awak] gunakan *expertise* [kepakaran] yang *you* [awak] dah dapat. (Menggerakkan tangan).

NSMS2: Tinggal *apply* [mengaplikasikan].(Sambil menggerakkan tangan)

ST: Dan *you apply* [awak mengaplikasikannya]. (menggerakkan tangan)

NSMS1: *Apply* [mengaplikasi] kan.(Menggerakkan tangan dan mengangguk)

ST: Ha, itu dikatakan teknik. Tu teknik.Ha.(Menggerakkan tangan sambil gelak kecil)

NSMS1:Encik kan dah tiga puluh lima [35] tahun tadi kan cakapkan ? So [jadi] ada tak pesanan atau *tips* [petua] untuk kekal *relevant* [relevan] dalam industri?

ST:(Menarik nafas dalam) Dia ma- macam yang saya cakap tadi lah, kalau kita macam *you* [awak] tanya awal, pada persoalan awal tadi tentang macam mana *you* [awak] nak membezakan hobi dan lakonan tadi? Jadi bila kita berlakon kita kena tahu lah, kita kena kenal diri dulu. Pa - pertama, *who am I* [Siapa saya]?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Saya Shaharuddin bin Tambi ketika saya berlakon macam mana ? Saya Shaharuddin bin Tambi (Tangan menunjukkan diri sendiri) ketika saya tidak berlakon diluar macam mana? (Menggerakkan tangan)

NSMS1:(Tergelak kecil)

ST: *So you can dif -- differentiate between your the real reality is me and -- go to fantasies* [Jadi, awak boleh membezakan antara realiti sebenar saya dan dengan fantasi] pulak , lainkan? (Menggerakkan tangan sambil membetulkan jam tangan dan gelak besar).

NSMS2: Ada dua [2] Character [Watak] (Menggerakkan tangan menunjukkan isyarat nombor dua [2])

NSMS1: (Tergelak kecil)

ST: Jadi kalau *you* [awak] tahu bezakan yang itu, *that mean* [itu bermakna] *you* [awak] tahu, *you* [awak] pandailah nak bawak diri *you* [awak]. Takde lah *you* [awak] bawak realiti *you* [awak] masuk kat situ sama macam --- (Menggerakkan tangan kedepan dan kebelakang) sama je .

NSMS2: Takde beza.

ST: Takde beza. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: Mendatar lah.

ST: Takde beza. (Menggerakkan tangan). Shaharuddin Thamby buat macam , *you know me* [awak kenal saya], *I am a bit jovial* [saya agak periang] tapi dalam drama , dalam kalau you [awak] tengok drama saya, ada banyak *jovial* [riang] ke?

NSMS1: (Gelak kecil) Serius.

ST: Ha. (Mengangguk). Sebab apa -- kita -- fokus kepada watak. Kalau dapat watak *jovial* [periang], saya bawak watak *jovial* [periang], tapi tidak begitu. Watak watak saya tidak begitu. Watak saya lebih kepada yang mai - boleh dikatakan macam ad - dia - ada -- macam gerak - gerak dan lakon yang ada karisma. Maksudnya yang orang - orang tertentu ataupun pembawakan watak itu yang mempunyai *charismatic* [berkarisma].(menggerakkan tangan). Jadi disebabkan itu orang terpukau. (membuntangkan mata) Orang macam tengok ---

NSMS1: Betul. Bila ada karisma tu orang akan nampak.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha . Orang akan nampak.

NSMS1: Orang rasa. (Menggerakkan tangan).

ST: Orang akan tengok. Uih , lainlah -- (Melakonan kekaguman penonton). Ha
gitu.

NSMS1: Betul. (tersenyum)

NSMS2: _ _ gitu lah. (tersenyum)

ST: Gelak kecil.

NSMS1: Ha, kalau encik tadi kan kata nak jadi pelakon kena ada minat.

ST: Iya.(Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

tanya pulak dengan pengarahnya. “Tuan pengarah nak saya macam mana ? A -- apa pandangan Tuan pengarah tentang *perception* [persepsi] yang *you* [awak] -- ada? Sebab saya ada persepsi saya. *So* [jadi], apa *you* [awak] punya kemahuan pula? Untuk saya terjemahkan lakonan saya dal - dengan watak Imran”. Contohnya. Nama watak tu Imran. Imran ni apa? Sebab dengan penulis saya dah tanya.

NSMS2: hm (Mengangguk)

NSMS1: (Mengangguk)

ST: Kan? Dengan pengarah saya kena tanya jugalah. (Membuat pergerakan tangan).

NSMS1: Sebab setiap orang ada persepsi yang berbeza kan?

ST: Ha (Mengangguk setuju). *So* [jadi], masing - masing ni jadi bila kita dapat semua ni kita *combine* [gabungkan] lah. (Membuat pergerakan tangan). Termasuk kita punya sekali. *So* [jadi], jadi lebih indah, lebih berbunga - bunga, berwarna, warna-warni lah watak itu. (Menggerakkan tangan). Sebab kita dapat *feedback* [maklum balas] ataupun info - info yang penting dari penulis, dari skri - apa (berfikir *script writer* [penulis skrip], daripada *director* [pengarah] dan interpretasi kita pula dari segi penganalisan kita. Analisa kita tentang watak itu tadi. (Mengetuk meja menggunakan hujung jari).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: (Mengangguk). Okey, seperti yang kita tahu, encik pernah menceburi bidang -

--

ST. Ehemmm (Mengangguk).

NSMS2: Seni teater.

**NSMS2: Menurut -, eh menurut pulak. (Menutup mulut dengan menggunakan tangan).
Maaf. Menurut pandangan encik kan, apakah perbezaan seni lakonan teater,
dengan lakonan layar filem dan televisyen? (Membuat pergerakan tangan)**

ST: (Menarik nafas panjang) Okey. Dia seni lako - lakonan. Diad- dalam bidang
bidang seni lakon ni ada tiga [3] kategori. (Meletakkan hujung jari di atas
meja). Pada saya, pertama teater, kedua TV ketiga filem. Tiga - tiga ini berbeza.
(Menggerakkan tangan)

NSMS1: Okey

ST: Pendekatannya berbeza. (Membuat pergerakan tangan dan tergelak kecil).

NSMS2: He'eh. (Mengangguk faham).

ST: Okey, kita saya bercerita tentang teater. Teater ni merupakan err (berfikir sambil terkelip mata) orang panggil apa, pelakon itu yang menguasai pentas teater. Pelakon tugas dia menguasai pentas teater dan menguasai *audience* [penonton], *live audience* [penonton secara langsung] yang ada ketika itu di - yang menonton dia berlakon di pentas. Maknanya dia -- yang *in control* [mengawal]. Faham tak?

NSMS1: Faham, sebab dia depan betul-betul sendiri.

ST: Ha. (Mengiyakan)

NSMS2: Memang *live* [secara langsung].

ST: Dia *live* [secara langsung], *so* [jadi] dia *in control* [mengawal]. *So, how you want to do your acting skills* [Jadi, bagaimana awak mahu menunjukkan kemahiran berlakon] yang memukau mereka. *So* [jadi], *you* [awak] kena berkerjalah. Maknanya *you* [awak] mesti buat *you* [awak] punya analisa, *research* [carian semula] berulang - ulang kali, bertanya, mendapat *input* [bahan], *output* [hasil], yang *you* [awak] kena ada, kumpulkan me - bahan-bahan ini tadi untuk *you* [awak] memancing penonton tu tadi untuk minat melihat *you* [awak] berlakon di pentas. (membuat pergerakan tangan sambil menunjuk-nunjuk).

NSMS2: Itu antara persediaan seorang pelakon lah?

ST: Persediaan seorang pelakon pentas. Dia kena buat begitu. Kalau dia tidak buat begitu, kalau dia saja ambik skrip, dia baca skrip lepastu dia berlakon (memukul meja) tak jadi apa. Sebab dia -- tak sampai tu ---

NSMS2: Sebab tak sampai mesejnya.

ST: Sebab *you* [awak] tak buat *you* [awak] punya kerja sebagai *homework* [kerja tambahan]. *As an actor you have to work with your text* [Sebagai pelakon, anda perlu bekerja dengan teks yang diberikan].

NSMS2: Kena faham betul - betul. (Mengangguk)

ST: (Gelak kecil). Dan di samping itu juga, teater ini adalah merupakan - apa orang panggil tu? Err (Berpikir sejenak) orang panggil tu *you* [awak] kena menggunakan nada suara yang begitu ---

NSMS2: Lantang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Lantang dan sehingakan orang di belakang hujung sana boleh dengar apa *you* [kamu] cakap (menunjuk ke arah hujung hadapan). Dia bukan macam drama atau filem, dia ada -- *mic* [mikrofon] ada *boom* [mikrofon boom].

NSMS2: Lelagi kalau pentas besar (membuat lingkaran menggunakan satu tangan) macam tu memang kena kuat lah.

ST: *You* [kamu] kena lontarkan. Di situ --- kalau tu yang orang kata kalau mempunyai suara yang -- bagus *you* [kamu] duduk kat belakang sana (menunjuk ke arah hadapan) pun, walaupun saya cakap begini *you* [kamu] boleh dengar apa saya cakap (membuat pergerakan tangan).

NSMS2: Maksudnya selain kita buat *research* [kajian] untuk faham apa watak kita, kita juga kena [perlu] suara ---

ST: (Mengangguk) Maknanya *you* [kamu] kena ada instrumen, instrumen *you* [kamu] apa (ketawa). Sebagai pelakon pentas instrumen *you* [kamu] adalah suara *you* [kamu]. Kalau saya nak tiup saksofon (membuat gerakan tangan sambil ketawa) kan ---

NSMS2: Kena belajar saksofon lah

ST: Ha kan (menyetujui), saya kena gunakan instrumen saksofon. Macam saya seorang pelakon, apa instrumen saya? Nada suara saya (ketawa)

NSMS1: Nada suara lain-lain

NSMS2: Betul

ST: Faham?

NSMS2: Faham

ST: (meneruskan) okey itu bab awal, pentas teater. Dimana pelakon itu yang menguasai pentas pertunjukan teater (menghenak perlahan meja). Bukan pengarah. Contoh kalau kita berlakon drama atau filem, kalau tak betul lakonan kita kan “*Cut!*” [Berhenti]

NSMS1: Boleh buat balik

NSMS2: Boleh buat lagi sekali

ST: Betul (menunjuk ke arah NSMS2), tapi kalau kita *live video audience* [penonton video secara langsung], pengarah ada kat bawah, adakah pengarah akan cakap “*Cut*” [berhenti] (mengajuk gaya dengan menggerakkan tangan ke bawah kemudian ketawa). Walaupun dia tau tadi tu salah tu (menunjukkan kearah atas), ada tak dia cakap *cut* [berhenti]? Dia takkan cakap *cut* [berhenti].

NSMS2: Jalan terus (menggayakan tangan ke hadapan)

ST: *So* [jadi], *it's between yourself* [ianya antara diri sendiri] lah. Pelakon itu sendiri macam mana dia - nak -- menipu penonton (membuat gaya tangan) itu tadi satu hal, walaupun dia terlupa dialog tapi dia tak boleh tunjuk dia terlupa dialog.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Macam mana kalau salah dialog?

ST: Ha *impromptu* [spontan] je

NSMS1: *On the spot* [secara segera]

ST: *Improvise* -- [menambahbaik]

NSMS1: Oh *improvise* [menambahbaik] je

ST: *You have improvise to cover back the mistake you - have -- made* [kamu perlu menambahbaik untuk memperbaiki kembali kesalahan yang kamu telah lakukan] (membuat gerakan tangan), *you* [kamu] tak boleh macam berhenti (menghayunkan badan kebelakang). Eh *cannot* [tidak boleh]. *Because you are in -- live acting* [kamu berlakon secara langsung].

NSMS1: Habis kalau yang salah sorang nanti yang lain pun kena ---

ST: *So you* [jadi kamu] --- *this is how you cover back impromptu* [inilah bagaimana kamu kembalikan dengan spontan]. *Impromptu* [spontan] tu tadi memberi *cue* [isyarat] supaya lepas ni bila “aku --- *eventhough* [walaupun] aku terlupa ayat tadi tapi aku nak kena ambik ayat ni supaya orang ni tau *cue* [isyarat] dia nak masuk ayat ini tadi” (membuat gaya tangan)

NSMS1: Bagi *hint* [petunjuk]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Bagi *hint* [petunjuk] (menggagak sambil menunjuk telapak tangan), *so* [jadi] yang ini “aku buat *business* [urus] dulu sehinggalah aku dapat balik, ingat balik *line* [baris] ni, aku baca balik *line* [baris] ni barulah orang ni boleh masuk”, kalau tidak orang ni tergalau (menggayakan dengan kedua-dua tangan).

NSMS1: Dah kenapa (gelak kecil)

ST: “Bila eh macam mana aku nak masuk ni” (mengajuk cara terpinga-pinga sambil menopang tangan dimeja) “macam mana --- bila --- *timing* [masa] dia tak kena ni” (membuat isyarat berhenti). Gitu, jadi *problem* [masalah]. *So* [jadi] saya pernah mengalami benda-benda macam tu, saya tau lah (menggagak beberapa kali).

NSMS1: Hebat -- (ketawa kecil)

NSMS2: Itu antara persediaan pelakon lah kan? (membuat gerakan tangan)

ST: Itu -- awal kepada teater. Pentas (menunjuk ke hadapan). Itu pentas teater. Ini drama TV pula. Drama TV ni adalah merupakan skrin yang kecil (mendepakan tangan dengan skala sederhana). Betul?

NSMS1: Betul --

ST: Drama TV adalah skrin yang kecil. *So* [jadi] skrin yang kecil dia banyak menggunakan *boom* [mikrofon boom] ataupun *mic* [mikrofon] macam ni (memegang mikrofon kecil di bajunya) ya. Dan dia punya *shot* [tangkapan] pun banyakkannya *very tide* [sangat kecil]. Gambar-gambar tu *tide* [kecil] (membuat ukuran saiz menggunakan kedua-dua tangannya). MS dua orang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

macam ini, macam itu MS (menggerakkan tangan untuk menunjukkan jenis saiz yang dikatakan). Cuma nampak *you* [kamu] punya ni, ni muka dua orang (meletakkan tangan di paras bawah dada sehingga atas kepala untuk menunjukkan ukuran saiz) dan muka saya kadang-kadang sorang, nampak tak dia punya saiz -- gambar itu tadi besar (menggerakkan tangan untuk menunjukkan saiz). Faham tak maksud saya?

NSMS1: Faham --

ST: Sebab screen ni kecil (menunjukkan saiz menggunakan tangan), jadi kita berlakon tu tak de beza antara filem --- lakonan tu tak de beza cuma dari segi gambar visual tu tadi kalau kita tengok berbezanya antara skrin kecil dan skrin besar. Kalau -- drama skrin dia kecil jadi *tide* [kecil] ataupun gambar-gambar visual -- tu tadi *tide* [kecil] tak *wide* [lebar], dia tak besar (menunjukkan saiz menggunakan tangan)

NSMS1: Dia kecil je

ST: Dia kecil-kecil je, *very - tide* -- [sangat kecil], habis-habis je pun *full shot* [tangkapan penuh] je. Dia tak boleh nak buat sangat *long shot* [tangkapan panjang] (melebarkan tangan) apa *shot* -- [tangkapan-tangkapan] yang jauh-jauh. Bila jauh-jauh tak nampak apa benda pun sebab skrin kecil, berbeza dengan filem. *Okey back to* [kembali kepada] filem. Filem pulak skrin yang besar (mendepakan tangan dengan lebar)

NSMS1: Besar

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *So* [jadi] bila skrin yang besar, gambar pun besar (mendepakan tangan dengan lebar). Maknanya *you* [kamu] boleh ambil *high angle* [sudut tinggi] tinggi (menaikkan satu tangan ke atas) akan nampak juga.

NSMS1: Ha betul --

ST: Betul?

NSMS1: Betul

NSMS2: Betul

ST: Dan *you* [kamu] – punya -- *size of frame* [saiz bingkai] tu tadi pun nampak *full* [penuh] besar (melebarkan kedua-dua tangan keatas), *full* [penuh] dia bila dia ambil *full* [penuh] pun nampak besar bila dia pergi *tide* [kecil] pun besar, dia pergi MS pun besar. Nampak tak? Sebab dia punya *frame* [bingkai] skrin itu besar (menggunakan gerakan tangan). Cuma beza yang itulah. Tapi dari segi lakonan tu terpulang dari interpretasi masing-masing lah. Sama jelah lakonan tu tapi cuma --- Okey yang tadi tu kita bercerita tentang teater. Ini kita cerita pulak tentang TV [televisyen]. TV [televisyen] pulak berlainan, sebab apa? Dia punya gambar dalam *frame* [bingkai] itu kecil ya? (Menggerakkan tangan membuat bentuk kotak). Dan, *shot - shot* [tangkapan-tangkapan] untuk TV [televisyen] pula besar eh. (Mengangguk dan menggerakkan tangan menunjukkan istilah besar) untuk *fit* [sesuai] kan skrin itu tadi. Sebab, err (Berfikir sambil memejamkan mata) sebab itu kalau kita tengok drama-drama *shot* [tangkapan] dia tidak *wide* [lebar], tidak besar, tidak panjang tidak tinggi, tidak kecil (mengangkat tangan ke atas). Tidak besar tidak *wide* [lebar] eh? (Mengangkat kedua-dua tangan ke atas). Dan selalunya dia *very* [sangat] *tight shot* [tangkapan sempit], maknanya MS [*Medium Shot*, tangkapan yang merakamkan dari bahagian pinggang sampai ke atas kepala] tu MS [*Medium*

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

shot, single, pengambilan gambar satu objek], MS [*Medium Shoot*], kadang-kadang *close up* [Pengambilan jarak dekat] (Menggerakkan satu tangan ke hadapan), kadang-kadang *long shot* [Pengambilan gambar dari jarak jauh tetapi objek akan terlihat bersama dengan lingkungan terdekatnya], *full shot* [pengambilan gambar objek secara penuh dari kepala sampai kaki], itu aje. (Menggerakkan tangan). Tapi kalau , okey, berbalik kepada filem pula, filem, dia skrin besar, bila skrin besar maknanya dia boleh buat *wide -- shot* [Seluruh tubuh subjek masuk di dalam bingkai] (Mengangkat tangan kanan ke atas dan mendongakkan kepala) err apa (berfikir) *eagle eyes shot*, [sic, Bird's eye angle, Posisi kamera sangat tinggi sehingga memperlihatkan subjek sangat kecil] kan? apa orang panggil mata burung punya *shot* [tangkapan] yang tinggi. (Tangan diangkat ke atas)

NSMS2: (Mengangguk). Kat atas (Mengangkat tangan kanan ke atas).

ST: Atas. (Masih mengangkat tangan ke atas) Sebab skrin filem itu besar jadi dia punya *shot* [tangkapan] tu pun *wide* [tinggi]. (Menggerakkan tangan memberi gambaran skrin yang luas) Maknanya boleh besar.

NSMS2: Lebar.

ST: Dia boleh ambik *full shot* [pengambilan gambar objek secara penuh dari kepala sampai kaki], dia boleh ambik *wide shot* [Seluruh tubuh subjek masuk di dalam bingkai] dia boleh ambik *two close shot* [tangkapan yang menunjukkan wajah subjek dengan lebih dekat], jadi benda ni berbeza cuma dari segi *frame* [bingkai] gambar antara filem dan apa? a - antara drama dan filem. Beza dia gambar dalam

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

frame [bingkai] itu tadi, serupa juga dengan filem, gambar dalam filem tadi tu nampak besar sebab skrin dia besar. Gambar TV nampak besar sebab dia punya *frame* [bingkai] dia kecil. (Menggerakkan tangan) Ha, tu dia. (Mengangguk)

NSMS2: Okey (Mengangguk)

NSMS1: Tadi encik ada cakap pasal beberapa idola dalam industri lakonan. So [jadi], sekarang ni saya nak tahu sapa yang paling-paling encik mengidolakan dalam industri lakonan?

ST: Okey, dalam industri lakonan memang saya mendapat inspirasi daripada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee lah [Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara]. Di samping itu ada beberapa watak seperti S. Kadarisman [Shahadat Kadarisman bin Raden Deswaren Ambiak, Pelakon Filem Melayu], Ahmad Nisfu [Mohamed bin Nisfu, Pelakon Lagenda Filem Melayu], err apa lagi? (Temenung dan berfikir) hero-hero, Allahyarham Aziz Jaafar [Abdul Aziz bin Jaafar, Pelakon, Pengarah filem dan Penyanyi Melayu], err(berfikir lagi) Ahmad Mahmud [Dato' Ahmad bin Mahmud, Pelakon Filem] err (berfikir lagi) Salleh Kamil [Haji Salleh bin Abdullah, Pelakon Singapura] dan beberapa orang lagi di samping *heroin* [watak utama wanita] seperti Saadiah [Datin Satya Baharom, Pelakon dan pengarah Malaysia], Zaiton [Zaiton bin Abdul Hamid, Seniwati filem Melayu], Sarimah [Dato' Dr Hajah Sarimah binti Ahmad, Pelakon hitam putih Melayu Malaysia], Latifah Omar [Fatimah binti Omar, Pelakon Filem Malaysia], Noren Ahmad [Pelakon filem Melayu Malaysia]. Mereka-mereka ni merupakan idola-idola saya ketika saya menonton filem mereka dalam err (berfikir) versi *black and white* [hitam dan putih]. (Menggerakkan tangan) .

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Hitam putih?

ST: Hitam putih (Mengangguk), zaman itu kan? Ini yang memberi inspirasi awal kepada saya sebagai se - , menjadi seorang -- pelakon.(Mengangguk).

NSMS1: Kenapa ek encik mengidolakan macam P. Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara] semua tu?

ST: Okey --. Kalau kita tengok mereka berlakon spontan, se - secara macam *natural* [semula jadi]. *Acting is natural* [berlakon adalah semula jadi]. (Mengangguk). *Acting* [berlakon] bukan buat-buat.(Menggeleng kepala). Memang betul kita buat-buat, tetapi *it must be natural* [ianya perlu seperti semula jadi].

NSMS1: Supaya ---

ST: *Natural* [semula jadi] maknanya semula jadi nampak –

NSMS2: Tak dibuat-buat.

ST: Nampak -- macam - (berfikir)

NSMS1: Takde lah kaku kan?

ST: Bersahaja. (menggerakkan tangan)

NSMS2: *Real* [Nyata]. (Menggerakkan tangan)

ST: Ha, nampak bersahaja dan tidak terlalu mengikut er apa --- (berfikir)

NSMS2: Skrip.

ST: Skrip (Mengangguk). Kadang-kadang kita (berhenti seketika berfikir), kita longgarkan sekit - sedikit skrip tapi jangan terlampau adlib. (Menggerakkan jari-jemari) Tak boleh banyak (Menggeleng). Sebab skrip ni kadang - kadang kita kena hormat penulisan penulis. (Menggerakkan jari-jemarinya). Kita kena -- memberi pengiktirafan kepada penulis sebab dia yang memerah otak dia untuk mengeluarkan idea-idea untuk para pelakon. (Mengangguk sedikit). Di dalam dia punya naskhah itu tadi, dia punya naskhah yang hebat, jangan kita suka-suka saja nak buat adlib nak tukar dai - dialog dia, tak boleh (Menggeleng). Kita kena hormat. Itu dia punya bidang (menunjuk dengan menggunakan jari telunjuk). Kita tak boleh usik (Menggeleng kepala). Kita punya bidang, lakonan. (Menunjuk ke arah diri sendiri). Dia punya bidang penulisan skrip. (Menunjuk ke arah hadapan). Jadi kita kena hormat dia punya karya dia.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey encik, antara idola-idola yang encik sebutkan, pernah tak berjumpa secara berdepan?

ST: Pi - , Allahyarham P.Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara], sebelum saya jadi pelakon pernah jumpalah. (Sambil tersenyum).

NSMS1: Oh, pernah berjumpa. Dia tahulah encik mengidolakan dia?

ST: Dia tengah main takraw kat Kampung Baru [Kuala Lumpur].(Gelak besar sambil mengenang semula memori tersebut)

NSMS1: Masa tu *join* [mengikuti] sekali?

ST: Takde . (Menggeleng kepala). Sa - saya balik sekolah masa tu tengok lah kan. (Tergelak kecil). Zaman-zaman tu kan saya sekolah lagi. *So* [jadi], bila balik sekolah tengok dia main taka - takraw. (Mengimbau memori lalu). Wuu , kita pun tengok, menunggulah. (Mereaksikan kekagumannya). Main takraw semua kat - dekat Kampung Baru, dekat sebelah Khatib Koyan [Kuala Lumpur] lah tak silap saya. Ada *court* [gelanggang] sebelah tu. Kat Jalan Kampung Cendana [Kampung Baru, Kuala Lumpur]. Dia kat situ. Memang main takraw [sepak raga].

NSMS1: Oh, tak tegur dia? (Menggeleng kepala)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Tak bole - emhh kita kecik lagi masa tu kan. (Menggerakkan tangan menunjukkan keciknya beliau). Kita baru balik sekolah kan. Ha, tak. Selepas itu bila saya jadi pelakon adalah saya dapat berlakon dengan All - Allahyarham Aziz Satar [Datuk Abdul Aziz bin Sattar, Pelakon dan Pengarah Filem Malaysia], Es Kuswadinata [Kuswadi bin Bujang, Pelakon Lelaki Singapura - Malaysia], S. Roomai Noor [Muhammad Taib bin Salleh, Penulis, Pelakon dan Pengarah Malaysia] err (berhenti seketika cuba mengingat) ramailah, Arwah - Allahyarham Mahmud June [Mahmood Junit bin Derani [Seniman Malaysia], Allahyarham M.Amin [Muhammad Amin bin Haji Ihsan], all - Allahyarham - , ramailah saya dapat berlakon. Ramailah dengan -- artis - artis Jalan Ampas bila saya dah jadi pelakon. (Mengangguk-angguk).

NSMS1: Ada tak *tips* [petua] yang mereka kongsi kepada encik?

ST: Itu, dia orang cakap sama je. Kita kena buat sungguh-sungguhlah.

NSMS1: Buat sungguh-sungguh. (Mengangguk)

ST: Ini kerjaya, ini -- merupakan periuk nasi kita. Jadi kita kena jagalah. Mutu lakonan kita kena jaga. Dan beri keyakinan supaya mereka beri keyakinan kepada penonton supaya lakonan kita itu mendapat -- err apa orang panggil tu (berfikir) mendapat perhatian. (Menggenggamkan di atas meja). Bukan pujian eh, tapi perhatian mengatakan “bagus dia tu berlakonlah” kan? (meminta persetujuan) “memang berkesan” dia cakap. (Cuba memberikan gambaran penonton terhadap mutu lakonan seseorang artis). Ha begitu.

NSMS1: Orang akan ingat kan sampai bila-bila?

ST: Ha , orang akan ingat bila kita buat sungguh-sungguh (Mengangguk).

NSMS2: Sebagai artis lagenda yang sudah berada dalam industri lakonan, ada tak seseorang yang menjadi pilihan untuk berlakon bersama? Maksudnya macam encik tak pernah berlakon sama, *and* [dan] nak teringin sangat. (Menggerak-gerakkan tangan)

ST: Saya sebenarnya tidak adalah macam memilih-milih. Tidak. (Mengangguk kepala). Sebab ini bukan bidang saya untuk memilih-milih pelakon. Ini terpulang kepada penilaian err (berfikir dan memandang ke atas) yang diajukan oleh pengarah ataupun cadangan pelakon daripada penulis skrip yang mungkin ketika dia menulis itu tadi dia dapat membayangkan yang boleh bawak watak ini si polan binti si polan. Si polan, si polan, si polan. Sama ada pelakon lelaki ataupun pelakon perempuan. Dan bila pergi pengarah pun dia akan menilai juga. Mungkin dia ada berbincang dengan *script writer* [penulis skrip], “Betul jugak , aku rasa pun si polan, si polan, si polan” (Menggerakkan tangan). Mungkin dia tidak setuju. “ Aku rasa tak lah, dia ni tak boleh, dia ni kurang sikit, aku ambik yang ini lah. Yang ini sikit. Ni lebih mantap sikitlah”. Dia cakapkan. Sebab dia yakin dia beri co - contoh kerja yang telah dibuat (Menggerakkan tangan). Yang dia memberi kesan kepada mereka sehinggakan mereka ter - terfikir ketika itu hanya dia ni yang rasa yang -- sesuai dengan watak itu. Dia, pelakon macam saya tidak. Saya tidak memilih sapa-sapa. Tak kisah sapa-sapa nak berpasangan dengan saya, okey. (Membuka tangan)

NSMS2: *On* [Jalan] je ? (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *Let's go* [Marilah]. *Let's do our work* [Mari kita buat kerja kita]. (Menggerakkan tangan). Ha, itu aje .(Mengangguk kepala)

NSMS1: Kalau genre pun tak kisah lah? Drama ke? Macam ---

ST: Genre saya tak pilih. Saya - tak - pilih -- (Menggeleng kepala). Sama ada *you* [awak] nak bagi komedi [Genre drama] ke, *you* [awak] nak bagi drama *heavy* [berat, genre drama] ke, *you* [awak] nak bagi - apa ni sarkas- (berfikir), *black satire comedy* [Genre komedi berbentuk sindiran] ke, *you* [awak] nak bagi apa? (berfikir) *situation comedy* [Situasi komedi, genre drama] ke, *romantic comedy* [Komedi romantik, genre drama] ke, *romantic drama* [drama romantik, genre drama] ke, saya tak kisah. Saya bawak je. Yang penting, *how you project up, your own version of the character itself* [bagaimana anda menayangkan versi watak anda sendiri]. *You know I mean* [Awak tahu maksud saya]? Ha, itu yang penting pada saya. Macam mana kita nak mewarnakan watak itu di dalam lakonan kita sehingga penonton percaya itu adalah dia. (Tergelak kecil sambil menggerakkan tangan). Itu *exactly* [semestinya] dia. (Menggerakkan tangan menunjuk ke arah hadapan) Ha itu yang kita nak. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Betul, betul, betul. (Menangguk)

NSMS2: Orang ingat. (Menggerakkan tangan)

ST: (Mengangguk setuju)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Orang ingatlah.

ST: (Mengangguk setuju)

NSMS1: Okey encik, sebelum mendapat watak pertama dulu, ada tak sesi ujibakat yang encik buat?

ST: Pernah. (Mengangguk). Saya beberapa kali pergi ujibakat masa tu , saya gagal banyak kali lah. (Bercerita sambil melihat pandangan jauh). Selalunya macam itu lah. Kita ni, sebelum kita nak dapat sesuatu benda, ujian itu memang banyak. Memang banyak. Walaupun kita tahu “eh aku boleh berlakon. Aku boleh. (Mengangguk sedikit) Tapi bila aku pegi ujibakat tak dapat”. (Menggelengkan kepala). Tak dapat nak buat macam mana .(Menggerakkan tangan)

NSMS2: Ada yang kurang. (Menggerakkan tangan)

ST: Ha. Maknanya ada benda-benda yang dia nampak yang kita takde . Kita rasa kita dah ada, sebenarnya kita tak ada. (Sambil tergelak). Tu lah dia kan. *So* [jadi], *always* [selalu] kita kena *be patient* [bersabar] lah. Pada saya kesabaran itu penting untuk menjadi seorang pelakon juga untuk mencapai kejayaan, kita perlukan kesabaran. Bukan ini - hari -- *you* [awak] cakap *you* [awak] nak jadi pelakon besok *you* [awak] jadi pelakon. Tak . Dia - saya mengambil masa berapa lama. Saya mengi - mengikuti kelas lakonan tiga [3] tahun. Selepas tiga [3] tahun

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

saya mengikuti kelas lakonan, baru saya dapat watak sebagai *extra* [tambahan] saja.

NSMS1: Oh okey.

ST: Penjaga kereta. Tahan kereta. "*Parking* [letak kenderaan] sini encik, *parking* [letak kenderaan] sini" (Berdialog sebagai pelakon tambahan yang dilakonkan). Dapat dua [2] posen [puluh sen]. "Terima kasih encik". Itu aje [sahaja]. (Tergelak kecil). *Extra* [tambahan] (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Ingat tak ujibakat pertama yang dibuat?

ST: Ha, itu lah dia. Watak itu.(Mengangguk).

NSMS1: Itu?

ST: Ha. (Mengiyakan)

NSMS1: Oh, itu.

ST: Jadi *extra* [pelakon tambahan] je.

NSMS1: Jadi *extra* [pelakon tambahan]. (Tersenyum)

ST: Saya jadi *extra* [pelakon tambahan]. Maknanya adalah watak, adalah apa? (berfikir dan Menggerakkan tangan isyarat bercakap) bukan ada watak. Adalah dialog. Takde lah *extra* [pelakon tambahan] tengok aje . (Membuntangkan mata)

NSMS2: *Extra* [pelakon tambahan] berdialog (Menggerakkan tangan).

ST: Ha. *Extra* [pelakon tambahan] berdialog. Ha, macam tu lah. Ada dalam dua [2] *scene* [babak] macam tu [begitu] lah. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Ingat tak juri ujibakat tu sapa?

ST: Uih banyak. Ini semua orang-orang yang memang dalam bidang itu. Bidang penerbitan ini memang ramailah. Bukan sahaja bahagian drama, filem pun sama. (Menggerakkan tangan), *in fact* [hakikatnya] teater pun sama. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Tahun berapa tu ujibakat tu ? Ingat tak?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Proses-proses itu macam saya cakaplah, tahun lapan puluh [80] an, tahun lapan puluh lima [85] ke atas lah, lapan puluh empat [84], lapan puluh lima [85] sampailah sebelum saya mencapai kejayaan se - penuh sebagai seorang pelakon.

NSMS1: Ujibakat *first* [pertama] tu kat mana eh ?

ST: Di RTM

NSMS1: RTM, okey.

ST: RTM. Kebanyakan zaman itu yang ada stesen TV ni di RTM aje. Dan bukan senang untuk menjadi seorang pelakon untuk mendapat tempat di RTM. Bukan senang. (Menggeling kepala). *Just imagine, you think very easy? If you don't have a good talent in you and then a - good -- and charismatic approach, no, you can't get. It is not easy.* Bayangkan, awak ingat mudah? Jika awak tiada bakat yang bagus dan juga pendekatan yang baik dan berkarisma, awak tidak boleh dapatkannya. Tidak, ianya bukan mudah. (Menggeling kepala).

NSMS1: Masa ujibakat tu, suasana dia macam mana ?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ramai, bukan satu orang. Beratur --. (Membuat isyarat tangan menunjukkan panjangnya orang berbaris sambil gelak kecil). Yang duduk kat kerusi, yang menunggu ni, beratur.

NSMS2: Kena isi borang (Menggerakkan tangan).

ST: Iya betul. (Mengangguk). And then [kemudian] dia bagi kita tak sampai berapa minit aje. Ada dalam mungkin dalam masa lima minit je. Paling -- kuat lima [5] (Menunjukkan lima [5] jarinya) minit je.

NSMS1: Kalau tengok yang orang ujibakat yang lain tu persaingan dia tu macam mana?

ST: Eh, memanglah, nampaklah dia orang macam dia orang pun berbakat.

**NSMS2: Pernah tak jumpa macam masa ujibakat tu jumpa artis-artis lain.
(Menggerakkan tangan)**

ST: Takde. Artis - artis tak datang. (Menggeleng kepala) Yang ini untuk dia ujibakat watak - watak baharu. Yang watak -- yang berbakat tu memang dah - di -- *cast* [tetapkan pelakon]. Maknanya *main cast* [pelakon utama] tu dah memang tak payah uji -- bakat. Sebab zaman tu memang dia orang dah *confirm* [pasti]. Yang nak menjadi pembantu-pembantu ni. (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Pelakon pembantu je lah. (Menggerakkan tangan)

ST: Ha, pelakon-pelakon pembantu. (Mengangguk). Dia nak *introduce new actor* [memperkenalkan pelakon baru], *new actress* [pelakon baru]. So [Jadi], dia buatlah ujibakat. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Apa perasaan encik eh masa ujibakat *first* [pertama] tu?

ST: Emm (berfikir) Kalau kita - masa kita tak dapat, kita kecewalah. (Mengangguk) Biasalah. Itu -- biasa. Itu semua normal. (Menggerakkan tangan dan kemudian meletakkan tangan di atas meja) Maknanya, gagal kita bukan semestinya kita gagal selamanya, itu maksud saya. So [jadi], gagal itu gagal yang pertama. gagal yang kedua, ketiga, keempat, kelima tak apa gagal. (Menggerakkan tangan) . Tapi bila kita dabe - dapat *strike* [serang] satu, ha itu kita kena buat betul --. (sambil menggerakkan tangan)

NSMS1: Betul (Senyum).

ST: Faham tak? Sebab kita dah dendam ni. Aku enam kali *audition* [ujibakat], enam -- aku tak dapat. Tiba-tiba aku dapat watak jadi -- *parking* [letak kenderaan] - ker - *parking boy* [budak parking]. Okeylah. Tak kisahlah. (Menggeleng kepala).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Boleh (Tersenyum)

ST: Janji --

NSMS2: Nampak ada *improvement* [peningkatan] kat situ. (Sambil menggerakkan tangan)

ST: Janji aku dapat. (Mengetuk meja dan tergelak besar).

NSMS1: Nampak *improvement* [Peningkatan] (Tergelak besar)

ST: Sebab itu *is a ticket* [itu ialah tiket]. *Stepping -- stone* [Batu loncatan] *for me* [untuk saya]. Tiket untuk saya nanti akan, insyaAllah mungkin akan ada lagi. Orang akan “ Eh, budak ni rasa-rasa bolehlah. Boleh panggil dia *audition* [ujibakat] lagi, watak lain pulak”. Ha - faham tak?

NSMS1: Dah dapat watak satu, dapat lagi yang lain nanti. (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha, jadi kita itu -- anggap sebagai kita punya *stepping stone* [batu loncatan] itu.
At least [sekurang-kurangnya], kita ada sikit *foundation* [asas] kecik.
Foundation [asas] untuk kita - err (berfikir) berpijak kan? (Menumbuk tapak tangannya).

NSMS1: Langkah sedikit demi sedikit lah. (Menggerakkan tangan).

ST: Ha langkah pertama kita tu. (Mengangguk dan menumbuk tapak tangannya).

NSMS2: Maksudnya bila *time* [masa] apa err (berfikir) gagal tu mesti kita rasa macam kita nak apa (berfikir sambil menggerakkan tangan mencari idea)

ST: Memanglah.

NSMS1: Baiki

NSMS2: Baiki yang lebih baiklah, macam cari ilmu lagi.

ST: Ya.(Mengangguk). Masa tu saya bergiat dalam teater kan. Ha.

**NSMS2: Okey -- . Okey kita beralih kepada pilihan kerjaya (Menggerakkan tangan).
Boleh tak encik ceritakan tentang kerjaya seni encik sebagai seorang pelakon?
(Menggerakkan tangan)**

ST: Sebagai seorang pelakon, kita kena fahamlah kerjaya kita kan? Pertama sekali kalau zaman-zaman saya berlakon dulu, kita kena banyak berkorban masa untuk *family* [keluarga] lah. Kan? Maknanya kita tinggalkan *family* [keluarga], jauh daripada --- Kadang-kadang kita *shooting* [penggambaran] *outstation* [kerja luar] kan? So [jadi], ketika kita baru -- berumah tangga, anak -- pun masih kecil, jadi ini memberikan satu azam kepada saya untuk saya meneruskan mencari rezeki untuk menampung kehidupan mereka kan? Jadi ini merupakan tanggungjawab saya sebagai seorang ketua rumah dan juga menjadi tanggungsawab - jaw - say - jawab saya, tanggungjawab saya untuk memberikan persembahan yang terbaik di dalam lakonan saya. (Menggerakkan tangan). Jadi ini, azam ini saya tanam. Kalau saya cakap kalau saya tak buat yang terbaik orang takkan panggil lagi dah (Menggelengkan kepala). Orang takkan datang nak panggil saya, nak jemput saya nak berlakon *next* [lagi] -- takde (Menggerakkan tangan dan menggelengkan kepala). Kalau buruk lakonan ini, setakat itu je lah awak, awak memang takde, tak boleh pergi jauh. Awak setakat itu je lah. (Menggerakkan tangan). Awak terkandas kat sini je lah. (Menggerakkan tangan). Sama juga macam kita periksa dalam ujian -- dalam Universiti *or* [atau] *the* [yang] sekolah kan? Kalau kita terkandas, kita nak *return* [kembali] balik kan? (Menggerakkan tangan).

NSMS2: Ha, betul. (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Kita ambik *paper* [kertas], benda yang sama lagi. (Menggerakkan tangan dan mengetuk meja).

NSMS2: *Repeat paper* [Kertas ulangan], betul. (Mengangguk)

ST: (Gelak besar). Sehingga kita nak kita lulus. (Mengetuk meja dan tergelak).
Sama.

NSMS2: Sehingga dapat ---

ST: Samalah

NSMS2: Apa ni. Aa (berfikir) capai kita punya *target* [sasaran]. (Menggerakkan tangan).

ST: Ha (Mengangguk), samalah -- Sebenarnya pendekatan tu sama cuma cara tu
(Menggerakkan tangan dan menggoyangkan badan) berbeza sikitlah.
(Menggerakkan tangan)

NSMS2: Ha'ah. (Mengangguk mengiakan)

ST: Kan? Haa

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Okey. Apa yang mendorong encik untuk menceburkan diri dalam bidang seni ni?

ST: Macam saya cakap tadi tu lah, minat (Mengangguk dan bercakap dalam nada tegas).

NSMS2: Minat lah? Memang minat dari diri sendiri lah? (Menunjuk ke arah diri sendiri)

ST: Memang minat (Menggenggamkan tangan). Minat tu memang dah ada dekat dalam. (Meletakkan tangan ke dada). Dia senang saja. Masa saya masa bersekolah tu, kan saya cakap permulaan inspirasi saya ketika itu saya suka menonton filem-filem Melayu. Hero - hero - Melayu --. Tetapi dalam proses selepas sekolah itu tadi, persekolahan itu tadi, saya lu - saya tinggalkan dulu minat ni. Saya pergi berkerja. Selepas sekolah tu saya pergi kerja. (Meletakkan hujung jari di atas meja) Dalam peker - dalam saya berkerja tu kita mengenang nasib orang panggil. (Menongkat dagu sebentar).

NSMS1: Kerja apa tu? (Tergelak kecil)

ST: (Tergelak kecil). Masatu saya jadi kerani -- biasa je lah. Kerani yang gaji pun kecil, zaman -- tu gaji baru seratus [100] lebih aje.

NSMS2: Tapi dulu ---

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Tapi zaman dulu lah. Zaman tujuh puluh [70]-an. (Menggerakkan tangan)

NSMS2: Ha, dulu dah mewah dah tu. (Tersenyum sambil menggerakkan tangan).

NSMS1: Nilai duit dulu kecik. Eh, besar --- (Membuntangkan mata dan menggerakkan tangan sedar tersilap).

ST: Ha. Zaman tujuh puluh [70]- an. (Menghela nafas). Adui, berapa lama aku nak duduk kerja macam ni, gaji kecik kan? *So* [Jadi], secara tak langsung dia ada kesedaran diri dia mengatakan “ Kalau aku boleh dapat buat kerja lain ---”

NSMS2: Hm -- (Mengangguk)

ST: “dan kalau aku boleh dapat gaji lebih daripada sekarang,”

NSMS2: E’eh (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: “insyaAllah akan bertambah lagi rezeki aku, kan akan menjadi kedudukan ekonomi aku pun agak lebih bagus daripada yang sekarang, kenapa aku tak buat satu pendekatan yang berbeza? pendekatan yang lain, pendekatan untuk ---”

NSMS2: Buat benda lain. (Menggerakkan tangan)

ST: “meningkatkan dari segi moral ekonomi aku” (Menunjuk ke arah diri sendiri)

NSMS2: Taraf hidup.

ST: “Taraf hidup aku, kan untuk -- yang lebih baik daripada yang ada sekarang”. *So* [jadi], ini memberi satu kesedaran kepada diri, menyuntik minda kita untuk berfikir, bukan sahaja untuk kemajuan diri sendiri tetapi untuk kemajuan keluarga juga.

NSMS2: Keluarga (Menggerakkan tangan)

ST: Sebab tanggungjawab keluarga tu lebih penting. Jadi ini merupakan puncak-puncunya kita kena, kita menjalankan tanggungjawab itu bukan sahaja sebagai ketua keluarga tetapi untuk peningkatan diri juga. Meningkatkan kemahiran kita. Sebab kita mena - kita belajar pun tak tinggi sampai Universiti pun. Setakat *secondary* [menengah] je. (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Takpe --

ST: Ha, itulah dia. (Menggerakkan tangan). Zaman dulu takde macam sekarang. Sekarang *you* [awak] -- sekolah tinggi pun *you* [awak] ada tu masih jual *online* [atas talian] lagi. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Aah betul. (Mengangguk)

ST: Apatah lagi orang yang tak belajar. Pun sama jugak. *Online* [berniaga atas talian] juga. Yang ada tu jadi *Grab rider* [Penunggang Grab, sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran] --- (Menggerakkan tangan)

NSMS1: Kadang-kadang kalau ---

ST: *Panda rider* [Penunggang Panda, sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran] walaupun ada diploma. Sebab kerja susah. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: Sebab ---

ST: Kerja takde. (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Belajar lain, nanti kerja pun lain _ kan. (Menggerakkan tangan)

ST: Kerja lain. Macam kawan saya, dia belajar *engineering* [kejuruteraan]. Jadi bila belajar *engineering* [kejuruteraan], bila *qualified* [berkelayakan] jadi *engineering* [kejuruteraan], dia - tak -- jadi *engineer* [Jurutera], dia jadi filem *maker* [pembuat] pulak. Ha nampak? Lagi jauh beza dia. (Menunjukkan jurang perbezaan dengan menggerakkan tangan).

NSMS2: Hmm. Jauh. (Menggerakkan tangan)

ST: Faham tak?

NSMS2: Faham. (Mengangguk faham). Okey, bagaimanakah penerima - penerimaan keluarga encik semasa membuat pilihan untuk menjadi pelakon?

ST: Ha. Assalamualaikum! (Menegur rakannya yang lalu di situ dan tergelak), okey --! (Menunjukkan ibu jari) Baru perasan (Meletakkan tangannya dimulut ketika bercakap dengan rakannya itu). Assalamualaikum! (tergelak kecil dan menunjukkan ibu jari). Kawan - kawan tu. (Memberitahu kami dan menunjuk ke arah rakannya itu) Ha. Tu orang lama tu. (Menunjuk ke arah rakannya itu) Orang-orang teater, orang *-script writer* [penulis skrip], *producer* [penerbit] ---

NSMS1: Pernah berlakon bersama?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Pelakon. (menunjuk ke arah hadapan). Ha, tu orang lama tu. Orang Kedah [Malaysia]. Hmm (Sambil memerhati rakannya dari jauh). Ha, apa tadi soalan?

NSMS2: Penerimaan keluarga encik semasa jadi pelakon. (Menggerakkan tangan)

ST: Okey, pada permulaannya memang ada penentangan lah daripada, *especially* [terutamanya] kita punya orang rumah lah kan. Nanti dia cakap “ oow Abang nanti berlakon ni oow pegang-pegang ni oow” (Mengajuk keluhan bekas isterinya)

NSMS2: Oh, biasalah.

ST: Ha, jadi mesti adalah perasaan *jealous* [cemburu] kan? Perasaan macam tu. Tapi kita cakap dengan dia kita -- macam ber - bukan berjanji tetapi memberi hati dia lega kita katakan kita -- ni kita buat ini bukan sebab nak berpelik - apa nak berpegang - pegang tangan. Bukan (menggeleng). Ini -- bukan maksud dia. Inilah untuk mendapatkan rezeki yang -- lebih tinggi daripada sekarang.

NSMS1: *Improvement* [peningkatan]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha, nak buat ekonomi kita mantap, ekonomi kita selesa, kita boleh mengadakan kenderaan, kita boleh pergi bercuti, kita boleh err apa? (berfikir) menikmati kehidupan yang ---

NSMS1: Lebih baik

ST: Lebih bagus. Dan kita tidak dihimpit dengan hutang.

NSMS2: Oh, betul. (Mengangguk).

ST: Faham tak?

NSMS2: Hmm (Mengangguk)

ST: Jadi, saya kena buat sesuatu lonjakan diri supaya saya tahu, saya ada bakat itu. Cuma masa je menentukan. (Memetik jari). Sama ada kita naik atau tak naik lagi. (Memetik jari). Faham tak?

NSMS1: Faham -- (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Kita dah ada. Aset tu kita ada. Apa orang panggil *facilities* [kemudahan] tu kita yang ada. Kita tahu diri kita.

NSMS2: Kemampuan kita.

ST: “ aku ada *facilities* [kemudahan] tu, tapi aku tak *show -- off* [tunjukkan] lagi ni, belum -- keluarkan lagi. Belum keluar lagi, aku simpan, tapi aku yakin aku ada sebab aku dah nuntut ilmu ni ”. (Menggerakkan tangan sambil gelak besar)

NSMS1: Betul lah tu. (Gelak bersama-sama)

NSMS2: Oh. So [jadi] itulah antara sebab encik terima sesebuah watak? (Menggerakkan tangan).

ST: Aaa (berfikir) selepas itu, setiap watak itu saya kena saring lah.

NSMS2: Oh, saring jugaklah.

ST: Bukan semua watak saya nak terima. Kalau watak tu tidak memberi satu *impact* [kesan] kepada saya, setakat duit aja. Tak juga. Tapi pada saya, saya nak dua-dua sekali.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Normal. (Tergelak kecil)

ST: Ha, kan!

NSMS2: Itu normal. Saya pun macam tu (Tergelak kecil)

ST: *Impact* [kesan] nya, watak *impact* [kesan] dan ---

NSMS2: Duit nak (Tergelak kecil)

ST: duit tu pun mesti yang -- *impact* [memberi kesan] jugalah. (Tergelak besar)

NSMS2: Iya lah, yang setimpal dengan kita punya ni lah (Menunjuk ke arah diri sendiri)

ST: Setimpal dengan apa yang kita persembahkan. (Menggerakkan tangan)

NSMS2: Haa, betul -- (Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Setimpal dengan kerja dan komitmen kita dan fokus kita pada kerja kita.
(Menggerakkan tangan). Ha kan. Itu yang penting le. Sebab kerja lakonan ni
kena fokus banyak.

NSMS2: Betul (Mengangguk)

ST: Fokus banyak. Tetapi ada juga orang panggil ni apa ini *for joke* [untuk gurau]
ni lah.

NSMS2: Okey (Mengangguk).

ST: Sebagai seorang pelakon ni, (sambil menolak telefon bimbit dan cermin matan)
sebenarnya kerja saya tak banyak, kerja saya tak lama. (sambil menggeleng
kepala) Sekejap aje kerja saya. (sambil memukul meja)

NSMS1: Iya ke?

ST: Ha. (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Sebab kitaorang tengok macam kadang apa artis kan dia ada *update* [memuat naik] dia sampai *shooting* [melakukan pengambaran] sampai pagi -macam tu. (sambil menggerakkan tangan). Sampai tak tidur.

ST: Betul, dia *shooting* [pengambaran] sampai pagi, bukan daripada pagi dia *shooting* [pengambaran], dia *shooting* [pengambaran] sampai pagi. (Mengetuk meja dengan jari telunjuk). Tak! (Nada tegas)

NSMS1: Macam mana tu?

ST: Macam ni (Tunjuk ke arah meja dengan jari telunjuknya). Dia *shooting* [pengambaran] pagi, cakap dia *start* [mula] pukul sembilan [9]. Pukul sebelas [11] orang lain punya *scene* [babak] pulak. So dia *rest* [rehat].

NSMS1: Hm *rest* [rehat].

NSMS2: Oh okey. (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Orang lain pulak masuk. Orang lain ni pukul sebelas [11] sampai pukul satu [1]. Dia keluar, ore - dia ni masuk balik. Jadi tadi dia dah *rest* [rehat] dua [2] - jam. Masuk balik. *So* [jadi], pukul satu [1] sampai pukul tiga [3]. Dua [2] -- jam berkerja. *So* [jadi]campur sini --, baru berapa jam baru dia kerja? (sambil menggerak - gerakkan tangannya)

NSMS2: Oh.

NSMS1: Berapa jam tadi?

NSMS2: Tiga [3] - empat [4] -- jam.

ST: Ha? (bertanya)

NSMS2: Tiga [3] empat [4] jam.

ST: Ha. Okey (Mengangguk). Pastu dia -- pulak *rest* [rehat] . Orang sini pulak masuk. Orang lain pulak. *So* [jadi] dia kerja dua [2] jam lagi. *So* [jadi], itu yang *drag* [tarik]sampai, ha itu yang *drag* [tarik] sampai berapa jam? *You* [awak] cakap sampai ke pagi. Tapi bukan di ---

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Dia *straight* [terus]. Dia tak *straight* [berterusan] (Menggerakkan tangan dan menggeleng kepala).

ST: bukan dia *straight* [berterusan] je.

NSMS1: Oh

NSMS2: Oh

ST: Faham tak?

NSMS1: Orang lain jugak akan masuk, ganti- ganti. (Menggerakkan tangan)

NSMS2: Iya lah, sebab _

ST: Ha (Mengangguk). Jadi, maknanya, kalau ikutkan berkerja tu mungkin dalam enam [6] jam, lapan [8] jam. Tapi menunggu tu lebih. (Gelak besar).

NSMS2: Menunggu tu boleh tidur, *rest* [rehat]. Patutlah tak banyak kerja. (Tergelak kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Sebab itu, (mengangkat telunjuk dan menggerakkan tangan) *you* [awak] tengok, uih teruk dia kerja sampai pagi. Bukan dia se- *the all the way* [sepanjang masa].
(Menggerakkan tangan)

NSMS2: Dia ak *straight* [berterusan]. Ganti-ganti (Menggerakkan tangan)

ST: Tak, dia mungkin kerja enam [6] jam. Tapi menunggu dia sepuluh [10] jam.

NSMS1: Oh.(Mengangguk)

ST: Faham tak maksud saya?

NSMS2: Faham -- (Mengangguk)

ST: So, menunggu tu lebih daripada, pada kerja. (Mengetuk meja dan tergelak)

NSMS1: Sambil menunggu tu tidur lah? (Tergelak kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha, itu biasalah. (Tersenyum)

NSMS2: Banyak rehat lah.

ST: Tidur - makan lah --. (Tergelak kecil)

**NSMS2: So [jadi], encik masuk dalam industri seni ni kira macam diri sendirilah?
(Tangan diletakkan di dada)**

ST: Iya. (Mengangguk)

NSMS2: Dia takde sapa yang ajak?

ST: Tak. (Menggeleng)

NSMS2: Takde, memang diri sendiri. (Menggeleng kemudian mengangguk).

ST: Dia minat sendiri. Dia dorongan -- diri sendiri. (Menunjuk ke arah diri sendiri).

Ha, un- untuk ---

NSMS2: Memang minat tu lah? (Meletakkan tangan di dada).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Minat tu tadi. (Mengangguk). Pertama sekali mesti minat. Kedua kita tahu kita ada bakat. Ketiga kita ada ilmu. (Menggerakkan tangan). Macam saya cakap tadi. Kan? Ha, *so* [jadi] kita -- ada tiga [3] ni *why not* [kenapa tidak] kita *throw it* [keluarkan]? *Throw it out* [keluarkan semuanya untuk diaplikasikan]. (Menggerakkan tangan). Maknanya kita *throw it out and then the money will come* [keluarkan untuk diaplikasikan dan kemudian duit akan datang]. Aaa, faham tak? Haa. (mengangguk sedikit)

NSMS1: Faham -- (Mengangguk). Okey encik eh. Seperti yang kita tahu ni encik mengekalkan kerjaya lakonan ni sebagai kerjaya utama lah.

ST: Ehem. (Mengangguk setuju)

NSMS1: Sampai bertahan sampai sekarang ni ---

ST: Ya. (bersetuju sambil mengambil telefon bimbitnya)

NSMS1: Jadi mesti ada satu *figure* [figura] yang membantu encik sewaktu awal penglibatan kat dunia lakonan ni. Boleh tahu tak sapa yang ajar encik sewaktu pertama kali berlakon? (Menggerakkan tangan)

ST: Aaa dalam err (berfikir) dia tide- sebenarnya tidak ada *figure* [figura] yang mendorongkan saya. Macam saya cakaplah, is- inisiatif adalah *self* [diri sendiri], disiplin.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Diri sendiri (Meletakkan tangan di dada)

ST: Diri sendiri (Mengangguk). Tetapi ilmu yang kita dapat tu yang penting.
Daripada siapa? Haa (Tergelak kecil)

NSMS1: Daripada siapa tu? (Tersenyum dan tergelak kecil)

ST: Okey. Err yang ilmu tadi, kita bercakap tentang ilmu. Ilmu yang saya kutip itu
tadi merupakan pembelajaran saya selama tiga tahun. Penuh tiga [3] tahun emm
mem - mempelajari senang - tentang seni lakon. Tentang *acting only* [berlakon
sahaja] (Menggerakkan tangan).

**NSMS1: Tiga [3] tahun penuh lakonan je? (Menunjukkan tiga jari dan menggerakkan
tangan)**

ST: Untuk lakonan saje. Dan saya menggu- err (berfikir) dan cikgu itu menggunakan
kaedah err *Stanislavsky* [Kaedah lakonan yang digunakan]. (Menggerakkan
tangan sambil mengingat)

NSMS: Stanis --? (Mengerutkan muka meminta penjelasan)

ST: Stanis. S-T -- A-N-I-S, Stavalasky [sic, Stanislavsky], S -- T-A, Vas, V-A-S-L--
Y kot. (Menggerakkan tangan). Stala-stalavalasky [sic, *stanislavsky*] lah. Lebih

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

kurang macam tu lah. Dia *Russian* [orang rusia] punya, dia Rusia. *Stanislavski*
dia orang panggil method *acting* [berlakon].

NSMS1: *Method acting* [kaedah lakonan].

NSMS2: *Method acting* [Kaedah lakonan]. (Mencatat)

ST: Ha ,tapi kalau you *google* [alat carian] nanti you cakap *stanislavsky method acting* [Kaedah Lakonan *Stanislavsky*] akan keluarlah buku dia. (Menggerakkan tangan) Ha silibus buku dia ada bab satu [1], bab dua [2], bab tiga [3], bab empat [4]. (Sambil mengetuk meja)

NSMS2: Oh, ada buku. (Teruja).

ST: Dia ada buku. Ha. (Tersenyum dan mengangguk)

NSMS1: Ingat tak nama yang ajar encik berlakon?

ST: Oh itu. Cikgu saya. Allahyarham Mustaffa – Noor -- [Guru lakonan Shahrudin
Thamby merangkap pelakon lelaki Malaysia] (Sambil menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Macam mana boleh berjumpa tu?

ST: Aaa (berfikir) tu kita pergi *audition* [ujibakat] lah.

NSMS1: Oh yang *audition* [ujibakat] tu yang jumpa tu?

ST: Haa. Kita pergi *audition* [ujibakat] tu nak masuk kelas dia. (sambil menunjuk ke hadapan).

NSMS1: Oh, masuk kelas lakonan dia aja? (sambil menggerakkan tangan)

ST: Ha, stanni - apa ni (berfikir sambil memejamkan mata) Allahyarham cikgu saya ni merupakan bekas pelajar yang belajar di *out of Broadway* [New York], *Hollywood* [California].

NSMS1: Wow, hebat! (Melahirkan kekaguman)

ST: Ha. (Mengangguk)

NSMS2: Fuyo (Menunjukkan keterujaan), bukan kaleng-kaleng. (Menggeleng)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Bukan kaleng-kaleng. (Menggeleng). Memang betul. dia bukan kaleng kaleng. Dia belajar di *out of Broadway, Bollywood - Hollywood [California]* membla membawa kaedah seni lakon *method acting* [kaedah lakonan] yang di - yang ---

NSMS2: *Stanilavsky*. [Kaedah lakonan yang digunakan]

ST: *Stanilavsky* [Kaedah lakonan yang digunakan] (Sambil menunjuk ke arah NSMS2)

NSMS1: Orang Malaysia lah eh?

ST: Dia berlakon dia ses - asal pelakon teater dan juga seorang pelakon filem. Dia pernah berlakon. Dia berlakon filem Mawar Put - 'Mawar Merah' [Tajuk filem].

NSMS1: 'Mawar Merah'.

ST: Dan dalam teater memang bidang dia terkenal. Memang kalau *you* [awak] -- eja nama dia M-U-S Mustapha M-U-S-T-A-P-H-A Mustapha Noor N-O-O-R, N-O-R, Mustapha Nor [sic, Mustaffa Noor, Guru lakonan Shahrudin Thamby merangkap Pelakon Lelaki Malaysia] akan keluarlah gambar dia. Dalam *google* [alat carian] eh tentang err ---

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Lagenda lah ni?

ST: Ya. (Mengangguk). Dia dalam teater memang hebat.

NSMS2: *Terror* [hebat].

ST: Sebab dia yang belajar di *Hollywood [California]* selama lapan [8] tahun. (sambil menggerakkan tangan)

NSMS2: Wow (menunjukkan kekaguman sambil mencatat)

NSMS1: Macam tak senang kan nak masuk situ?

ST: Wey, jangan cakaplah.

NSMS1: (Tergelak)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: (Gelak)

ST: Sebab ilmu yang - dia - nak -- sedut daripada *Hollywood [California]* itu pun bukan mudah. *Out of Broadway* [Keluar dari Broadway]. Dia belajar dekat *out of Broadway* [dari Broadway]. Bukan -- *Broadway*. (Sambil menggerakkan tangan). Maknanya dia luar sikitlah. Ha kan? Bukan mudah nak dapat ilmu u - aa ilmu itu. Ha kan. (sambil menggerakkan tangan)

NSMS2: Okey

NSMS1: Boleh, berhenti kejam lah.

NSMS2: Berhenti jam. (mengangguk)

ST: Ha okey. (Mengangguk)

NSMS1: Kita berhenti kejam eh. Okey.

ST: Ha, okey boleh (Mengangguk). Baik boleh takde masalah. Tengok ea *you* [awak] *google* eh. (Sambil menunjukkan telefon bimbitnya)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Okey encik kita *start* [mula] dengan soalan permulaan kerjaya, boleh tak encik kongsikan berkenaan lakonan pertama encik dalam teater?

NSMS1: Teater

NSMS2: Ha teater. Pertama lakonan

ST: Dalam teater ada --- dulu saya mula-mula berteater saya berlakon (berfikir sejenak) 'Jiwa Merdeka' [tajuk teater]

NSMS2: 'Jiwa Merdeka' [tajuk teater]

ST: 'Jiwa Merdeka' ni merupakan teks hasil daripada --- hasil gabungan lah, dia -- merupakan penulisan --- dia merupakan (berfikir panjang) penulisan puisi-puisi atau sajak-sajak dikumpulkan menjadi sebuah skrip. Sebab itu dinamakan 'Jiwa Merdeka' [tajuk teater]. Dan ianya dipentaskan *live* [secara langsung] pada TV, maknanya di TV. Di samping ---

NSMS1: Ada penonton, ada kat TV jugak? (membuat gerakan tangan)

ST: Penonton takde. Sebab kita *recording* [rakaman].

NSMS2: Oh *recording* [rakaman]

ST: Tapi yang -- pentas pon ada tapi di pentas tu saya tak *involve* [terlibat]. Saya *involve* [terlibat] yang dalam TV punya. Itu yang pertama bagi saya. Lepas tu adalah beberapa naskah yang saya berlakon ketika itu contohnya 'Tun Perak'

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

[tajuk teater], contohnya apa (berfikir) 'Dimana Setangginya; [sic, 'Mana Setangginya', tajuk teater], contohnya apa (berfikir panjang) 'Jiwa yang Berdarah' [tajuk teater] apa yang berdarah. Kalau tengok dalam apa ---

NSMS2: Banyak (mengangguk)

ST: Kalau tengok dalam ---

NSMS1: Tema-tema patriotik

ST: (mengangguk) Tema-tema --- dia punya tema-tema dia banyak kepada

NSMS2: Patriotism [patriotisme]

ST: Bukan saja patriotism [patriotisme] tetapi dia lebih kepada cerita-cerita yang uh (berfikir panjang) yang mempunyai nama-nama -- watak yang -- dilakukan itu adalah memang sinonim dengan -- bidang teater ketika itu dalam -- persembahan teater. Kalau nanti *you* [kamu] ada masa *you* [kamu] *Google* [alat carian] balik *you* [kamu] pergi dekat saya punya *wikipedia* [laman web] tu *you* [kamu] *Google* [alat carian] dekat Shaharuddin Thamby nanti keluarlah.

NSMS2: List -- [senarai] nya

ST: *Lists* [senarai-senarai] lakonan-lakonan filem saya, lakonan-lakonan teater saya memang ada dalam tu, dalam *wikipedia* [laman web] uh apa (berfikir) *Google* [alat carian] (mengangguk), nanti *you* -- [kamu] kalau nak kutip ada benda tu. Saya nak ingat semua susah (gelak)

NSMS1: Takde lah semua (gelak kecil)

NSMS2: Tak lah semua.

ST: Tapi memang ada dalam tu

**NSMS2: Untuk yang teater pertama tu (menunjuk ke arah Shaharuddin Thamby),
lakonan pertama teater tu ha tu tahun berapa? Ingat?**

ST: Itu tahun masa saya dalam pembelajaran.

NSMS2: Pembelajaran (mencatat di kertas)

ST: Masa tu proses pembelajaran akhir. Maknanya tahun akhir.

NSMS1: Tahun ketiga

ST: Tahun ketiga (mengangguk). Saya dalam mem – me - apa melanjutkan pelajaran dalam seni lakon dalam tahun yang ketiga. Sebab itu ssaya diberi peluang untuk menunjukkan *skill* [kemahiran] saya sama ada kau boleh berlakon atau tidak. “Ini aku bagi kau puisi, macam mana kau nak berlakon dengan ayat-ayat yang berbentuk puisi dia bukan ada dialog.

NSMS1: Skrip-dia-memang -- puisi?

ST: Puisi lah.

NSMS1: Oh (menunjukkan kekaguman)

ST: *You* [kamu] --- contoh macam ni, satu puisi --- nanti ya saya (mengambil telefon bimbitnya), minta maaf

NSMS2: Boleh -- tak apa

ST: Saya --- contoh satu --- (mengetik telefon bimbit untuk membuat carian)

NSMS2: Puisi

ST: Satu puisi Usman Awang [Dato' Dr. Usman bin Awang, Sasterawan Negara Ketiga [3]] (memegang telefon bimbit sambil menatal kebawah) yang tajuk dia --- apa tajuk dia uh (berfikir) 'Nisan Condong' [sic, 'Gadis di kuburan', tajuk puisi] tak silap sayalah

NSMS2: Ini antara skrip yang masa ---

ST: Ya (mengangguk)

NSMS2: pertama kali tu lah

ST: condong (memegang telefon bimbit sambil menetik).

NSMS2: Pertama kali berlakon dalam teater

ST: Tak tau sama ada nak tajuk 'Nisan Condong' [sic, 'Gadis dikuburan',
tajuk puisi] ke apa. Oh (menyedari kesalahan) 'Gadis dikuburan' [tajuk puisi]
tajuk dia tu (gelak kecil)

NSMS1: (Ketawa kecil)

NSMS2: (Ketawa kecil)

ST: (Memakai kaca mata) Tajuk puisi tu 'Gadis di ---' [tajuk puisi]

NSMS2: Kuburan

ST: Kuburan. (memegang telefon bimbit sambil menatal ke bawah) Okey misal
cakap saya nak berlakon tadikan, ni skrip dia (menunjukkan isi di dalam telefon
bimbit ke arah penemubual). Inilah contoh. Jadi bila saya nak baca saya cakap
"*nisan condong, tegak bertaburan*" (melontarkan puisi sambil menggayakan
satu tangan dari kiri ke kanan)

NSMS1: Oh (teruja)

NSMS2: Oh (teruja sambil gelak kecil)

ST: Faham tak?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Kena ada *body language* [gerak tubuh] (membuat gerakan tangan)

ST: Mesti -- faham (menggerakkan jari telunjuk). Apa yang kita cakap. Okey (menunjukkan telefon bimbit ke arah penemubual) sekarang ni dia cakap apa, “*nisan condong tegak bertaburan*” (bercakap nada biasa) bila *you* [kamu] berlakon, *you* [kamu] pertama kali *you* [kamu] nampak nisan. Nisan (menggerakkan satu tangan dari kiri ke kanan), ada yang condong (mencondongkan tangan), ada yang tegak (menegakkan tangan)

NSMS2: Bertaburan

ST: Ada yang bertaburan (menggerakkan tangan dari kiri ke kanan).

NSMS1: Oh (teruja) jadi macam gitu ya

ST: *So* [jadi] macam mana *you* [kamu] nak menggambarkan dalam tutur kata *you* [kamu] atau pun projek apa *projection you* [unjuran kamu] punya vokal itu tadi membayangkan (menggerakkan tangan) ayat yang *you* [kamu] baca ini (menunjukkan kearah skrin telefon bimbit), penonton (menunjukkan kearah hadapan) akan nampak seperti apa yang *you* [kamu] baca. Faham tak maksud dia?

NSMS1: Gambaran dia lah (menggerakkan tangan)

ST: Ya (menunjuk ke arah penemubual). Nampak tak? (menunjuk telefon bimbit) tu pastu “*Gadis menangis kehibaan*” (melontarkan puisi), maknanya seorang gadis duduk kat tepi menangis

NSMS2: Menangis

ST: Tengah hiba. Pastu "*Tidak ada padang perjuangan*" (melontarkan puisi sambil menggerakkan tangan), maknanya tidak ada --- tak nampak pun orang berlawan tapi nisan dah berterabur (menggerakkan tangan). Faham tak? "*Pahlawan gugur bergelimpangan*" (melihat telefon bimbit). Maknanya kita membayangkan sebelum nisan-nisan ini (menghalakan satu tangan ke hadapan) macam ini ---

NSMS2: Mayat (menggerakkan tangan)

ST: Dia orang sebelum ni dah berperang. Berlawan lawan --

NSMS2: Gugur

ST: *So* [jadi] ada yang mati, ada yang syahid ada yang mati macam-macam

NSMS2: Bergelimpangan tu

ST: Bergelimpangan. Maknanya macam-macam *style* [gaya] lah kan. Pastu (menunjuk telefon bimbit) Pastu ada seorang budak tengah berlari-lari tersungkur kat bumi tu -- dia cakap tu, (menunjuk skrin telefon bimbit) "*Lari gadis menyembah ke tanah*" (membaca puisi), mungkin dia lari daripada tentera Jepun yang nak - tembak -- tetiba ---

NSMS2: Terjatuh (menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Terjatuh (menggerakkan tangan dari atas ke bawah).

NSMS1: Tersandung

ST: Jadi kita kena faham tau. Bila kita baca benda tu kita kena faham situasi dia.
Bukan hanya “*Nisan condong tegak bertaburan*” (membaca puisi nada biasa)
boleh, kita boleh baca. Itu puisi biasa (menggerakkan tangan).

NSMS1: Tapi tak sampai

ST: Tapi dalam – lakonan -- berbeza (menggerakkan tangan). Faham?

NSMS1: Tak sampailah (gelak kecil)

ST: Tak sampailah (menggerakkan tangan). Kan? Lagi satu contoh (menetik telefon bimbit) Usman Awang [Dato’ Dr. Usman Awang, Sasterawan Negara Ke-tiga [3]]

NSMS2: Puisi dia memang indah

ST: Ha (mengangguk menyetujui). Puisi dia --- apa orang panggil (befikir panjang),
‘Jiwa-- Hamba’ [tajuk puisi]. Tak silap ab... tak silap saya tajuk dia ‘Jiwa
Hamba’ [tajuk puisi] (melihat sambil menatal telefon bimbit). Ni (menunjukkan
skrin telefon bimbit).

NSMS2: Gambarkan

ST: Ni ya (menunjuk skrin telefon bimbit). Tengok ya dia punya ayat. “*Termenung seketika sunyi sejenak*” (melontarkan puisi)

NSMS2: Sejenak

ST: Kalau saya berlakon saya akan baca begitu. Tapi kalau orang baca puisi lain. Pastu (meletakkan satu tangan di dada) “*Kosong dijiwa tiada penghuni*” (melontarkan puisi). Maknanya jiwa aku kosong. Takde apa-apa aku ingat sekarang ni. Kan? Pastu “*Hidup terasa diperbudak-budak*” (melontarkan puisi sambil menggerakkan tangan), maknanya hidup ni macam orang kotak-katikkan kita. Sebab kita kosong. Kita takde apa-apa. “*Hanya suara melambung tinggi*” (melontarkan sajak sambil menggerakkan satu tangan ke atas). Maknanya orang yang bercakap tu pun suara je ada tapi apa bakti dia pada rakyat (sambil menggerakkan tangan). Contoh gitu. Kan? Dah tu “*Berpusing roda beralihlah masa*” (melontarkan puisi) masa ber -- (menggayakan putaran dengan tangan)

NSMS2: Berputar

ST: Beralih

NSMS2: Berganti-ganti

ST: Berganti. “*Pelbagai neka hidup di bumi*” (melontarkan puisi) maknanya macam-macam -- lah yang terjadi kan. “*Selagi hidup berjiwa hamba*” (melontarkan puisi sambil menggayakan dengan tangan) maknanya selagi kita ni rasa diri kita ni *nothing* [tiada apa] eh (menegaskan), *nothing is going to happen* [tiada apa akan berlaku]. Tapi, “*Pasti tetap terjajah abadi*” (melontarkan puisi) maknanya

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

kalau kita rasa kita ni *nothing to fulfill our own ambition or whatever, we are still like this* [tiada apa untuk memenuhi cita-cita kita sendiri atau apa sahaja, kita akan tetap begini] lah. (menggerakkan tangan ke arah dada). Seperti apa orang panggil --- kalau nakkan sesuatu, kita kena ubah pendirian kita. Kalau kita nak satu kejayaan kita kena -- berusaha kearah itu. Begitulah (menggerakkan tangan).

NSMS1: Jadi sepanjang berlakon dekat teater ni memang ada belajar macam sastera-sastera ni lah?

ST: Ada -- sastera yang begini. Ini puisi ni. Ini bukan teks. Ini puisi. Tapi macam mana kita nak berlakon dengan puisi saja. *So* [jadi] itu *test* [ujian] pertama saya masa di teater dulu.

NSMS2: Kalau encik ingat siapakah pengarah ---

ST: Pengarahnya tu ni Allahyarham Mustaffa Noor lah. Cikgu saya lah. Dia - yang -- mengarah.

NSMS2: Kalau ingat dimana teater tersebut berlangsung?

ST: Teater tu di RTM. (membuka kaca mata)

NSMS2: RTM juga (mengangguk)

ST: Di -- siarkan di RTM.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Ni semua dulu memang RTM kan?

ST: Ha? (bertanya kembali)

NSMS1: Semua dulu RTM?

ST: Dulu RTM. TV3 pun takde lagi masa tu. TV3 pun takde. TV3 tubuh pun 1975 tak silap saya, eh (mengingat) sembilan - belas -- [19] lapan puluh lima [85] ke, lebih kurang macam tu lah TV3 tubuh 1985 kot. [sic, 1984].

NSMS1: RTM sejak bila ya?

ST: Sejak awal lagi ada (gelak besar)

NSMS1: (Gelak besar)

NSMS2: Sejak antara rancangan TV terawal (Gelak besar)

ST: Dia yang -- mula-mula kan

NSMS2: Okey, bagaimana penerimaan orang ramai mengenai pementasan pertama teater yang --- (menggerakkan tangan ke arah Shaharuddin Thamby)

ST: Alhamdulillah dapat *feedback* [maklum balas] bagus daripada penonton-
penonton di RTM. Dia orang macam teruja sebab apa, pertama kali juga teater

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

itu dipersembahkan di dalam TV (menggerakkan tangan). Sebab jarang, selalunya teater ni dipersembahkan dalam ---

NSMS1: Pentas

ST: Pentas (menggayakan pentas dengan kedua-dua tangan). Tetapi ni kami buat rakaman dan di-disiarkan di TV _ dan mene...

NSMS1: Siaran langsung?

ST: Tak --.

NSMS2: *Recording* [rakaman]

ST: Dia *recording* [rakaman]. Sebab ---

NSMS1: Ada *cut* -- [berhenti]?

ST: Memang - ada - *cut* -- [berhenti]. Ada *cut* [berhenti]. Tapi kalau *live show* [persembahan secara langsung] takde *cut* [berhenti]. Tapi kalau di TV tu boleh *cut* -- [berhenti]. Sebab dia menggunakan tiga [3] kamera ke empat [4] kamera (menggayakan tangan ke kanan dan ke kiri). Dia ada *cut* -- [berhenti].

NSMS2: Kalau encik ingat berapa banyak teater yang encik lakonkan?

ST: Cerita macam mana maksud dia?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Teater

NSMS2: Teater --

ST: Teater banyak. Macam saya cakaplah saya tak boleh ingat semua tadi tapi insya-Allah kalau *you* [kamu] *Google* [alat carian] senarai Shaharuddin Thamby cakaplah teater akan keluarlah. Shaharuddin Thamby filem akan keluarlah. Senarai dalam *Google* -- [alat carian] punya ---

NSMS2: Kita kira sendiri lah nanti (gelak kecil)

ST: Nanti *you* -- [kamu] catitlah (menggerakkan jari di meja)

NSMS1: Boleh

NSMS2: Oh boleh --

ST: Sebab saya nak ingat semua tak ingat sangat semua.

NSMS2: Dah lama kan (membuat gerakan tangan)

ST: Tapi nama-nama filem apa (berfikir) teater-teater besar tu macam saya -- cakap 'Tun Perak' [tajuk teater] tu -- besar punya *production* [produksi] di Istana Budaya [Kuala Lumpur] 'Tun Perak' [tajuk teater]. Pastu apa lagi tadi (berfikir

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Mekanik

ST: 'Mekanik' [tajuk filem] tajuk dia filem tu tak silap saya 'Mekanik' [tajuk filem].

Saya - jadi -- juri pertandingan apa entah. Tapi masa tu rambut afro (meletakkan kedua-dua tangan menghampiri kepala) zaman tu. Zaman dulu kan ---

NSMS2: Zaman dulu rambut tu kembang kan (menghalakan tangan ke kepala sambil gelak kecil)

ST: Jadi *extra* [tambahan] je filem. Itu filem pertama saya ingat sampai sekarang.

NSMS2: Tahun berapa tu?

ST: Tahun lapan puluhan [80-an] lah, lapan puluh [80] berapa saya tak ingat lah.

NSMS2: Lokasi penggambaran?

ST: Dia dekat kompleks lah

NSMS2: Kompleks

ST: *Shopping complex* [kompleks membeli belah] (mengangguk kecil) lah tak silap saya. Sebab dia pertandingan bayi ke pertandingan apa saya pun dah lupa dah.

NSMS2: Jadi juri (gelak kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Jadi juri tapi *extra* [tambahan] lah sebenarnya.

NSMS2: Takpe. Ada dialog jugak kan?

ST: Takde (menggeleng)

NSMS2: Takde? Tulis-tulis je lah? (gelak kecil)

ST: Main-main je (mengajuk perbuatan menulis di meja sambil gelak kecil)

NSMS2: Takpe. Pengarah dia siapa *time* [masa] tu?

ST: Pengarah dia --- apa ni (berfikir panjang) Dato' Othman Hafsham [pengarah filem, pelakon sambilan, penulis skrip]. Othman Hafsham. O-T-H-M-A-N Haf H-A-F Sham S-H-A-M Hafsham [Dato' Othman Hafsham].

NSMS2: Hafsham

NSMS1: Watak tadi watak tu lah kan ---

ST: Hm? (mencuba mendengar)

NSMS1: Jurilah kan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Hm (mengangguk) Watak juri. Jadi *extra* [tambahan] je.

NSMS2: Kalau encik ingat berapa banyak filem yang dilakonkan?

ST: Tak ingatlah. Tapi banyaklah.

NSMS2: Banyaklah, takpe --

ST: Macam senarai tu. Nanti senarai tu kan (menggerakkan tangan), tak senarai -- dekat *Google* [alat carian] tu ada. Kalau *you* [kamu], nanti (mengambil telefon bimbit dan mengetik), okey takpe kita bagi kita ---

NSMS2: Buka terus (ketawa kecil)

ST: Kita *Google* [alat carian] (melihat hasil carian di telefon bimbit). Jadi senang untuk *you* [kamu] (mengetik sesuatu di telefon bimbit). Dia dah banyak sangat jadi macam ---. Ha dekat sini kan (mengarahkan telefon bimbit ke penemubual). Nampak dah ada semua kan.

NSMS1: Dah bagi senarai

NSMS2: Filmografi

ST: Filmografi. Ha ni nampak filem-filem saya nampak? (menunjukkan hasil carian di telefon bimbit ke penemubual). Ha banyak. Kalau saya nak -- apa --- 'Ujang' [tajuk filem], 'Riang Tirana' [tajuk filem], 'Bintang Malam' [tajuk filem], 'XX-Ray' [tajuk filem], 'Fifty/Fifty' [tajuk filem], 'Pemburu Bayang' [tajuk filem],

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

'Pesona Cinta' [tajuk filem], 'Azam' [tajuk filem], 'Istana Melewar' [tajuk filem], 'Leftenan Adnan' [tajuk filem], 'Bicara hati' [tajuk filem], 'Puteri Gunung Ledang' [tajuk filem], 'Cicak *Man* [lelaki]' [tajuk filem], 'Don: *The -- Chase Begins Again* [Pengejaran Bermula Semula]' [tajuk filem] ni dengan Shah Rukh Khan [pelakon, produser filem dan personaliti TV] berlakon ni, 'Apa Kata Hati' [tajuk filem], 'V3 Samseng Jalanan' [tajuk filem], 'Semerah Cinta Stiletto' [tajuk filem], 'Ratu *The Movie* [Filem]' [tajuk filem], 'Suamiku Encik *Perfect* [sempurna] 10' [tajuk filem], 'Kapsul' [tajuk filem], 'Kerja Kahwin' [tajuk filem], 'KL *Special Force* [Pasukan Khas]' [tajuk filem], Jangan --- 'Hero: Jangan Panas' [sic, 'Hero: Jangan Bikin Panas'tajuk filem]. '7 Hari Kisah Cinta Langkawi' [tajuk filem], 'Mat Kilau' [tajuk filem]. Ha nampak? *This the latest* [Ini yang terbaru] 'Mat Kilau' [tajuk filem] (menunjuk skrin telefon bimbit).

NSMS1: Mat Kilau

ST: *The latest* [yang terbaru] (mengangguk). Tapi tak keluar lagi.

NSMS1: Tak keluar lagi. Tapi dah keluar kat *Google* [alat carian]

NSMS2: Bila tu nak keluar

ST: Mungkin *by next year* [dalam tahun depan] kot.

NSMS2: *Next year* [tahun depan]

ST: Ni Syamsul -- anak Yusof Haslam [pelakon, pengarah filem dan penerbit] yang *direct* [arah].

NSMS2: Syamsul Yusof

ST: Tapi saya jadi Dato' Bahaman [watak lakonan] dalam cerita ni.

NSMS2: Dato' --

ST: Dalam --- jadi Dato' Bahaman dalam filem ni sejarah Pahang [Malaysia] (menunjuk skrin telefon bimbit). Sejarah Pahang [Malaysia] lah 'Mat Kilau' [nama filem] ni. Sejarah Pahang [Malaysia]. Kalau *you* [kamu] tengok kat sini. (menunjukkan isi skrin telefon bimbit) Takkan saya boleh ingat semua. Memang berlambak ni nampak. Tapi kalau *you* [kamu] buka ekskopedia [sic, Wikipedia, laman sesawang] ni memang ada lah. Wikipedia [laman sesawang] ni. Wikipedia [laman sesawang] kan. Shaharuddin Thamby bawah -- keluar semua senarai berlakon (menunjuk skrin telefon bimbit). Berlakon filem, ini filem tau, ini bukan teater. Ini *all* [semua] filem. Kan. Sampai 2000 ---

NSMS1: Dua puluh satu [21]

ST: Dua puluh satu [21]. 2018 ada, 2017 ada, 2019 ada, 2020 ada, 2021 ada.

NSMS2: Okey –

ST: *Until the latest one* [sehingga yang terbaru]. Lepas tu cakaplah *you* [kamu] nak tengok --- (menatal skrin telefon bimbit)

NSMS2: Telefilem

NSMS1: Drama

ST: Teater

NSMS1: Teater

ST: Nanti jap eh (mencari hasil carian maklumat melalui telefon bimbit)

NSMS2: Tadi tu filem

NSMS1: Ha (mengiyakan) tadi filem

ST: Ha (menunjukkan hasil carian maklumat di telefon bimbit) ini poster-poster. Nampak? 'Pemburu bayang' [tajuk filem], 'Bintang Malam' [tajuk filem], 'Hero' [tajuk filem], 'Azam' [tajuk filem], 'AV6 Jalanan [sic, V3 Samseng Jalanan, tajuk filem]', apa --- 'Kerja Kahwin' [tajuk filem], 'X-Ray [sic, XX-Ray, tajuk filem]'. Ha, ini poster-poster yang saya berlakon. Kan. Kalau -- nak cari semua ada dalam ni lah. Kan? Teater, nanti kejap ya. Kalau *you* [kamu] tengok banyak sebenarnya nak cari tu tapi nak cari tu --- (gelak kecil)

NSMS2: Oh takpe --

NSMS1: Kita teruskan dengan soalan lain. Okey encik kalau tak kesah kan, boleh tau serba sedikit tentang bayaran lakonan yang diterima?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Okey. Zaman saya dulu kami bukan fikir sangat pasal bayaran. Kami fikir macam mana nak dapat skrip atau jalan cerita yang baik untuk saya dapat mempamerkan, mewarnakan watak tersebut atau melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seo-seorang pelakon untuk menterjemahkan watak yang akan kita lakonkan. Itu sebenarnya *my -- first aim* [tujuan utama saya] (menunjukkan jari telunjuk ke atas). *And then we wi --- secondly we will talk about the how much the* [dan kemudian kita --- keduanya kita akan cakap mengenai berapa banyak] dia punya imbuhan. *Priority* [keutamaan] saya adalah mendapat skrip yang baik, watak yang baik. Sebab baru saya puas hati. Kadang-kadang orang akan kejar duit dulu. Saya tak, saya kejar --- apa --- lakonan --- apa tu --- watak yang baik untuk saya berlakon (menggerakkan tangan). Supaya benda ni dia -- sebab benda tu ada dekat saya. ilmu tu ada dekat saya. saya nak serapkan benda ni. Faham tak?

NSMS1: Faham

ST: Sebab dia tersimpan _ ni (menghalakan tangan ke arah dada). Banyak lagi tersimpan saya cakap kan.

NSMS1: Jadi tak --- apa --- kena keluarkan benda tu

ST: Ha (mengangguk). Tapi saya tak boleh nak keluarkan semua sebab tak -- bersesuaian dengan watak itu tak kena lah keluar. Tak boleh lah keluar.

NSMS1: Oh kalau ingat bayaran *first* [pertama] masa berlakon dulu berapa? (mengangkat jari telunjuk ke atas)

ST: Tak silap saya dapat lapan puluh [80] ringgit kot.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Lapan puluh [80] ringgit. Okey. Kalau cakap pasal pengalaman, sekarang ni lah, pandangan encik tentang bayaran tu setimpal ke dengan pengalaman yang encik ada sekarang ni?

ST: Macam sekarang? Macam sekarang kita kena orang panggil muhasabah diri lah.

NSMS1: Muhasabah diri

ST: Maknanya kita kena sedar diri. Kita kena tahu diri kita ni bukan lagi macam zaman kita masa muda. *So* [jadi] jangan fikir macam “Kalau dulu orang bayar aku sekian --, aku pun nak macam tu lagi”, tak boleh dah.

NSMS1: Dah tak kesah lah sekarang

ST: Zaman kita dah bukan zaman kita. *So you have* [jadi kamu perlu] --- tu yang saya cakap kita -- kena sedar diri. Sedar ruang sedar diri. Kena faham benda ni. Situasi ni. Sebab apa, *generation* [generasi] tetap akan ada yang baru. Yang lama tetap ada tetapi yang baru akan naik. *So* [jadi] bila yang -- baru naik, akan ada yang baru lagi naik. *So* [jadi] yang lama akan kebawah lagi (menggerakkan tangan keatas dan kebawah). Faham tak?

NSMS1: Dia jadi bawah --

ST: Ha (mengiyakan). Dia akan jadi bawah --. Tapi bukan maksud dia be - bawah tu dia te - tidak bermutu. Tidak dihargai, tidak (menggerakkan tangan).

NSMS1: Kualiti lagi bagus yang lama

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Dia masih lagi bagus. Cuma untuk dia berlakon kerap tu takde. Untuk -- mendapat bayaran yang setimpal lagi seperti dulu-dulu takde. Sebab apa? Ni. Peluang mereka lah pulak. Rezeki mereka sekarang. *Time* [masa] dia orang (menggerakkan tangan). Kenapa engkau masih-nak -- konon-konon nak sama taraf dengan dia orang. Tak boleh dah.

NSMS1: Okey, walaupun encik cakap begitu kan, pernah tak terima bayaran lewat daripada *team* [kumpulan] produksi?

ST: Sebenarnya begini. Senang je. Kalau komitmen kita bagus, ya, komitmen kita bagus, kerja kita bagus, takde orang yang nak melambatkan bayaran kita. Percayalah (gelak kecil).

NSMS1: Oh (gelak kecil)

ST: *I'm very simple* [saya sangat senang]. *I know* [saya tau]. Maknanya kalau kita *comit* [komited] bagus, kita buat yang terbaik, kita bagi *performance* [persembahan] yang baik, kita punya disiplin baik, produser tu pun fikir, produser akan fikir (menopang tangan dan menunjuk kehadapan), "Eh, dia ni se-bayar dia cepat". Kadang-kadang kita tak habis *shooting* [penggambaran] pun lagi ---

NSMS1: Dah bayar dah. Dah dapat dah

ST: Dia dah bayar. Faham tak maksud dia?

NSMS1: Oh faham -- (mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *So the best thing is that how we dis-discipline ourselve within in the industry so people will appriciate whatever we did* [jadi yang terbaik adalah bagaimana kita mendisiplinkan diri sendiri di dalam industri jadi orang akan menghargai apa jua kita lakukan]. Apa yang kita buat dia orang macam menghargai komitmen kita, tanggungjawab kita dan dia orang balas cara yang memudahkan kita (menggerakkan tangan)

NSMS1: Kita mudahkan dia

ST: Ha (mengiyakan)

NSMS1: Dia mudahkan kita

ST: Sebab kita-mudah--kan dia, dia pun mudahkan kita. Tapi kalau kita datang lewat kat set, kita bagi alasan macam-macam, jem lah itu lah. Padahal kau tidur lagi (gelak kecil). Lepas tu bila habis *shooting* [penggambaran] kau nak *famous* [terkenal] cepat. Eh, orang pun sakit hati. “Oh, dulu dahla kau datang lewat, engkau nak-- bila nak habis *shooting* [penggambaran] kau nak du-duit cepat. Cuba masa *shooting* [penggambaran] dulu kau datang cepat”, ha kan?

NSMS1: Duit pun cepatlah (gelak kecil)

ST: *Simple-as-that--* [senang sahaja]. Dia-- macam tu la. Kan? Dia punya senario tu tak lari (membuat gerakan tangan)

NSMS2: Okey, kita bercerita pula pasal pngalaman manis. Apakah pengalaman manis encik dalam menjayakan sesebuah lakonan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Kejayaan adalah bila kita mencapai kejayaan lah. Maknanya bila kita mencapai sesuatu kejayaan, itu merupakan kejayaan manis bagi kita di mana pengorbanan kita terhadap cerita itu tadi dan pembawakan watak kita tadi tu telah di-diiktiraf atau pun di akui atau pun telah diberi pengiktirafan atau pun dihargai oleh mereka-mereka yang pakar dalam industri (membuat gerakan tangan)

NSMS2: Oh jadi satu kepuasan lah

ST: Ha (mengiyakan). Jadi itu memberi satu lonjakan, *confident level* [tahap keyakinan] kita, minda kita

NSMS2: Motivasi

ST: Semua. Motivasi kita. Semua akan berada di tahap yang itu (mengarahkan tangan ke paras dagu). Dan *perfectly* [kesempurnaan] bila kita menerima, benda yang kita tahu kita buat ini susah, akhirnya mereka mengiktiraf, menghargai kita rasa terharulah (menggerakkan tangan berdekatan dada). Gembira, terharu, suka duka semua adalah. Kan?

NSMS2: Kiranya dia menjadi inspirasi untuk encik terus berjuang dalam ---

ST: Ya (mengangguk). Memang ---

NSMS2: dunia lakonan lah kan

ST: Memang --. Sebab bila saya memperolehi ilmu ketika itu bila saya projek semua --- *project up my -- experience, gaining knowledge in acting* [menaikkan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

pengalaman, mendapatkan pengetahuan dalam lakonan] punya teknik, saya gunakan benda kaedah-kaedah itu tadi dan dia -- ternyata dia memberi hasil (membuat gerakan tangan). Faham tak? Dia memberi hasil. Memberi hasil seperti apa kita belajar dulu, susah kita belajar dulu, kemudian setelah kita praktikkan dan kita --- apa --- kita kelu-keluarkan benda itu dan memberi hasil dan hasil tu nampak. Datang -- . Ha nampak tak? Faham tak?

NSMS2: Wah (teruja). Okey, encik dulu pernah berlakon bollywood [panggung wayang Hindi], boleh tak ceritakan pengalaman encik masa berlakon Bollywood [panggung wayang Hindi] tu?

ST: Okey. Dengan Bollywood [panggung wayang Hindi] ni saya pergi India ni dua [2] kali lah. Dua [2] kali pergi India. Duduk sana seminggu pastu balik lepas tu dalam bulan *next month* [bulan hadapan] tu pergi lagi seminggu. Saya berlakon dengan Shah Rukh Khan [pelakon India, penerbit filem dan personaliti TV] lah. Saya berlakon dengan Shah Rukh Khan [pelakon India, penerbit filem dan personaliti TV], Karina Kapoor [pelakon India], um apa (berfikir) Pri-Priyanka Chopra [pelakon India], eh (mengingat kembali) Priyanka Chopra (mengangguk), ha ya lah Priyanka Chopra [pelakon India] lagi adalah ramai lagi pelakon-pelakon yang *top* [hebat]. Alhamdulillah lah bagus.

NSMS2: Seronoklah

ST: Seronoklah

NSMS1: Pernah jumpa dia orang semua lah masa tu?

ST: Eh memang lah. Berlakon sama kan (gelak kecil).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Macam mana encik berkomunikasi *time* [masa] tu?

ST: Orang putih lah. Kita *speak english* [cakap inggeris] lah (menggerakkan tangan).

NSMS2: *Speak english* [cakap inggeris] lah oh, sempat berkenalan okey (mengangguk kepala).

NSMS1: Okey-- Kita ke soalan seterusnya. Jap eh (menukar halaman kertas), boleh tak encik ceritakan pengalaman tentang pementasan teater yang paling digemari lah.

ST: Saya suka 'Tun Perak' [tajuk teater] (mengangguk kepala).

NSMS1: 'Tun Perak' [tajuk teater] lah

ST: 'Tun Perak' [tajuk teater] ni tak silap saya tahun 2000 kot. La-lagi satu tahun dua [2] --- tahun 2000 ni adalah pembukaan panggung Istana Budaya [Kuala Lumpur] itu sendiri. Ini dia --- maknanya dia tahun 2000 tak silap saya lah.

NSMS2: Istana Budaya [Kuala Lumpur]

ST: Istana Budaya [Kuala Lumpur]. Ya. Dibuka dalam tahun 2000. Jadi itu satu persembahan perdana, *very big stage performance* [persembahan pentas yang sangat besar] (menggerakkan tangan).

NSMS2: Dia macam perasmian pembukaan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Di samping pembukaan Istana Budaya [Kuala Lumpur] tu, ini -- teater yang pertama (membuat gerakan tangan).

NSMS1: Dekat situ

ST: Ha (mengangguk). Maknanya di persembahkan untuk pembukaan itu tadi (menggerakkan tangan).

NSMS1: Sekali 'Tun Perak' [tajuk teater] ni jadi macam cerita-cerita sejarah lah ae?

ST: Dia memang sejarah sebab dia cerita pasal sejarah Melaka [Malaysia]. 'Tun Perak' [tajuk teater] ni kan pasal sejarah Melaka [Malaysia] di zaman empat -- lima-belas -- [15] *something* [sesuatu] lah tak silap saya Tun Perak [Bendahara Malacca 1456 hingga 1498] ni cerita dia (mengangguk kepala).

NSMS1: Watak yang encik main apa ya? (menghalakan tangan ke Shaharuddin Thamby)

ST: 'Tun Perak' [watak teater] lah (mengangguk).

NSMS1: Oh, ni watak utama (teruja)

ST: Watak utama (mengangguk)

NSMS1: Wah hebat (kagum dan gelak kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Peh takkan dilupakanlah (kagum)

ST: Tun Perak [Bendahara Malacca pada 1456 hingga 1498], nanti kejap eh saya tengok (memegang telefon bimbit dan mengetik sesuatu), 'Tun Perak' [tajuk teater], ada dia-punya-- apa--- dia punya poster ada.

NSMS1: Poster memang adalah ceritanya hebat (gelak kecil)

ST: (Mengetik sesuatu di telefon bimbit) Poster 'Tun Perak' [tajuk teater].

NSMS2: Yang ni rambut dah tak afro (gelak kecil)

ST: Tapi masa tu bukan zaman --- apa ni --- bukan apa --- bukan afro. Zaman tu dah tahun 2000 kan (memakai cermin mata).

NSMS2: Afro tahun bila eh?

NSMS1: Afro tahun ---

NSMS2: Sekitar 1980-an ---

ST: Afro awal lagi tu. (melihat dan menatal hasil carian di telefon bimbit) Tapi tak- de lah. Tak pe lah. Nanti *you* [kamu] --- nanti takut *you* [kamu] nak *cover* [muka hadapan] nya. Okey kalau ada saya bagi tau, kita tu --- (meletakkan telefon bimbit di atas meja)

NSMS2: Okey, tadi pe --- kita cerita pasal pengalaman manis, sekarang kita beralih pula pada pengalaman pahit. Apakah pengalaman pahit yang dilalui sepanjang menceburi bidang seni ni? (sambil menggerakkan tangan)

ST: Saya ketika itu saya tengah *shooting* [penggambaran], saya *shooting* [penggambaran] hingga jam tak silap saya jam tiga [3] pagi la, macam tu la. Ketika itu ada satu hari kan saya jadi macam PI, pe-*Private Investigator* [Penyiasat Peribadi] polis. *Private Investigator* [Penyiasat Peribadi] saya berlakon cerita ada kene mengena dengan polis juga lah. *So* [jadi] dalam -- adegan itu saya tengah mengejar penjahat. Nak tangkap penjahat. *So* [jadi] dalam berlari lari tu tadi tu ada la buat macam loncatan-loncatan (membuat gerakan tangan)

NSMS1: Oh *stunt* [aksi], kira *stunt* [aksi]

ST: Loncatan lah kan macam nak kejar perompak tadi. Jadi ada lah macam ---

NSMS1: Aksi

ST: Aksi untuk saya melompat kan. Dan ketika saya melompat kotak tu, dia ada kotak je sebenarnya. Kotak. Jadi kita kena lompat kotak. Dalam pukul dua setengah [2:30] pagi, dua [2], tiga [3], dekat pukul tiga [3] saya melompat tetiba saya lompat saya jatuh (sambil menggerakkan tangan).

NSMS2: Allah

ST: Bila saya jatuh saya bangun balik (mencondongkan badan sedikit kehadapan) saya bangun balik nak lari, jatuh balik. Rupanya kaki saya patah.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Ya Allah

NSMS1: Memang tak rasa masa tu?

ST: Tak rasa. Masa patah tak rasa.

NSMS2: Penggambaran tu kat mana? Terus ke hospital lah?

ST: Masa tu penggambaran dekat bukan KL [Malaysia] lah. Dia *outskirt* [pinggir bandar] (sambil menggerakkan tangan). Selangor [Malaysia] sana lah. Jadi pukul tiga [3] pagi kan. Jadi panggil ambulans lah angkat pergi hospital. Maknanya saya -- memang patah kaki masa tu. Disebabkan mungkin ---

NSMS2: Banyak lompat kot

ST: Kesilapan saya yang utama kerana saya ketika mengejar tu, saya pakai --- saya tak pakai macam kasut-kasut yang *flat* [mendatar] ni kan (sambil menggerakkan tangan). Macam *sneakers* [kasut sukan] ni kan *flat* [mendatar] (sambil membuat gerakan tangan). Ataupun kasut-kasut yang sesuai untuk kita kejar-kejar ni

NSMS2: Berlari

ST: Sepatutnya saya pakai kasut *flat* [mendatar]. Itu kesilapan saya nyata yang saya perasan. Pertama kesilapan saya adalah saya pakai kasut *office work* [kerja pejabat] punya kasut.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Yang licin tu

ST: Dia-mana -- belakang dia mesti tinggi (meletakkan ibu jari kanan dan jari telunjuk kanan berdekatan).

NSMS1: Bertumit sikit

ST: Betul (menunjuk NSMS1).

NSMS2: Sakit juga lah

ST: Jadi kalau kita loncat, kita letak (menghentak perlahan tangan ke meja) tumit tu dia macam (menepuk tangan sekali)

NSMS1: Tekan

ST: Ha kan

NSMS2: Patah dekat bahagian mana tu?

ST: Sini (menunjukkan bahagian pinggul)

NSMS2: Oh *effect* [impak] kat sini eh (memegang pinggang)

ST: Patah taboo lah

NSMS2: Oh (mengangguk). Adakah kejadian itu memberi impak dalam kehidupan encik sehingga kini?

ST: Ada sikit-sikit jelah. Sikit je. Dia takde macam --- takde memudarut lamalah. Dia mudarat setahun saja lah

NSMS1: Setahun jelah

ST: Setahun aje lah. Saya hampir tak berlakon hampir setahun lah. Sebab nak tunggu dia baik tu lama. Sebab dia patah tu dekat sini pastu dekat sini (memegang pinggul turun berdekatan lutut).

NSMS2: Oh dua [2] tempat?

ST: Tak. Dia patah dekat sini (memegang bahagian pinggul), tapi dia kena *operate* [bedah], dia kena masuk besi daripada sini masuk ke sini (memegang bahagian berdekatan lutut naik ke pinggul). Dia jadi dekat sini (memegang pinggul) pun dia kene ada skru kat sini (memegang atas lutut) pun ada skru. Ha itu lah. Itu pengalaman pahit lah. Tapi takpe tak kesah lah, itu kesilapan kita kan. Kesilapan kita sendiri yang kita macam tak terfikir yang --- kita tak terfikir yang kita akan men-mendapat musibah yang begitu kan.

NSMS1: Okey sekarang encik kita beralih kepada cabaran lah. Boleh encik cerita liku-liku perjalanan sepanjang menceburi bidang ini dari awal encik menceburi bidang lakonan ini?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Okey. Permulaan untuk menjadi seorang pelakon ni memang susah lah bagi saya ketika itu sebab pertama sekali kita ni *nobody* [bukan siapa-siapa], dan takde orang yang nak bagi kita dorongan atau *support* [sokongan] kita. Untuk kita menjadi seorang pelakon, tidak ada. Tidak ada orang yang-- bukan nak *support* [sokongan] tapi macam memimpin kita tidak. Semua ni inisiatif adalah atas kesedaran diri sendiri. Maksudnya usaha itu adalah di atas daya usaha diri kita sendiri. Dan memang perjalanan itu amat pahit sebab kita kena berkorban banyak masa.

NSMS1: Masa dengan keluarga (menggerakkan tangan)

ST: Masa keluarga satu masalah. Masa nak-pergi -- belajar tu pun satu masalah. Sebab masa tu pun saya tengah bekerja (gelak kecil)

NSMS1: Kena bagi-bagi masa

ST: Jadi masa tu macam kelam kabut bagi saya (menggerakkan tangan).

NSMS2: Kena pandai *manage* [urus] lah

ST: Ha (setuju). Jadi dia contoh beginilah, saya habis kerja pukul lima [5], pukul enam [6] *start* [mula] kelas. Pukul enam [6] kelas dah *start* [mula]. Habis pukul lapan [8]. Faham tak? Maksudnya daripada pagi saya ada kat rumah pergi kerja, habis kerja nak pergi kelas, habis kelas baru balik rumah balik. Jadi kan kita banyak masa berkorban, korban maksudnya *family* [keluarga] kita banyak --- macam bukan terabai, tetapi luangan masa *family* [keluarga] untuk *family* [keluarga] tu ---

NSMS2: Tak de masa

NSMS1: Kurang --

ST: agak sikit. Bila balik dah malam. Anak-anak dah tidur

NSMS1: Dah tidur

ST: Ha kan. Jadi bila kita nak makan pun kita tak ganggu isterilah. Walaupun isteri dah masak kita sendiri senduklah (mengajuk perbuatan menyenduk sesuatu). Kan. Bila kita balik dah malam kan jadi kita tak nak ganggu dia (membuat gerakan tangan).

NSMS1: Macam mana cara encik menghadapi kesukaran tersebut?

ST: Ha itu memanglah. Maknanya terpulang pada kita lah. Kita -- pun kena berjimat-cermat zaman itu kan. Zaman itu kita macam, duit pun agak susah juga. Jadi kita gaji dengan gaji kecil jadi kita kena berjimat-cermatlah. Makan pun kena berjimat-cermat. So [jadi] saya lebih kepada *take it easy* [mengambil mudah], di mana saya cakap “apa yang ada kita makan, apa yang takde tu kita usaha” (menggerakkan tangan). Insya-Allah kan. Duit gaji ni ada. Tapi untuk saya pergi makan kat luar ketika saya belajar tu a - ala -- kadar jelah. Kalau dulu zaman dulu kita makan maggi mee ni baru dua puluh [20] sen.

NSMS2: Sekarang ---

NSMS1: Sekarang tak dapat dua puluh [20] sen (gelak kecil)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha ya lah. Baru dua puluh [20] sen satu [1] mangkuk. Itu pun satu [1] mangkuk dua puluh [20] sen tu kadang-kadang kawan-kawan kita orang ni banyak yang takde kerja. *Share* [kongsi] (gelak besar)

NSMS1: (Gelak kecil) Boleh

NSMS2: (Gelak kecil) *Portion* [isi] banyak tak?

ST: Ha? (meminta mengulang sambil mencondongkan badan kehadapan)

NSMS2: Banyak tak dia punya dalam tu?

ST: Hei satu plas... satu bungkus tu je lah (membuat gerakan kotak menggunakan tangan). Tapi *share* [kongsi] kadang-kadang tiga [3] orang. Ha serius. Sebab zaman tu duit pun susah (sambil memegang telinga). Duit susah. Kan, zaman tu dekat-dekat nak *recession* (kemelesetan) jugak lah. Ha zaman tu susah. *Just imagine you* [bayangkan sahaja kamu] minum teh tarik seposen kan. Teh tarik masa tu seposen je (ketawa besar)

NSMS2: Dulu

ST: Ha dulu (sambil menggerakkan tangan), lepas tu semangkuk maggi mee dua [2] posen. Itu pun maggi mee ni *share* [kongsi] kadang-kadang air pun tuang sorang sikit. Ha macam itu (menepuk tangan sekali dan tertawa kecil). Tapi takpe lah. Itulah pengalaman. Di mana kita tau kita asal daripada kat bawah. Daripada susah. Bila kita dah dapat me - *improve* [tingkan] kan ekonomi kita takkan lah kita tak - reti -- nak mengimbangi ekonomi kita tadi kan? Perbelanjaan kita.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey encik, kita tahu encik dah tiga puluh lima [35] tahun berada dalam industri lakonan. Jadi, sepanjang tiga puluh lima [35] tahun tu macam mana cara encik menyesuaikan diri dengan artis lain?

ST: Okey, saya *very simple* [sangat ringkas] aje. Err, bila kita berkerja kita merupakan satu *team* [pasukan]. (sambil menggerakkan tangan dan menggaru pipi). Jadi kita tidak boleh anggap kita senior, kita junior, kita *new comer* [pendatang baru], *what ever* [apa-apa sahaja] kan? (sambil menggerakkan tangan). Dalam industri ni kalau kita pandang macam itu macam kita ada egois kita ada ego kita. Pada saya mudah saja, *just work together, do the best for the sake of this drama, or this* [hanya berkerja bersama-sama, buat yang terbaik demi drama ini, atau] apa *drama series* [drama bersiri] or [atau] filem, *and then* [kemudian] kita tengok hasil dia kemudian. Maknanya kita sama-sama meraikan, kita berkerja secara harmoni tidak - ada -- darjat diantara kita. *Because we - are -- the same level* [Sebab kita berada pada tahap yang sama]. Maknanya bila kita berkerja tu kita di dalam kategori yang sama melakukan atau menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita untuk melaksanakan projek ini. *To me very simple is to do the best whatever job* [Pada saya mudah sahaja, buat yang terbaik apa sahaja pekerjaan] yang kita ada untuk kita -- lancarkan err (berfikir) pergambaran tersebut sehingga daripada mula sehinggalah ke akhir drama itu kita -- buat. (Mengangguk).

NSMS1: Okey, kalau kita tahu zaman dulu ni dia tak banyak media. Jadi macam mana nak promosikan sesuatu cerita tu? (Sambil menggerakkan tangan).

ST: Okey. Itu yang berbalik kepada apa yang saya cakap tadi. *If you need attention, if you need some appreciation, you have to do a very good job in whatever* [Jika awak perlukan perhatian, jika awak perlukan penghargaan, awak perlu lakukan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

kerja dengan sangat baik dalam apa sahaja] err (berfikir) *character* [watak] yang diamanahkan kepada *you* [awak]. (Sambil menggerakkan tangan). Maknanya, *you have to* [awak perlu] err (berfikir) *project your own* [mengunjurkan awak punya] err (berfikir) *interpretation* [tafsiran] emm err (berfikir) *in -- a terms of* [dari segi] pemahaman *you* [awak] tentang *character* [watak] yang *you* [awak] bawak.(sambil menggerakkan tangan) *So* [jadi], bila *you* [awak] membuat *homework you, you go some homework, you are doing some research on -- the character itself, then you get all the input* [latihan awak, awak lakukan sedikit latihan, awak membuat sedikit penyelidikan pada sesebuah watak itu, kemudian awak dapat semua bahan] (Sambil menggerakkan tangan) *and that input will give improvement err in your terms of execute you* [dan maklumat tersebut akan memberikan penambahbaikan dari segi awak] punya hmm (berfikir), persembahan. (Mengangguk). Ha kan? Dan ini me - merupakan *you* [awak] punya , *what we call that* [apa yang kita sebut itu] err (berfikir) *bullet* [peluru]. *Is a bullet actually* [Ia adalah peluru sebenarnya] (Menggerakkan tangan). *Because* [sebab] (Menarik nafas) *once you get this information* [apabila awak dapat maklumat] ataupun segala maklumat yang *you* [awak] kop- kumpul, *you* [dapat] dapat daripada penulis, daripada pengarah, daripada *reading* [bacaan], *homework* [latihan] yang *you* [awak] buat *and then from the script itself* [dan kemudian daripada skrip itu sendiri], *you* [awak] gali -- , dan *you* [awak] kumpul maklumat ini tadi *and from this* [dan daripada] maklumat yang *you* [awak] kumpul tadi, *you ob - observed it and then you pe - reproduced* [awak telah serap dan kemudian awak hasilkan semula], makna *you* [awak] -- le - apa (berfikir) lontarkan di dalam lakonan *you* [awak] tadi dan barulah *whatever character* [apa sahaja watak] itu buat, dia faham apa yang dia buat, bukan dia sahaja melontarkan dialog. (Sambil menggerakkan tangan). Faham tak? Dialog itu *is a surface only* [adalah hanya permukaan sahaja] (Menggerakkan tangan). Itu *suwesse* - itu merupakan satu maklumat. Maklumat macam *you* [awak] dengar, *you* [awak] -- tengok orang baca berita, *you* [awak] dapat maklumat. Tapi sebagai seorang pelakon, *you* [awak] bukan sahaja melontarkan maklumat, *you* [awak] melontarkan *action you* [tindakan awak], tindakan *you* [awak], gerak *you* [awak], pemikiran *you* [awak]. Faham tak maksud dia? (sambil menggerak-gerakkan tangan dan tersenyum).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Faham --

ST: Maknanya pengisian yang telah *you* [awak] dapat tadi tu, itu yang *you* [awak] --
(sambil menggerakkan tangan)

NSMS1: *Deliver* [sampaikan]. (sambil menggerakkan tangan)

ST: *Deliver it* [sampaikannya] (Menggerakkan tangan). *In terms of a -- good actor* [dari segi pelakon yang bagus], dia kena buat *homework* [latihan], dia kena buat *research* [penyelidikan], dia kena buat *study* [belajar]. Dia bukan sahaja hafal skrip (sambil menggeleng kepala dan mennggerakkan tangan seperti membaca skrip) dan buat, hafal skrip. *No* [tidak] -- (Menggelengkan kepala). *That is not an actor actually* [Sebenarnya itu bukan pelakon]. *Actor, you have to be a thinker* [Sebagai pelakon, awak perlu menjadi pemikir]. Maknanya *you have to think before you do* [awak perlu berfikir sebelum awak lakukan]. (Sambil menunjukkan jari tulunjuk ke atas pada paras dada). *And then* [Kemudian], dia mesti ber ke - ber - bersesuaian *and link to the whatever incident* [dan berkait dengan apa jua kejadian] yang akan *you* [awak] berhadapan nanti. (sambil menggerakkan tangan).

NSMS2: Okey, lebih daripada tiga puluh [30] tahun encik berkecimpung dalam bidang lakonan. Pasti dapat banyak watak-watak yang telah dimainkan oleh encik sendiri. Hmm, apani (berfikir) pastinya ada watak yang mencabar. Macam mana encik hadapi cabaran watak mencabar tu? Bila nak buat watak yang mencabar. (Sambil menggerakkan tangan).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Macam --- Okey, macam filem ---. Filem eh. Saya bercakap tentang teater lah. (Sambil menggerakkan tangan). Macam teater bila saya diberi lakonan mementas membuat satu persembahan teater, pementasan teater dan we - err (berfikir) cerita tu bertajuk 'Tun Perak' [Tajuk Teater]. Jadi, 'Tun Perak' [Tajuk Teater] ni dia adalah merupakan nama yang besar. Nama - yang -- gah dalam sastera dan juga dalam sejarah me - Melayu dalam sejarah Melaka dalam negara Ma - Malaysia ini ataupun semenanjung tanah Melayu, Tun Perak [Watak utama yang dimainkan] ini merupakan pera - memainkan peranan yang besar di dalam pentadbiran negara. Dan di sinilah kerjanya sebagai seorang pelakon untuk menggali, gali -- (menggerakkan tangan) sehingga *you* [awak] -- dapat maklumat yang penting untuk *you* [awak] pegang maklumat itu dan *deliver* [sampaikan] ketika bersesuaian dengan waktu dan ketika watak itu melontarkan kata - kata yang kena pada masanya. (Sambil menggerakkan tangan) Faham tak maksud saya?

NSMS1: Faham (Mengangguk)

NSMS2: Hmm (Mengangguk faham)

ST: Ya? Maksudnya di sini *you* [awak] kena buat *research* [penyelidikan] , *you* [awak] kena buat *homework* [latihan], *you* [awak] kena *study* [belajar], *you* [awak] kena *get all the information* [dapatkan semua maklumat]. *So, when you gathered all everything, then you are confident* [Jadi, apabila awak cantumkan semua, kemudian awak akan yakin]. *You* [awak] bawak watak tu, *you confident* [awak yakin]. (Menggabungkan kedua-dua tangannya). Baru *you* [awak] rasa aura tu ada. Faham tak?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Oh, faham -- (Mengangguk sambil menggosok mata).

ST: Aura tu dia akan datang setelah *you* [awak] kumpul maklumat. (Menggerakkan tangan). Selagi *you* [awak] tak kumpul maklumat, *you* [awak] baca skrip aje, *you* [awak] baca teks aje, *you gain nothing from that* [awak tidak mendapatkan apa-apa daripada itu].

NSMS2: *Blur - blur* [kabur - kabur] macam tu. (Sambil menggerakkan tangan)

ST: *You* [awak] macam hafal dialog saje. (Menggerakkan tangan).

NSMS2: Hmm (Mengangguk)

ST: Tapi, adakah jiwa Tun Perak [Watak utama dalam teater Tun Perak] itu telah berada di dalam diri awak? Ha. (Sambil menggerakkan tangan dan tergelak besar)

NSMS2: (Tergelak)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha kan? (Menunjuk ke arah NSMS2). Tu penting tau. Sebab apa, saya pernah berlakon. Ni bercerita tentang macam drama pulak eh.

NSMS2: He'eh (Mengangguk bersetuju)

ST: Tadi teater. Ni drama. Drama, saya berlakon cerita 'Kebangkitan' [Tajuk sebuah drama Melayu]. Dalam kebangkitan itu satu watak yang seorang penulis -- surat khabar. Watak penulis surat khabar. (Menggayakan orang sedang menulis). Dia ni masih hidup orang dia. Menggunakan nama dia tu. Cuma menggunakan nama dia, tetapi orang itu masih ada. (Menggerakkan tangan). Sekarang ni bila saya mengkaji watak itu, saya mengkaji jiwa watak itu tau. Saya kena tahu latar belakang dia sapa, dia ni sapa, asal dia dari mana? Adik beradik berapa, kerja dia apa? (sambil menggerakkan tangan). Sama macam Tun Perak [Wataknya didalam teater] juga.

NSMS2: Buat *research* [penyelidikan] la. (Sambil menggerakkan tangan)

ST: Saya kena buat benda tu. Kena tahu bio - biografi mereka (Menggerakkan tangan). Setelah pencapaian mereka, kegagalan mereka. Ke - kehebatan mereka. Kejayaan mereka. Semua tu saya kena kaji. (menggerakkan tangan). Setelah saya kumpul benda itu, bila saya dapat benda itu, jiwa yang kita cipta tu tadi akan ada. Faham tak? (sambil mengangguk)

NSMS2: Hmm. (Mereaksakikan pemahamannya)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Faham -- (Mengangguk faham)

ST: Bila kita dapat ---

NSMS2: Sebab dah dapat. (Menggerakkan tangan)

ST: Kita dah dapat nombor satu [1], saya letak nombor satu [1], Tun Perak [nama watak]. Nombor dua [2] berapa orang err (berfikir) ibu bapa apa aih - apa - [menyedari kesilapannya] keluarga dia sapa, mak pak dia sapa [memperbetulkan kesilapannya]. Okey, adik beradik berapa. Berapa --. Di - memang -- orang cakap ni leceh sikitlah nak buat biografi dia.

NSMS2: Kira jadi macam satu cabaran jugalah kan? (Sambil menggerakkan tangan)

ST: Ya (Mengangguk). Nak susun biografi dia [Tun Perak] ni. (Menyentuh-nyentuh meja). Kejayaan dia apa, kegagalan dia, siapa musuh dia, siapa orang yang paling rapat dengan dia, siapa -- dia denga - dia perhubungan dia dengan istana, perhubungan dia dengan musuh, perhubungan dia dengan orang-orang besar istana. Itu *about* [tentang] Tun Perak [Watak Utama teater yang dimainkan olehnya]. *About* [tentang] yang watak-watak ni, dia berhadapan dengan siapa? Siapa musuh dia? Dia se - berkerja dengan surat khabar mana? stesen mana? Apa nama surat khabar dia? Apa yang ditulis? (Sambil menggerakkan tangan).

NSMS2: Hm -- (sambil mengangguk faham)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Tentang apa? Tentang Kemerdekaan. Okey, dia melawan sapa? Dia melawan Jepun, dia -- melawan ten - apa (memejamkan mata berfikir), melawan musuh. Siapa musuh dia? Jepun. *So* [jadi], dia -- ni bergerak dengan surat khabar percetakan. Okey adakah err (berfikir sambil memejamkan mata) sur- apa syarikat itu wujud ketika itu? Memang wujud tetapi ditut - diarahkan tutup. *So* [jadi], bila diarahkan tutup macam mana dia - nak -- meneruskan err apa (berfikir sambil menggerakkan tangan) mener - meneruskan informasi dia tu kepada rakyat? Dia kena bergerak bersendirian. Dia kena gerak bergerak dalam gelap. Dia -- kena bergerak bawah tanah. *So* [jadi], maknanya benda - benda ni *you* [awak] kena tahu. Jadi benda ni bila *you* [awak] dapat tahu, dengan sendirinya *you* [awak] akan bentuk satu jiwa. (Bercakap sambil memejamkan mata).

NSMS2: Untuk hayati watak. (Sambil menggerakkan tangan)

ST: Untuk watak itu. (Mengangguk sedikit). *You* [kamu] dah nampak dah.

NSMS2: Oh, faham -- (Mengangguk faham)

ST: Okey, ini ni -- (Nada menerangkan situasi). *So*, bila benda tu dah ada, *you* [awak] senanglah bawak. (sambil menggerakkan tangan)

NSMS2: Hm. (Mengangguk faham)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *You* [awak] dah ada gambaran dia. (menggerakkan tangan)

NSMS2: Hm. (mengangguk faham)

ST: Jiwa tu dah ada. Benda tu ada. "Eh, aku ni tak boleh terang-terang, kalau aku terang-terang ni kena tembak nanti kena tangkap dengan Jepun".

NSMS1: Oh, betul. (Mengangguk)

ST: (Gelak). Kan? *So* [jadi] aku bergerak bawah tanah. *So* [jadi] maknanya bukan kau sorok bawah tanah. (Gelak sambil memukul meja)

NSMS2: Kena ni lah ---

ST: Maknanya kau kena ---

NSMS2: *Imagine* [membayangkan].

ST: perhati --. kalau takde baru kau pergi. Ha macam tu lah (Mengangguk).
Maknanya kau - nak -- edarkan risalah tu pun macam kau kena hati-hati ---
(sambil memandang kiri dan kanan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Takut macam tu --

ST: Jangan ada tali barut, jangan ada musuh yang akan *report* [mengadu] benda yang kau buat. Jadi maknanya, gerak engkau itu adalah gerak yang orang tak akan ketahui.

NSMS2: Hmm (Mengangguk faham)

ST: Jadi, benda-benda ni dengan sendirinya cep - terciptanya pergerakan itu tadi pun, dengan sendirinya akan a - ada tau. (Sambil menggerakkan tangan). Faham tak maksud dia?

NSMS2: Hmm hmm (sambil mengangguk faham)

ST: Dia akan datang sendiri. Dia akan rasa macam ni, cemas, cuak, waspada. (Sambil melirikkan mata ke kiri dan ke kanan)

NSMS1: Betul - betul menghayati. (Mengangguk sambil tersenyum)

NSMS2: Ha'ah. (Mengangguk)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Faham tak maksud saya? (Sambil membuka tangannya)

NSMS1: Faham. (Mengangguk)

NSMS2: Faham -- (Mengangguk)

ST: *It simple like that* [Ia mudah seperti itu] lah maknanya. Tapi *you have to do your work, you have to do your homework.* [awak perlu buat kerja awak, awak perlu buat latihan awak] *You have to do research to - get - the -- all the details ab - regarding the character and the interpretation in whatever the writer needs to deliver and then also the* [awak perlu membuat penyelidikan untuk mendapatkan semua butiran berkaitan watak dan tafsiran apa sahaja penulis perlu sampaikan dan juga] pengarah yang *you have to deliver* [awak perlu sampaikan]. (Sambil menggerakkan tangan).

NSMS2: Berdasarkan pelaman - pengalaman encik, apakah watak yang paling sukar dimainkan? (Menggerakkan tangan)

ST: Watak yang paling sukar itu macam apa (berfikir) watak teater lah. Masa tu saya berlakon cerita 'Bakai' [Tajuk teater]. 'Bakai' [Tajuk teater] ya.

NSMS2: 'Bakai' [Tajuk teater]? (Mengulang semula untuk kepastian)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: 'Bakai' [Tajuk teater] (Mengangguk sedikit). 'Bakai' [Tajuk teater] ni merupakan satu naskhah daripada penulisan -- zaman *Greek [Rom]*.

NSMS2: Wow. (Melahirkan rasa kekaguman)

ST: Uru -- apa dia punya nama (berfikir sambil memejamkan mata) *arepedis*-[sic, *Aphrodite*, Dewi Yunani purba cinta seksual dan kecantikan, yang dikenalpasti dengan Venus oleh orang Rom]. Macam tu lah. Penulis itu *arepedis* [sic, *Aphrodite*, Dewi Yunani purba cinta seksual dan kecantikan, yang dikenalpasti dengan Venus oleh orang Rom]. Cerita tentang raja -- yang -- memerintah dengan zalim. Maknanya dia membunuh, dia membunuh untuk mendapat kuasa. (Mengangguk). Jadi, memang macam dia berlawanan dengan sifat saya. Kan? (Tergelak).

NSMS2: (Tergelak), okey.

ST: *Against my own* [Berlawanan dengan saya punya] --- (Meletakkan tangan di dada)

NSMS2: *Personality* [personaliti] (Menggerakkan tangan).

ST: *Personality* [personaliti] jadi saya kena bawa watak dia.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: A'ah, susahlah (Mengesat peluh)

ST: Watak ni yang jahat dia lain macam. (Tergelak) . Kan?

NSMS2: Oh.

ST: Zaman -- yang zaman itu tuhan dia pun tuhan apa tu orang panggil tu yang zaman-zaman *Greek* [Rom] punya tuhan *Greek* [Rom] ni. Faham tak?

NSMS1: *Apollo* [Merupakan dewa matahari, cahaya, inspirasi, puisi, muzik, tarian, penyembuhan, penyakit, kebenaran, ramalan, kemurnian, peradaban dan pelindung para lelaki yang belum berkahwin] (Tergelak kecil)

ST: Ha (Mengangguk bersetuju). Dia ada tuhan zaman dia. (Menggerakkan tangan)

NSMS2: Ha'ah.

ST: Jadi, kita kena berjaga-jaga kan? (sambil menggerakkan tangan dan tergelak).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Hm -- Takut. (Mengangguk).

ST: Supaya kita tidak terlari akidah kita kan? (Tergelak)

NSMS2: Ha, betul (Mengangguk).

ST: *So* [jadi], ini pun satu bahaya. Jadi memang mencabar lah masa tu. (Tergelak sedikit lalu terbatuk). Dan saya terpaksa *study* [belajar] betul-betul watak ini. Saya terpaksa bukak dia punya asal usul apa (berfikir) cerita ini. Saya bukak dalam *Google* [Alat bantu cari] . Cari penulis ni, asalnya macam - mana --, cerita dia pulak apa jenis tragedi dia. Ha, jadi dia berunsur tragedi lah. Ha, seorang raja yang zalim, yang -membunuh je kerja dia. Dia nak dapat kuasa dia bunuh orang semua. Dan sehinggakan akhirnya dia pun dibunuh balik oleh orang lain. Ha, dia macam memang tragedi lah. Watak ini macam beri saya macam *impact* [kesan] yang macam “ Eh, memang susah aku nak buat. Aku takut nanti aku langgar nanti. Aku langgar benda yang tak sepatutnya aku langgar ” (Menggerakkan tangan sambil tergelak). Faham tak?

NSMS1: Faham -- (Mengangguk)

ST: Sebab dia ni, cerita-cerita ni lari daripada norma biasa. Lari daripada cerita realisme [Aliran falsafah, seni dan sastera yang mempunyai ekspresi dalam bidang aktiviti manusia yang paling pelbagai seperti dalam lukisan, sastera dan undangundang]. (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Oh, yang selalu apa? (berfikir). Macam berlawanan lah dengan selalu watak yang dapat. (Menggerakkan tangan).

ST: Ha, ha (Mengangguk bersetuju) Dia lain, memang lain. (Sambil menggelengkan kepala). Memang zaman-zaman tu tuhan dia orang tu ap - yang pegang ada macam tongkat (Menggayakan orang memegang tongkat) semua tu. (Tergelak besar)

NSMS1: (Tergelak bersama). *Zeus* [Raja Para Dewa, penguasa Gunung Olympus dan dewa langit, cuaca, raja-raja, undang-undang, hujan, kosmos, kilat dan guruh dalam mitologi Yunani]

ST: Ha kan? (Sambil mengangguk). Dulu zaman-zaman tu lah kan? (Tergelak kecil)

NSMS2: Bahaya. (menggeleng sedikit)

ST: Ha (mengangguk), memang bahaya sikit la. Kita kena --

NSMS1: Berhati-hati

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Berhati-hati lah. Ha (Mengangguk)

NSMS1: Okey encik, kan baru-baru ni ada covid sembilan belas [Covid-19]. Jadi apakah cabaran yang dihadapi encik sepanjang menghadapi covid sembilan belas [Covid-19] ini?

ST: okey, ketika itu saya pun memang ada *shooting* [penggambaran] masa tu. Kami ada *shooting* [penggambaran] tapi tiba - tiba covid dan kita terpaksa *postpone* [tangguhkan] lah. (Sambil menongkat pipi) *Postpone* [tangguhkan] kan *shooting* [penggambaran] tu sehingga -- macam (berfikir dan mengerutkan dahi) memang *effect* [kesan] balik kepada kita lah sebab bukan -- *effect* [kesan] sebab penyakit itu. Penyakit itu memang kita tahu, dan kita ambik pre- *precaution about that* [langkah berjaga-jaga tentang itu] tapi *effect* [memberi kesan] dari segi ekonomi lah.

NSMS2: Hm (Mengangguk faham)

ST: Ha kan? Dan kita terpaksa berjimat cermat, sebab hampir - dua [2] - tahun -- err apa (berfikir) melanda - covid ni melanda dan ia menjejaskan dari segi ---

NSMS1: Ekonomi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ekonomi jugak. (mengangguk) Ha kan? Dari segi kesihatan tu memang kita dah tahu. Kita ada *precaution* [langkah berjaga-jaga] yang kita kena jaga. Dari segi kebersihan kita dan juga pelitup muka yang kita harus selalu ---

NSMS2: Pakai. (sambil meletakkan tangan di hadapan muka)

ST: gunakan untuk mengelakkan dari -- jangkitan kuman tu tadikan? Jadi dan *in term* [dari segi] yang *the* --- *Actually* [sebenarnya] itu lah. Maknanya dia *effect* [memberi kesan] dari segi ekonomi lah. (Mengangguk). Dari segi mental tu adalah sikit.(Mengangguk). Mental tu maknanya tekanan. Bukan tekanan teruklah. Cuma, risau. (Menggerakkan tangan sambil tergelak). Ha tu dia.

NSMS1: Risau.

NSMS2: Kerisauan.

ST: Ha risaulah. "Eh, (teringat sesuatu) be - bulan ni aku nak bayar ni"(Meletakkan tangan ke bahagian tepi kepala dan) Haa macam tu lah kan (tergelak besar)

NSMS2: Komitmen.

NSMS1: Oh.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: “Aku nak bayar duit kereta, aku nak bayar duit rumah”. (Menggerakkan tangan kanan dan kemudian tangan kiri) Ha jadi fikiran-fikiran yang itulah tadi yang me-
-merunsingkan kita. Bukan sebab apa (Sambil menggerakkan tangan).

NSMS1: Sebab tu sumber pendapatan kan? (Menggerakkan tangan)

ST: Ha itu sumber pendapatan kita yang kita dapat itu adalah untuk kita salurkan hutang-hutang kita nak bayar. (sambil menggerakkan tangan dan gelak besar sambil mengetuk meja).

NSMS1: (Tergelak). So [jadi] sepanjang waktu tu tawaran lakonan macam mana eh?

ST: Memang takde lah. (sambil menggeleng kepala)

NSMS1: Takde lah? (sambil menggeleng kepala)

ST: Memang tak aktif apa. *Because Government* [sebab kerajaan] pun tak *allowed to shoot* [Benarkan untuk membuat penggambaran].

NSMS1: Hmm hmm (Bersetuju)

NSMS2: Betul. (Mengangguk-angguk)

ST: *No shooting on Covid* [Tiada penggambaran semasa Covid] masa tu. Semua kena macam *postpone and stop for awhile for more -- than about two [2] years* [tangguh dan berhenti sebentar dalam lebih kurang lebih daripada dua [2] tahun] lah kan? Jadi semua *production* [produksi] macam -- *standstill* [berdiri tegak] lah macam bersedia untuk *shooting* [melakukan penggambaran] tetapi bila nak mula covid datang balik, bila nak mula covid dat - . Jadi dia *drag* [tarik] -- (Sambil menggerak - gerakkan tangan di atas meja). *So* [Jadi], alhamdulillah lah, baru-baru ni dah terbuka balik kan? Ha *so* [jadi] adalah kerja kan (Mengangguk-angguk).

NSMS1: Dah lah? Dah dapat balik lah tawaran tu?

ST: Ha, tapi tak -- *hundred [100] percent* [seratus [100] peratus]. *It's about only sixty [60] percent* [Ianya hanya enam puluh [60] peratus].

NSMS1: Oh (Mengangguk faham).

NSMS2: Hmm (Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: *Sixty [60] percent shooting* [Enam puluh [60] peratus pengambaran] lah. *Not -- hundred [100] percent.* [Bukan -- seratus [100] peratus]. (Sambil menggeleng kepala). Macam dulu *you* [awak] jangan cakap lah (Mengangguk). Dulu sentiasa *shooting* [pengambaran] aje kan? ha.(Mengangguk).

NSMS2: Hmm (Mengangguk faham)

NSMS1: Sentiasa ada tawaran lah dulu.

ST: Ha. (mengangguk)

NSMS2: Okey. Kita cerita pasal perkembangan encik pulak sekarang. Apa projek seni terkini? (Menghalakan tangan ke arah ST)

ST: Yang terkini saya tengah --- InsyaAllah saya tengah -- buat satu drama bersiri bertajuk 'Lagi-lagi Awak' [Tajuk drama bersiri] lebih kurang macam tu lah kan, dan masih dalam jadual err (berfikir) pengambaran. InsyaAllah selepas -- ini awal tahun nanti pun ada -- satu drama yang akan bersambung lah dan akan dimulakan pengambarannya dalam bulan satu [1] sehingga mungkin april. Haa (Mengangguk).

NSMS2: April (Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Insya-Allah itu -- memangnya maknanya *for the next job* [Untuk kerja seterusnya] tu memang dah ada lah. Tapi awal -- tahun. Dan drama itu merupakan drama per - err (berfikir) sambungan. Dia merupakan sam - sambungan yang ketiga. Dia ada *part one [1] part two [2], now part three [3]* [bahagian satu [1], bahagian dua [2], sekarang bahagian tiga [3]. Ha. (mengangguk)

NSMS2: Oh. (Menandakan faham)

NSMS1: Berapa episod drama tu?

ST: Tak silap saya tiga - puluh [30] -- episod kot ha (Mengangguk).

NSMS2: Oh, tiga puluh [30] episod. (Mengangguk)

ST: Tapi saya tak boleh sebut nama tajuk drama tu. (Tergelak kecil)

NSMS1: Oh, okey faham (Tersenyum)

NSMS2: Okey, tak - apa -- (Menggerakkan tangan). Kita tunggu *surprise* [kejutan] tu. Okey, ada tak aktiviti selain berlakon dalam bidang seni? Selain tu lah (Menggerakkan tangan).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Dalam -- apa?

NSMS2: Kehidupan encik lah. (Menggerakkan tangan).

ST: Okey, saya --- *Partly* [sebahagiannya] saya juga *small -- producer* [penerbit kecil] lah.

NSMS2: Oh, *small producer* [penerbit kecil].

ST: Saya *produce* [menerbitkan] jugak lah. Tapi *small producer* [penerbit kecil]. *So* [jadi], alhamdulillah lah kan. Ha (Mengangguk)

NSMS2: Nak *try* [mencuba] menyanyi? (Menggerakkan tangan dan tergelak kecil)

ST: Eh, bukan menyanyi. (Menggeleng kepala)

NSMS2: Eh tak. Tak nak *try* [mencuba] menyanyi selain berlakon? (Tergelak)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Oh tak. Menyanyi ni saya buat juga. Tapi bukan *perform* [membuat persembahan]. *Perform* [membuat persembahan] -- selalu. Tak. Dia macam ada kejutan-kejutan tu saya buatlah.

NSMS2: Emhh (Mengangguk faham).

ST: Diorang panggil lah. Macam terbaru ni hari raya hari tu. Yang lepas ni saya ada buatlah satu nyanyian. (Sambil mengangguk).

NSMS1: Oh, nampak.

ST: Tapi pakai --- (Menggayakan seperti memakai sesuatu di kepala)

NSMS2: Oh, *Costume*. [pakaian]

ST: *Costume* [pakaian] ha. Dia *call* [panggil] ---

NSMS1: '*The masked Singer*' [Program Realiti TV] tu kan? Ha (Menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Ha. (Mengangguk). *But* [tapi], sebelum ni pun saya ada menyanyi. Tapi sebelum saya, maknanya sebelum saya *involve* [terlibat] dalam bidang lakonan saya mula-mula konon-konon nak jadi pnyanyi juga. Tapi memandangkan kita tahu --- *One thing about our self* [satu benda tentang diri kita] eh *we must know our* [kita perlu tahu kita punya] kelebihan yang kita ada dan kekurangan yang kita ada. *So* [jadi], saya nampak di situ kekurangan saya adalah dari segi nyanyian.

NSMS1: Oh (Mengangguk faham)

ST: Saya kurang dari segi di - dinamiknya saya punya nada suara (Sambil menggerakkan tangan). Nada suara ni sak - tak boleh pergi tinggi. (Menggerakkan tangan sambil menggeleng kepala)

NSMS2 : Emhh (Tergelak kecil)

ST: Kalau setakat nyanyi lagu Allahyarham P. Ramlee [Tan Sri Datuk Amar Dr. Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara] tu lepas. Tapi kalau menyanyi yang zaman - zaman ---

NSMS2: *Slow note* [sic, *low note*, nada rendah] lah.

ST: Ha, yang zaman Awie [Ahmad Azhar bin Othman, Penyanyi Rock Malaysia] punya *time* [masa] ke macam tu memang tak dapat lah.

NSMS2: Rock [Genre lagu] -- . Emmh (Tergelak kecil)

ST: Memang tak lepas. (Menggeleng kepala)

NSMS1: Nyanyilah Jazz [Genre lagu] (Tergelak kecil)

NSMS2: (Tergelak)

ST: (Tergelak juga) Jazz [Genre lagu] tu minat. Sebab saya suka dengar jazz [genre lagu] (menggerakkan tangan). Saya suka jazz [Genre lagu]. Ha kan (Mengangguk). Tapi, selalunya orang jadi penyanyi ni, orang panggil, dia mesti nak dengar err (berfikir) yang *punch* [padu] -- tu kita ke mana kan? Ketika kita nak tarik tu kan? Ha itu orang nak dengar. (Menepuk sekali tangannya). Ha itu baru katakan “Uu, dinamik lah dia punya suara” (Mereaksikan kekaguman)

NSMS1: Fokus utama dia (Sambil tersenyum dan tergelak kecil) *high note* [nota tinggi].

ST: *High note* [nota tinggi] kan ha. (Mengangguk). Lepas tu ada macam nget - [bunyi nada nota] (menunjukkan turun naik nada dengan menggerakkan tangan ke atas dan ke bawah). Oh, *so* [jadi] kita tahu kita takde kemahiran itu. Okey lah, setakat tu lah. Tapi saya pernah buat *recording* [rakaman] untuk radio. Radio

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

(mengangguk) nyanyi dekat radio (menggerakkan tangan) masa tu ada *Odd-Cast* [Platform nyanyian radio]. Dia orang panggil *Odd-Cast* RTM [Rancangan Televisyen Malaysia]. So [jadi], saya pernah nyanyi. Tapi corong radio lah (Menggerakkan tangan). Di radio saje.

NSMS2: Dah lama ke?

ST: Lama lah. Zaman-zaman sebelum saya jadi pelakon lah. *And then* [Kemudian], err (berfikir) pes - TV dia *record* [rakam audio] -- dulu kita punya nyanyian lepastu dia *shoot* [rakam video] kita untuk miming aje lah. (Menggerakkan tangan). ada jugak. Awal-awal dulu, sebelum jadi pelakon (Menggerakkan tangan dan mengangguk).

NSMS2: Oh

NSMS1: Tadi ada cakap pasal rancangan radio tu. Boleh cerita sikit, buat apa sebenarnya kat rancangan radio tu?

ST: Radio yang mana? Yang *online* [atas talian] ke atau yang pergi ke studio mereka? (sambil menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Yang pergi ke studio mereka.

ST: Yang pergi ke studio itu adalah untuk rakaman drama.

NSMS1: Oh drama.

ST: Drama pun sebenarnya dia --- Drama ni bukan sahaja dia drama TV. Drama TV ada visual. Drama radio ni lebih kepada radio. Pendengar nak dengar kat radio. Dia ada radio *Klasik* [Stesen Radio Malaysia], Radio *FM* [Stesen Radio Malaysia] *Selangor* [Stesen Radio Malaysia].

NSMS1: Dulu dengar jugak ada cerita dekat radio tu. Ha. (sambil tersenyum)

ST: Iya (Mengangguk). Memang ada orang bercerita, orang berdrama. *In fact* [hakikatnya] ---

NSMS1: Drama radio (Sambil melihat ke atas berfikir).

ST: Ha, drama radio (Mengangguk). Persembahan radio *klasik* [Stesen Radio Malaysia] atau pun drama radio persembahan *Selangor FM* [Stesen Radio Malaysia] ha macam tu. *So* [jadi], kita dengar je lah. Ha.(Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey -- . Sekarang kita nak cakap pasal pencapaian encik lah.

ST: Okey.

NSMS1: Apa anugerah yang pernah encik peroleh sepanjang menceburi bidang lakonan ni? (Sambil menggerakkan tangan)

ST: Okey, pertama sekali saya --- pertama anugerah pertama yang saya dapat adalah pe - err (berfikir) Anugerah Pelakon Drama TV Terbaik [Anugerah Sri Angkasa]. Dalam drama apa -- (termenung dan berfikir) drama RTM [Rancangan TV Malaysia]. Terbitan RTM [Rancangan TV Malaysia]. Keduanya, saya err (memandang atas dan berfikir) mendapat Anugerah Pelakon Pembantu Filem Terbaik [Festival Filem Malaysia]. Filem dia 'Bintang Malam' [Tajuk filem]. (Mengangguk sedikit)

NSMS1: 'Bintang Malam' [Tajuk filem]

ST: Ha, filem 'Bintang Malam' [Tajuk Filem] (Mengangguk kepala).

NSMS1: Tahun berapa tu ha?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Tahun dia selang - selang je. Sembilan puluh satu [91, 1991], sembilan dua [92, 1992]. Gitu ha. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: (Tergelak)

ST: Selang-selang je ha. (Menggerakkan tangan sambil tersenyum).

NSMS1: Okey --

NSMS2: Okey

ST: Yang drama punya tajuk dia 'Kebangkitan' [Tajuk drama] (Sambil memegang Anugerah Sri Angkasa yang diperolehinya)

NSMS1: 'Kebangkitan' [Tajuk drama]

ST: Ha, 'Kebangkitan' [Tajuk drama]

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Ni lah. (Menunjuk ke arah trofi)

ST: yang drama punya. Kalau yang filem punya 'Bintang Malam' [Tajuk Filem]
(Sambil memegang Anugerah Filem Festival Malaysia yang diperolehinya)

NSMS2: Hmm. Legend [Lagenda] (Sambil memegang dan membeleh trofi dan tergelak kecil bangga).

NSMS1: Berat, berat dia punya ni (Sambil cuba mengangkat trofi).

ST: (Mengangguk dan tersenyum memerhati)

NSMS2: Okey, seterusnya kita akan kepada - pergi kepada sumbangan. Aa (Berfikir sambil melihat ke atas), pada pendapat encik, apakah sumbangan yang encik telah berikan kepada masyarakat, ataupun artis veteran ataupun industri lakonan sendiri sepanjang encik ceburi bidang seni hiburan ni?

ST: Pada saya sumbangan kita merupakan apa yang kita pertontonkan kepada -- khalay - apa (berfikir) kepada rak - kepada --- (berfikir sambil memejamkan mata)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Masyarakat?

ST: Penonton-penonton TV atau Filem lah. Ya? Di mana kami mempersembahkan sama ada err --- (berfikir) penilaian itu adalah terpulung kepada penonton. Bila kita melakonkan sesuatu tak semestinya kita berperangai begitu. (sambil menggerakkan tangan). Macam saya melakonkan watak jahat. Bukan semestinya saya jahat.

NSMS2: (Tergelak kecil). Watak.

ST: Itu watak aja yang jahat. Saya tak jahat. (Meletakkan tangan ke atas dada). Sama jugak. Bila saya berlakon hero bukan semestinya hero tu baik, (Menunjuk ke arah hadapan) saya baik (Menunjuk ke arah diri sendiri)

NSMS1: (Tergelak kecil)

NSMS2: (Turut tergelak)

ST: (Tersenyum). Ha (Menunjukkan jari telunjuknya). Mungkin hero [watak utama] baik, kat luar saya tak baik. (Gelak besar).

NSMS2: Tergelak. Ni apa --- (menggerakkan tangan)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Dia ada kontra dia. (memusingkan tangan)

NSMS2: Ha, kontra.(Menggerakkan tangan)

ST: Sebenarnya, *simple* [ringkas] aje. Ini terpulang penilaian kepada masyarakat. (Menggerakkan tangan). Masyarakat yang menonton. Jadi saya (menunjuk ke arah diri sendiri) anggap ini sebagai dakwah. Saya anggap ini sebagai dakwah saya lah. (Menggerakkan tangan). Maknanya *you* [awak] pilihlah. Yang baik, yang buruk *you* [awak] nilai sendiri. (sambil menggerak-gerakkan tangan). *You* [awak] buat pilihan sendiri (Menggerakkan tangan kanan ke hadapan). Ha (tersenyum)

NSMS2: Ha ya faham -- (Mengangguk)

ST: Faham tak maksud dia? Saya anggap ini sebagai dakwah saya di dunia ini, *you* [awak] buat pilihan yang terbaik. *You* [awak] pilih yang mana yang balik - yang baik *you* [awak] ikut contoh, yang tak baik *you* [awak] jangan ikut. Ha, *simple* [ringkas] aje. (menghalakan kedua tapak tangan ke hadapan)

NSMS2: Hmm. Faham -- (Mengangguk).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Okey, kita akan masuk kepada harapan eh. Adakah sebarang harapan yang encik nak dalam industri lakonan ni yang belum dicapai lagi?

ST: Dari segi lakonan saya rasa, (Memandang ke atas dan mengedipkan mata) harapan untuk saya tu saya tidak mengharap apa-apa lagi lah. Sebab saya rasa sumbangan yang saya - saya berikan itu saya dah dapat nikmat dia dan terbukti benda tu pun dah ada yang menghargainya dan memang sampai ke - hingga ke hari ini jugak saya masih lagi di dalam industri, masih lagi dalam lingkungan (membuat pergerakan tangan) orang-orang filem, drama , teater (mengangguk). Cuma apa yang saya harapkan adalah untuk generasi yang akan datang. Apabila mereka nak menceburkan diri dalam bidang ini, mereka harus mempunyai minat, bakat dan juga ilmu (Menyatakan sesuatu perkara dengan jari). Supaya, mereka juga akan mencapai kejayaan seperti apa yang saya capai. (mengangguk). Maknanya saya dah capai benda tu.

NSMS1: He'eh. (Mengiyakan)

ST: Dan saya tahu glamor ni ataupun kemasyhuran ini, kalau zaman ketika saya, saya tak kejar glamor. Saya tak kejar kemasyhuran. Tapi kemasyhuran tu akan datang kepada saya. (menggerakkan tangan dari hadapan ke arah dirinya).

NSMS1: Wow (Teruja dan tergelak)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Eh, betul. Saya tak menipu. (sambil menggerakkan tangan) Contoh ini (sambil mengangkat trofi dihadapannya). Saya menang, saya menang *award* [anugerah]. (Meletakkan semula trofi). Wartawan semua datang kejar iy – a - kejar pada saya. (menunjuk ke arah dirinya).

NSMS1: (Tergelak)

ST: Saya menang lagi satu [1] *award* [anugerah], lagi dia orang kejar saya. (Menunjuk ke arah dirinya). Jadi maknanya dengan sendirinya kemasyhuran itu (sambil menolak trofi ke hadapan) akan tercipta dengan sendirinya bila kita membuat yang terbaik. (sambil menggerakkan tangan) Dia datang sendiri. Tapi kalau kita mengejar -- je, sampai bila kita nak buat yang terbaik? Sebab kita lupa kita tak buat yang terbaik, tapi kita kejar glamor --, kemasyhuran -- . (menggunakan nada tegas dan menggerakkan tangan). Tapi yang baik aku tak nampak pun daripada engkau. (menunjuk ke arah hadapan dengan telunjuknya). Apa yang kau dah buat? (Menggerakkan kedua-dua tangan ke arah hadapan).

NSMS1: Ha, betul. (Mengangguk)

ST: Faham tak?

NSMS1: Faham.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Yang terbaik engkau apa? (Menyuakan tangan ke hadapan) Tunjukkan kepada aku (Menunjuk ke arah dirinya). Tak ada! (Menggerakkan tangan dan tergelak)

NSMS1: (Tergelak.)

ST: Jadi lebih baik ---

NSMS2: Tunjuk yang terbaik dulu (Menunjuk ke arah trofi)

ST: Lebih baik aku tunjuk yang terbaik dulu *and then* [kemudian] kemasyhuran, glamor akan datang kat kau. (Menggerakkan tangan). Tapi kalau engkau mengejar glamor dulu, terbaik engkau tak ada. Pelik jugak macam mana ni? (sambil menggaru dahi dan tergelak)

**NSMS1: (Tergelak) Okey, ada tak sebarang artis yang luar negara yang encik minat?
Yang encik suka?**

ST: Eh, memang.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS1: Ada, sapa tu?

ST: Saya suka pelakon Robert De Niro [Robert Anthony De Niro Jr, Pelakon, penerbit dan pengarah America].

NSMS2: Wow!

NSMS1: Wah. (Kagum dan tergelak)

ST: Al Pacino [Alfredo James pacino, Pelakon dan pembuat filem Amerika], Meryl Streep [Mary Louise “Meryl” Streep, Pelakon amerika].

NSMS1: Okey.

ST: Ha ini pelakon hebat-hebat yang saya suka. Selalu saya menonton filem filem mereka. (Menggerakkan tangan)

NSMS1: adalah teringin nak berlakon dengan dia orang?

ST: Takde lah sampai begitu. Tetapi mereka berlakon memang macam kena. Kena dengan watak, kena dengan tindakan, kena dengan err apa -- (berfikir)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

pemahaman mereka tentang lakonan memang hidup, memang kena aje. Takde yang cakap tak kena. (Menggerakkan tangan). Jadi, saya perlukan macam itu lah. Kalau kita nampak orang berlakon macam itu, kita rasa macam kita terangsanglah, kita macam rasa ow, Bestnya! Bestnya dapat watak ni! Ha tu. (Menggerakkan tangan dan tersenyum).

**NSMS1: Apa harapan encik terhadap industri lakonan untuk masa hadapan?
(menggerakkan tangan)**

ST: Itu macam saya cakap tadilah, generasi baru, harus berusaha untuk memantapkan diri dari segi mena - menambahkan ilmu lah. Maknanya kalau dia nak betul-betul bidang -- ini bidang - bidang seni lakon ni ataupun seni persembahan ini bukan sahaja kosong eh. *You* [awak] boleh mencapai menjadi seorang yang -- mempunyai pengiktirafan daris - dari segi pengiktirafan akademik (Mengangguk).

NSMS1: Hm -- (Mengangguk setuju)

ST: Akademik. *You* [awak] boleh jadi, *you* [awak] boleh dapat, *you* [awak] punya Master [Ijazah sarjana], PHD [Doktor Falsafah], Degree [Ijazah Sarjana Muda], Diploma. Dulu - mana - ada -- (menggerakkan tangan dan tergelak kecil)

NSMS1: Betul

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Betul (Mengangguk dan tergelak)

ST: Dulu mana ada. Dulu tak ada. (Menggeleng kepala dan tergelak kecil). Tapi sekarang ada. *So* [jadi], maknanya selepas *you* [awak] tak nak jadi pelakon pun, *you continue* --[awak sambung] belajar, *you* [awak] boleh dapat *you* [awak] punya dok Master [Ijazah sarjana], *Doctor rate* [taraf doktor], *Degree* [Ijazah Sarjana Muda], or [atau] Diploma. (menggerakkan tangan). Ya, untung tak generasi baru? (Menyuakan tangan ke hadapan)

NSMS1: Untung (Mengangguk dan tersenyum)

ST: Zaman kita orang tak ada benda tu. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Kena seratus [100] peratus bakat. (Tergelak kecil).

ST: Ha, zaman dulu, seratus [100] peratus usaha sendiri. (Menggerakkan tangan).

NSMS1: Usaha sendiri. (Tersenyum)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

ST: Cari ilmu sendiri. Kejar -- guru-guru sendiri. Carik guru sendiri. Ha, makan minum sendiri. (Menggerakkan tangan ke hadapan berulang kali). Makan minum pun *share* [kongsi] tiga [3] orang. (Tergelak besar sambil mengetuk meja).

NSMS2: *Independent* [Berdikari]. (Menggerakkan tangan).

ST: Ha, *very independent, yes*. [sangat berdikari, ya] (Mengangguk setuju sambil menggaru telinga).

NSMS1: Okey encik, sepanjang tiga puluh [30] tahun dalam industri ni, ada tak pihak produksi yang encik nak berlakon bersama? Yang belum lagi berkerjasama dengan dia.

ST: Sebenarnya itu adalah err apa (berfikir) agak rumitlah saya nak bagitahu. Sebab *production* [produksi] ni banyak. *Production* [Produksi] banyak (sambil menggeleng kepala). Apatah lagi sekarang. Kalau dulu kita cuma ada *RTM* [Rancangan Tv Malaysia]. Lepastu kita ada *TV3* [Stesen TV Malaysia], lepastu kita ada *astro* [Saluran TV berbayar]. Sekarang kita ada net- *Netflix* [Perkhidmatan penstriman TV dan Filem] kan? Kita ada *Awesome TV* [Stesen TV Malaysia], kita ada hai - *Hit TV* [stesen TV] , kita ada macam-macam lagilah. Jadi, ruang tu besar. (Menggerakkan tangan). Terbukalah. Jadi, pada saya tak kira lah mana stesen nak panggil, mana *production* [produksi] nak panggil, kalau bersesuaian dengan watak yang diberi saya terima saja.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

NSMS2: Oh, okey. Jadi sekadar itu sahaja kita punya sesi temubual. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai industri seni tanah air bersama Encik Shaharuddin Thamby. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam industri seni kepada para penyelidik pada masa akan datang.

LOG TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

6.0 LOG TEMUBUAL

BAHAGIAN	MINIT	TOPIK	HURAIAN
Bahagian 1	0:00:51 - 0:04:41	Latar Belakang Diri	<ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh beliau Shahrudin bin Tambi • Berasal dari Selangor • Umur kini 64 tahun • Sudah berkeluarga • 35 tahun dalam bidang perfileman, drama dan teater • Meminati bidang seni kerana berminat sangat dengan era P. Ramli atau Jalan Ampas sehingga zaman Studio Merdeka • Memulakan kerjaya dalam bidang lakonan dari tahun 1985 atau 1984 sehingga kini 2021 • Tarikh lahir 15/3/1957 • Dilahirkan di Morib, Banting kemudian berhijrah ke Kampung Baru • Arwah bapanya pernah menjadi pemandu teksi sebagai pekerjaan sampingan selain berniaga • Nama timangan waktu kecil ialah Cha'ai • Kini tinggal di AU5D, Lembah Keramat • Merupakan anak sulung daripada 8 orang adik beradik
Bahagian 1-1 dan Bahagian 1-2	(Bahagian 1-1) 0:04:50 -	Aktiviti Waktu Lapang	<ul style="list-style-type: none"> • Aktif sukan bahkan sejak sekolah • Aktif dalam bola sepak, takraw, badminton, ping pong, hoki,

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

	0:04:01 (bahagian 1-2)		<p>ragbi dan larian 100 meter dan 200 meter sewaktu bersekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernah mengatasi Sekolah Victoria dan Saint John dalam pertandingan bola sepak dengan muncul juara sewaktu sekolah • Sangat meminati dan aktif bermain badminton sejak sebelum bekerja sebagai pelakon dan kembali bermain pada 2018 setelah beberapa tahun menjadi pelakon • Bermain badminton untuk membina stamina • Kini beliau bermain badminton bersama rakan artis lain seperti Puteri Aishah, Azrel Ismail dan Ozlyn serta rakan-rakan yang lain • Kini beliau bermain badminton di dewan badminton yang berada di Wangsa Maju dan Setapak • Membagikan waktu antara kerjaya dan hobi dengan memberi komitmen pada kedua-dua masa
Bahagian 1-2	0:04:08 - 0:06:10	Ahli Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 3 orang anak bersama bekas isteri beliau iaitu Nor'aini binti Muhammad • Anak pertama dan terakhir ialah lelaki manakala anak kedua ialah seorang perempuan • Nama timangan anak pertama ialah Chap, anak kedua ialah Akak dan anak ketiga ialah Ayap

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<ul style="list-style-type: none"> • Ayah beliau bernama Haji Tambi bin Muhammad Jan dan ibunya ialah Hajah Rahmah binti Abu • Anak pertamanya Chap merupakan penyanyi A to Z
Bahagian 1-2	0:06:17 - 0:07:18	Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah rendah di Sekolah Genirut Kuala Lumpur • Sekolah Menengah Metris sehingga tingkatan 5
Bahagian 1-2, Bahagian 1-3 dan Bahagian 2-1	(Bahagian 1-2) 0:09:23 - 0:09:05 (Bahagian 2-1)	Pandangan Mengenai Industri Hiburan Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelakon zaman Jalan Ampas memberikan lakonan yang begitu mendalam • Mendapat inspirasi daripada lakonan era Jalan Ampas, Jalan Cathay Keris dan Shaw Brothers • Beliau tidak terdedah kepada Hollywood Movie • Menjadi pelakon melalui ujibakat • Kebolehan dinilai untuk menjadi artis • Perlu memberi kesan kepada pengarah dan penonton • Kini ujibakat jarang dilakukan untuk menjadi pelakon • Kini menjadi pelakon melalui pengikut Instagram • Zaman beliau jika tiada bakat dan ilmu, sukar untuk menjadi pelakon • Zaman dahulu lebih kepada pentas

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<ul style="list-style-type: none">• Penilaian tersendiri terhadap pilihan menjadi pelakon• Pendorong menjadi pelakon adalah diri sendiri di samping kerjaya untuk mendapatkan rezeki• Menurut Allahyarham guru beliau, minat ialah keutamaan yang diperlukan untuk menjadi artis, kedua adalah bakat dan ketiga ialah ilmu untuk memantapkan lakonan• Ilmu didapatkan dari kelas seni teater dan digunakan untuk berlakon pada masa dahulu kerana belum ada kelas formal untuk pelajaran tersebut• Tips dari beliau untuk kekal relevan ialah perlu mengenal diri sendiri dahulu, kemudian dapat membezakan diri antara ketika berlakon dengan realiti diri di luar dunia lakonan dan perlu mempunyai karisma• Pakej dari kumpulan produksi ialah pelakon perlu merujuk kepada penulis naskah untuk menjadi pelakon yang bagus, banyak bertanya dan buat kajian• Maklumat penting boleh didapatkan daripada penulis naskah, pengarah dan analisis sendiri mengenai watak
--	--	--	--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

<p>Bahagian 2-1 dan Bahagian 2-2</p>	<p>(Bahagian 2-1) 0:09:06 - 0:04:41 (Bahagian 2-2)</p>	<p>Perbezaan Seni Teater Dengan Lakon Layar TV</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiga bidang seni lakon iaitu teater, TV dan Filem • Pelakon menguasai pentas teater dan penonton secara langsung yang ada • Pelakon teater perlu kemahiran untuk memukau penonton dengan membuat kajian untuk mendapatkan input dan hasilnya • Pelakon perlu bekerja dengan teks yang diberikan dan fahamkan • Suara pelakon teater perlu lantang dan perlu lontaran suara yang bagus • Lakonan drama dan filem boleh diberhentikan seketika untuk dibuat semula • Pelakon teater perlu kemahiran membuat dialog spontan untuk menambahbaik dan membetulkan kesalahan dan memberi isyarat kepada pelakon lain sebagai petunjuk sehingga mengingat kembali baris dialog • Drama TV merupakan skrin kecil dan banyak menggunakan mikrofon boom atau mikrofon kecil tanpa wayar • Banyak tangkapan yang sangat kecil dan banyak medium shot
--------------------------------------	--	---	--

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<ul style="list-style-type: none"> • Tidak selalu lakukan tangkapan penuh (full shot) dan tidak boleh selalu menggunakan long shot • Filem merupakan skrin yang besar • Boleh ambil gambar dari sudut tinggi • Saiz bingkai yang penuh
Bahagian 3	0:01:27 - 0:05:04	Idola Dalam Dunia Lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat inspirasi daripada Allahyarham P.Ramlee, Shahadat Kadarisman, Ahmad Nifsu, Allahyarham Aziz Jaafar, Ahmad Mahmud, Salleh Kamil dan sebagainya • Inspirasi daripada heroin wanita iaitu Saadiyah, Zaiton, Sarimah, Latifah Omar, Noren Ahmad • Idola-idola era hitam dan putih kerana lakonan yang spontan dan semula jadi serta nampak bersahaja • Pelakon tidak terlalu ikut skrip tetapi tidak terlalu mengubah dialog atas dasar menghormati penulis skrip atau naskah • Pernah nampak Allahyarham P.Ramlee secara langsung ketika balik sekolah dan idolanya bermain takraw ketika itu di gelanggang Jalan Kampung Cendana • Dapat berlakon bersama idola-idola lain seperti Allahyarham

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<p>Aziz Satar, Es Kuwadinata, S. Roomai Noor, Allahyarham Mahmud June, Allahyarham M. Amin dan ramai lagi pelakon Jalan Ampas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pesanan kepada beliau ialah berlakon dengan bersungguh-sungguh
Bahagian 3	0:05:30 - 0:07:39	Artis Yang Diinginkan Untuk Bekerjasama	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak memilih pelakon • Terpulang kepada penilaian pengarah atau cadangan daripada penulis skrip untuk memilih pelakon • Tidak memilih genre • Tetapi penting untuk tahu cara menayangkan watak versi diri sendiri, cara mewarnakan watak
Bahagian 3	0:07:42 - 0:12:18	Ujibakat Watak Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak menyertai ujibakat namun gagal • Kesabaran amat penting untuk menjadi pelakon yang berjaya • Mendapat watak pertama setelah tiga tahun mengikuti kelas lakonan • Watak pertama sebagai pelakon tambahan iaitu penjaga kereta dengan dua babak sahaja • Juri ujibakat beliau semua daripada bahagian penerbitan bahagian drama, filem dan teater • Tahun ujibakat watak pertama ialah 1980-an di RTM

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<ul style="list-style-type: none"> • Ujibakat watak dengan mengisi borang dan banyak persaingan yang hebat • Masa diberikan sehingga 5 minit sahaja untuk di uji bakat seseorang itu • Sedikit kecewa semasa gagal ujibakat pertama dan seterusnya tetapi tetap tidak berputus asa
Bahagian 3	0:12:19 - 0:21:08	Kerjaya Sebagai Pelakon	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak berkorban masa bersama keluarga • Kadangkala berjauhan dengan keluarga apabila melakukan penggambaran di luar negeri • Memulakan kerjaya sebagai pelakon ketika baru berkeluarga memberi keazaman untuk mencari rezeki • Bertanggungjawab mencari rezeki untuk keluarga dan memberi persembahan terbaik dalam lakonan menjadi azam yang dipegang • Pendorong utama beliau menjadi pelakon ialah minat dalam diri • Berawal dari menonton filem-filem Melayu • Sebelum menjadi pelakon beliau bekerja sebagai kerani di era 1970-an • Beliau berazam untuk meningkatkan kemajuan diri dan

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

			<p>keluarga serta taraf hidup antara punca menjadi pelakon</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pada awal kerjaya beliau mendapat tentangan dari mantan isterinya namun beliau meneruskan atas dasar penambahbaikan diri dan taraf hidup • Menyaring watak yang diinginkan • Mengutamakan watak yang memberikan kesan kepada diri beliau selain daripada imbalan yang setimpal dengan kerja dan komitmen • Waktu penggambaran seseorang pelakon itu terletak pada jumlah babak yang diperlukan di samping selingan rehat dari babak pelakon lain
Bahagian 3	0:21:39 - 0:24:20	Tenaga Pengajar Sewaktu Pertama Kali Berlakon	<ul style="list-style-type: none"> • Tiga tahun belajar mengenai lakonan • Menggunakan teknik lakonan Stanislavsky yang diajarkan oleh guru beliau ketika itu • Guru beliau ialah Allahyarham Mustaffa Noor • Berjumpa dengan guru ketika ujubakat untuk memasuki kelas beliau • Allahyarham Mustaffa Noor merupakan pelajar dari Broadway dan pelakon teater serta filem

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK SHAHARUDDIN BIN TAMBI
MENGENAI INDUSTRI LAKONAN

Bahagian 4	0:00:13 - 0:14:27	Lakonan pertama Shaharuddin Thamby	<ul style="list-style-type: none"> • Lakonan pertama dalam teater adalah menerusi teater ‘Jiwa Merdeka’ yang diarahkan oleh Mustaffa Noor dan disiarkan di RTM dan watak yang dimainkan sememangnya sinonim dengan bidang teater pada ketika itu. • Antara skrip yang dilontarkan pada ketika itu adalah dalam bentuk puisi hasil karya Usman Awang yang bertajuk ‘Gadis di Kuburan’ dan ‘Jiwa Hamba’. • Lakonan pertama teater beliau menerima maklum balas yang sangat baik daripada penonton. • Filem pertama lakonannya ialah ‘Mekanik’ sebagai pelakon tambahan menjadi pengadil di <i>Shopping Complex</i> sekitar tahun 80-an diarahkan oleh Dato’ Othman Hafsham
